

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 58

Isnin

24 Oktober 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAMAH DATIN SERI ENDON MAHMOOD	(Halaman 24)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2006 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B. 1 hingga B. 9 dan B. 40	(Halaman 52) (Halaman 82)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2006 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.6 dan P.7	(Halaman 52) (Halaman 82)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 24 Oktober 2005
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) dalam usaha membimbing negara menjayakan Wawasan 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Malaysia sudah separuh jalan untuk tiba ke Wawasan 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat adalah elok jika sekiranya sekumpulan pakar-pakar dalam bidang kewangan dan ekonomi antarabangsa dikumpulkan di negara kita Malaysia untuk mendapat input daripada mereka tentang dua perkara:

- (i) ialah tentang aliran perubahan-perubahan dalam ekonomi global termasuklah apa yang berlaku di negara China dan India;
- (ii) ialah untuk memberi input tentang dasar-dasar yang harus kita laksanakan untuk memastikan Malaysia akan dapat mencapai matlamat Wawasan 2020.

Sidang Pertama Panel Penasihat Antarabangsa telah berlangsung antara 14 hingga 16 Ogos 2005 yang lalu, ia telah mendatangkan banyak faedah daripada negara. Sebelum sidang bermula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan tentang kenapa Malaysia menjadi sebuah yang berjaya dan beliau juga menerangkan tentang konsep Islam Hadhari yang dipraktikkan dalam negara kita dan dengan itu pakar-pakar ini lebih memahami keadaan sosioekonomi politik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara pandangan-pandangan mereka ialah adalah seperti berikut:

Pertamanya, negara China yang berkembang dengan pesat pada masa ini mungkin tidak dapat mempertahankan perkembangan lebih 9 peratus pada masa-masa

akan datang dan ini mungkin menimbulkan sedikit-sebanyak isu dirantau ini. Pakar-pakar ini juga menyatakan bahawa negara Jepun agak sukar untuk mempercepatkan pertumbuhannya. Mereka berpendapat bahawa negara-negara di Eropah iaitu *European Union* umpamanya yang sekarang ini masih lagi menghadapi beberapa isu, sukar untuk mereka mengerakkan ekonomi negara mereka dalam tempoh terdekat, itu pandangan mereka di peringkat antarabangsa.

Mengenai negara mereka kita, mereka dengan izin, *endorse* dasar-dasar yang dilaksanakan oleh negara termasuklah dasar *growth with equity*, dengan izin, pertumbuhan dengan agihan yang dilaksanakan oleh negara kita dan mereka juga mengiktiraf Malaysia sebagai satu-satu modal negara membangun yang begitu berjaya. Mereka menekankan tentang perlunya digalakkan, dengan izin, *human capital development*, pembangunan modal insan untuk mengerakkan perkembangan ekonomi dalam tempoh 15 tahun akan datang. Mereka menekankan perlunya universiti-universiti kita umpamanya digembleng seluruhnya supaya menjadi *world class universities*. Ini antara penemuan-penemuan yang dicapai oleh mereka dan kerajaan amat menghargai pandangan mereka dan ia merupakan input kepada kerajaan dan merangka dasar ekonomi kewangan jangka sederhana khususnya untuk mencapai Wawasan 2020. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, sejauh manakah dasar-dasar ini telah disebarkan kepada rakyat negara ini. Dan kedua, adakah atau tidak kemungkinan pakar-pakar ini akan mempromosikan agenda mereka sendiri dalam Wawasan 2020?

Dato' Mustapa bin Muhamed: Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya mereka membuat pengakuan bahawa dengan adanya panel ini, mereka lebih memahami negara kita. Mereka datang ke Malaysia dengan maklumat yang mungkin kurang lengkap. Dengan hadirnya mereka tiga hari di Malaysia, mereka bukan pakar tetapi mereka lebih memahami dan mereka menyatakan bahawa mereka akan menjadi duta, bagi pihak Malaysia untuk mempromosikan negara kita di peringkat antara bangsa. Mereka datang dari seluruh pelosok dunia daripada Eropah, Amerika, Jepun dan China.

Oleh itu mereka mempunyai pengaruh yang besar, bila mereka menyatakan mereka ingin menjadi duta bagi pihak negara kita. Ini bermakna mereka mampu untuk mengharuskan negara kita dengan menyatakan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh itu

mereka tidak ada agenda mereka sendiri sebaliknya mereka datang untuk memberi pandangan secara ikhlas kepada negara kita.

Berkaitan dengan sama ada dasar-dasar ini disebar, Tuan Yang di-Pertua, kita telah ada dasar-dasar kita. Yang Berhormat bertanya sama ada kita sebar dasar kepada rakyat. Untuk makluman, pandangan mereka akan jadikan input dalam kita merangka dasar-dasar sederhana kita, khususnya Rancangan Malaysia Kesembilan dan beberapa pandangan mereka, khususnya berkaitan dengan keadaan ekonomi dunia, oleh kerana mereka pakar dan bidang masing-masing apa yang berlaku di China, di India, di Eropah, di Amerika, di Jepun ini amat berguna dan kita akan gunakan input-input ini untuk merangka dasar dalam tempoh RMK-9.

Tuan M. Kula Segaran:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu adakah apa-apa *fee* yang dikenakan bayar kepada Panel Penyiasat Antarabangsa dan juga mengenai pandangan mereka ini mengenai *world class university*, adakah ia betul-betul akan diimplementasikan di negara ini memandangkan semua Vice Canselor di negara ini tidak dilantik dalam *on basic of meritocracy*.

Dato' Mustapa bin Muhamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai *fee* ada honorarium yang kecil diberikan. Kerajaan cuma menanggung tambang, tempat penginapan yang honorarium ini ialah kecil sahaja dan kosnya untuk tiga tahun, kira-kira RM2.6 juta, tiga tahun bermaknanya kosnya cuma kira-kira RM1 juta setahun, satu angka yang amat kecil pada pandangan kerajaan, memandangkan kepakaran yang ada pada mereka.

Berkaitan dengan *world class* universiti, memang pakar-pakar ini mencadangkan supaya, sekurang-kurangnya tiga universiti dalam negara kita dijadikan sebagai *research* universiti, universiti pendidikan. Dan langkah-langkah sedang diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi untuk mencapai matlamat tersebut.

Mengenai perlantikan Naib Canselor saya tak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, ini seolah-olah merendahkan martabat naib-naib canselor universiti tempatan. Mereka merupakan orang-orang yang berwibawa yang banyak sumbangan itu sebabnya mereka dipilih sebagai Naib Canselor universiti-universiti kita. Terima kasih.

[Soalan No. 2 – Y.B. Datuk Richard Riot Jaem (Serian) tidak hadir]

3. **Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada terdapat peningkatan dalam kemasukan pelajar bumiputra di institusi pengajian tinggi awam pada tahun ini mengikut bidang profesional berbanding dengan tahun 2004.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pengambilan penuntut ke IPTA yang dilaksanakan sekarang ini adalah dinamik dan telah dapat dimanfaatkan bersama oleh semua kaum termasuklah pelajar bumiputera untuk meningkatkan daya saing mereka. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, jika dilakukan trend analisis dengan izin, bagian tempoh 2003 hingga 2005 di mana meritokrasi telah mula diperkenalkan. Didapati pengambilan pelajaran bumiputera adalah bercampur-campur, kalau saya gunakan konsep BSKL. Ini dapat dilihat penonjolan dalam bidang profesional seperti perubatan, perakaunan dan kejuruteraan iaitu melebihi kuota 55 peratus. Manakala dalam bidang farmasi, undang-undang dan ekonomi di bawah daripada kuota yang berkenaan. Sungguh pun begitu ia menunjukkan trend yang sedang meningkat. Terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Sistem yang ada ini akan merugikan penuntut Sabah dan Sarawak kerana terdapat kekurangan personaliti yang menimbulkan jurang bandar, luar bandar dan antara wilayah. Bagaimanakah kerajaan membetulkan keadaan ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk melihat sistem kuota dan meritokrasi diperdebatkan. Walau bagaimanapun, kita sedang melaksanakan cara berterusan dengan kaedah-kaedah berikut. Pertamanya melaksanakan *outreach programme* bagi memastikan penuntut membuat persediaan awal dalam menghadapi persaingan yang sedang berlaku. Keduanya, melaksanakan ekspo pendidikan di setiap negeri supaya penuntut diberi pendedahan yang luas tentang sistem ini yang dilakukan secara bersepadu di antara IPTA dan juga IPTS. Dan ketiganya, memperkenalkan program-program kesihatan bersekutu atau dengan izin, *a light health* yang banyak kekosongan dewasa ini, misalnya *physiotherapy*, *optometrist*, *digitize*, penjenamaan, pengimejan, *geographer*, *therapy* pertuturan (*speech therapy*) dan *forensic medicine*.

Kita lihat bahawa 40 ribu kekosongan yang berlaku di dalam jabatan kerajaan dan ini jika dapat kita alihkan penuntut-penuntut kita ke situ, maka kita bahawa masalah pengangguran tidak akan banyak berlaku. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kita dapati bahawa secara relatifnya kurang penglibatan pelajar bumiputera dalam bidang farmasi, undang-undang dan ekonomi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, mengapakah berlaku demikian, adakah sukar untuk pelajar-pelajar bumiputera untuk memasuki bidang-bidang tersebut. Yang kedua, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai pelajar-pelajar bumiputera untuk masuk ke bidang-bidang profesional tadi?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, kalau kita lihat farmasi, yang dibangkitkan. Tahun 2004, 2005, farmasi bumiputera 33 peratus tapi sesi akademik 2005, yang baru ini naik ke 47.5 peratus, tetapi bawah lagi daripada kuota. Kalau kita tengokkan perakaunan tadi, pun begitu juga 42.6 peratus bawah daripada kuota. Oleh kerana ini tidak dapat kita elakkan kerana kita ikut meritokrasi. Jadi, oleh kerana itu apa yang kita harapkan bahawa sekarang ini dengan adanya kerjasama kita dengan Kementerian Pelajaran di mana sesi kaunseling itu akan dapat ditambah, *eksposisi* daripada segi pendedahan mereka terhadap kursus-kursus praktikal ini dapat kita masukkan dalam kerjaya kaunseling, maka kita akan dapat lihat sebagaimana yang dikatakan tadi, bahawa peningkatan itu, dan ini kita lakukan secara berterusan oleh kerajaan. Kita hadapi realiti yang ada adil seperti mana yang dikatakan oleh Kota Belud tadi bahawa *gapnya* ada di antara bandar, luar bandar, di antara wilayah, tapi kerajaan sekarang sedang berusaha untuk mempertingkatkan *result* atau keputusan peperiksaan ke arah yang lebih tinggi lagi. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilakah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang mengandungi tiga kekurangan serius dan dianggap tidak efektif akan dipinda; dan
- (b) adakah pindaan itu akan mendefinisikannya sebagai kes jenayah, merangkumi penderaan psikologi, mental dan emosi,

penguatkuasaan lebih efektif Perintah Perlindungan sementara dan Perintah Perlindungan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Seterusnya kementerian ini telah merangka cadangan pindaan kepada akta berkenaan dan cadangan ini akan dirumuskan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan pada hujung bulan Oktober 2005.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, definisi sedia ada bagi keganasan rumah tangga adalah berdasarkan kepada elemen fizikal semata-mata. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 di kementerian telah mengkaji kemungkinan untuk diperluaskan definisi keganasan rumah tangga yang merangkumi elemen penderaan secara *psychological*, mental dan emosi. Elemen-elemen tersebut secara dasarnya telah dipersetujui sebagaimana elemen-elemen tersebut terkandung di dalam Akta Kanak-kanak 2001. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah tertakluk kepada ulasan dan pandangan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam pelaksanaan akta ini.

Selain itu, beberapa siri perbincangan telah pun diadakan dengan beberapa NGO dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Melalui perbincangan tersebut, pihak kementerian telah mengenal pasti isu-isu implementasi dan pentadbiran yang perlu diselesaikan bersama dengan agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pelaksanaan akta ini. Satu *Standard Of Procedure* (SOP) dengan izin Tuan Yang di-Pertua, akan dirangka semula bagi penambahbaikan kepada yang sedia ada dan akan dibentangkan bersama-sama Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Menteri yang menjawab soalan ini. Saya hendak bertanya khususnya mengenai beberapa masalah yang dirujuk oleh pihak-pihak yang terlibat dalam *violence* ini. Mereka mengadu kepada pihak polis dan pihak polis tidak mengambil atau merujuk perkara itu kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan serta-merta. Mereka pada masa itu mengatakan, "*You settle the problems*". Mereka merasakan bahawa itu

adalah satu kes domestik di mana di antara suami dan isteri, satu kes keluarga. Kerap kali perkara ini menjadi serius, baru perkara itu pergi ke mahkamah.

Bila pergi ke mahkamah, lagi satu masalah. Bila perintah diberi, perintah itu kerap kali tidak diikuti oleh suami. Apakah tindakan atau pertolongan yang diberi oleh kementerian, terutamanya bila kita ada pegawai-pegawai yang tidak fasih dalam bahasa Tamil, tidak fasih dalam bahasa Cina dan *not trained* dengan kursus, dengan hal ehwal keluarga. Mereka mungkin layak ada *degree-degree* yang tertentu, tetapi bukan khusus kepada perkara ini. Apakah pandangan, apakah tindakan yang boleh diambil sementara kita menunggu beberapa cadangan meminda akta itu? *Please safe the family in this country.*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keganasan Rumah Tangga ini dibawa masuk ke bawah naungan Kementerian Pembangunan Wanita pada bulan Mei tahun sudah. Dalam masa setahun setengah ini, pihak Kementerian Pembangunan Wanita telah pun mengambil beberapa tindakan.

Pertamanya, seperti mana yang saya katakan tadi, kita mengadakan beberapa siri perbincangan dengan NGO dan juga pihak-pihak pentadbiran untuk menyatakan kepada mereka, bahawa sebenarnya Akta Keganasan ini adalah sesuatu akta yang serius.

Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak kerana sekian lama, isu keganasan rumah tangga ini tidak diambil secara serius oleh kerana sensitiviti jenayah ini. Sekian lama sama ada agensi kerajaan ataupun badan-badan bukan kerajaan, apabila mereka menangani isu, misal kata pertelingkahan di antara suami dan isteri, mereka berharap bahawa pertelingkahan itu akan dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya tanpa ada misal kata, perceraian ataupun beberapa perkara yang mungkin memecahbelahkan keluarga.

Ini adalah sikap saya rasa yang kita dapati di seluruh negara, dengan izin *not only in Malaysia, anywhere in the world* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kerana implementasi Akta Keganasan Rumah Tangga ini memerlukan *change of mindset* dengan izin, terutama mereka yang menyelenggarakan akta ini. Maka dengan itu Yang Berhormat, pihak kementerian kita ada beberapa sesi, terutama untuk *sensitize the implementers* dengan izin, supaya apabila ada *report* ini, terutama kepada pihak polis, mereka mesti mengambil *report-report* ini secara serius. Tetapi saya tahu bahawa masih ada mereka yang menerima *report* ini, mungkin memujuk mangsa itu kata, "Tidak

apalah, ini hal ehwal keluarga". Jadi tidak mahu masuk campur. Tetapi kita ada satu pertalian yang baik dengan pihak polis dan apabila kementerian kami menerima laporan misal kata Yang Berhormat, kita sendiri menelefon IO atau pegawai mana daripada pihak polis untuk menyatakan bahawa *please dengan izin, take very seriously the complaint*. Tetapi Yang Berhormat saya harap, bahawa dengan masa berlalu itu, sikap *implementers* akan berubah dan mereka akan mengambil semua kes yang dilaporkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga ini secara serius dan bukan hanya sebagai satu isu domestik sahaja.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, bilakah Institusi Mahkamah Keluarga ini akan dikuatkuasakan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya pun seperti Yang Berhormat berharap bahawa Mahkamah Keluarga ini dapat menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat. Namun demikian, saya hendak maklumkan bahawa ini adalah satu perkara yang di luar bidang kuasa kementerian sebab ia membabitkan banyak pihak, kerana kita memerlukan perwujudan beberapa undang-undang baru.

Pada mulanya kita ingat mungkin senang kita hendak tumpang sekaki dengan mana-mana undang-undang yang ada, tetapi nasihat yang diterima daripada Jabatan Peguam Negara ialah kita mesti mewujudkan satu struktur yang berlainan supaya dapat mengambil kira orang Islam dan juga bukan Islam. Tetapi insya-Allah, perkara ini masih diperjuangkan dan saya harap bahawa ia akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok] tidak hadir]

[Soalan No. 6 – Y.B Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei] tidak hadir]

7. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kementerian bercadang untuk melaksanakan skim insurans sukan untuk pelajar-pelajar yang menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti sukan sama ada di peringkat menengah dan rendah bagi tujuan menggalakkan penyertaan mereka dalam bidang ini dengan lebih aktif lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia belum lagi bercadang untuk

melaksanakan skim insurans sukan untuk murid-murid yang menceburkan diri dalam aktiviti sukan sama ada di peringkat menengah atau rendah. Walau bagaimanapun, skim insurans perlindungan untuk murid-murid di sekolah termasuk yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan telah pun sedia ada. Ianya diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 Jun 1995 dan mula berkuat kuasa mulai sesi persekolahan 1995/1996.

Sehubungan itu, bagi murid-murid yang mengambil bahagian dalam aktiviti sukan sama ada mewakili sukan di peringkat daerah, negeri dan negara, akan diinsuranskan secara berkelompok selaras dengan surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/95 berkaitan dengan Skim Takaful Kemalangan diri berkelompok bagi semua pelajar sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Di samping itu juga, bagi murid-murid yang menyertai aktiviti kejohanan sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, misalnya atlet Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), ke Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA). Murid-murid tersebut akan dilindungi oleh Skim Insurans Berkelompok yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, khas untuk menyertai kejohanan tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan skim insurans sukan ini, tetapi apakah kementerian melihat bahawa negara-negara lain telah memberi satu pemerhatian bagaimana hendak memajukan atlet-atlet mereka di peringkat antarabangsa? Kita mengambil contoh seperti Nicole David yang baru-baru ini telah memenangiterbuka British. Dia seorang pelajar.

Apakah kementerian masih lagi menunggu bila untuk melaksanakan skim yang boleh mendatangkan manfaat besar kepada atlet kita, terutama sekali untuk mengibarkan bendera kita di peringkat antarabangsa? Jadi apakah pihak kementerian masih lagi hendak bergantung kepada insurans perlindungan semata-mata tanpa memikirkan bagaimana insentif kebajikan yang boleh menggerakkan mereka untuk pergi lebih jauh dalam arena sukan di masa yang akan datang? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas soalan tambahan itu. Memang Kementerian Pelajaran sedar bahawa bangku sekolah adalah satu tempat untuk kita mengenal pasti atlet-atlet yang berpotensi, bakal atlet. Saya dapati bahawa cadangan itu adalah baik dan boleh diterima. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memberi lagi insentif kepada atlet-atlet kita di peringkat sekolah, baru-baru ini Menteri Pelajaran Malaysia telah membuat satu

pengumuman pada 25 September tahun ini, di mana kita telah memperkenalkan satu biasiswa untuk pelajar-pelajar yang giat, yang aktif dalam bidang sukan dan biasiswa ini adalah sebanyak RM50 sebulan untuk 200 pelajar yang akan dimulakan pada tahun depan, dan anggaran (*estimate*) untuk skim biasiswa ini adalah sebanyak RM120,000. Kami harap pada masa akan datang, kami dapat menambah lagi bilangan murid yang dapat menikmati skim bantuan ini dan juga kami akan kaji tentang memperluaskan lagi bidang skop insurans. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa satu kumpulan remaja, pelajar-pelajar daripada sekolah sukan kita yang telah menyertai satu pertandingan peringkat kebangsaan, yakni pertandingan tae kwon do, tetapi tidak dibenarkan bertanding di Kazakhstan pada bulan Jun yang lalu kerana MTA telah digantung kegiatan-kegiatannya. Apakah implikasi kepada penyertaan kita ini? Apakah kementerian tidak membuat penelitian bahawa MTA itu telah digantung dari segi kegiatan-kegiatannya sekarang ini?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini adalah luar daripada tajuk. Yang pokoknya adalah berkenaan dengan insurans. Saya memerlukan masa untuk memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

8. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan kadar kelahiran anak luar nikah yang berlaku sepanjang tahun 2000 sehingga tahun 2005 ini dan senaraikan punca gejala ini dan tindakan serta langkah untuk mengurangkannya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan anak luar nikah bagi tahun 2000 hingga tahun 2005 yang diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bagi kanak-kanak yang memerlukan jagaan dan perlindungan yang dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut peruntukan Akta Kanak-kanak 2001.

Bilangan kanak-kanak luar nikah yang dimasukkan ke institusi kebajikan di bawah JKMM adalah seperti berikut:

Tahun 2000 – 67;

Tahun 2001 – 101;

Tahun 2002 – 67;

Tahun 2003 – 41;

Tahun 2004 – 40, dan

Tahun 2005 – 28.

Gejala tersebut dipercayai berpunca daripada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) pergaulan bebas;
- (ii) kurangnya pengawasan atau kurangnya bimbingan yang sempurna ke atas kanak-kanak daripada pihak ibu bapa dan penjaga;
- (iii) kurang didikan dan pengetahuan agama;
- (iv) masalah diperdaya oleh teman lelaki,
- (v) mangsa kes rogol dan mangsa kes sumbang mahram.

Tindakan serta langkah untuk mengurangkan gejala ini yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan ceramah, seminar, forum atau kursus kepada para remaja, belia, ibu bapa, penjaga, masyarakat seperti memberi kefahaman dan pendidikan dalam kemahiran keibubapaan, pendidikan kesihatan dan pendidikan moral serta mempertingkatkan nilai-nilai murni;
- (ii) menyediakan garis panduan pendidikan *sexuality* dengan kerjasama Kementerian Pelajaran;
- (iii) menyediakan kemudahan institusi bagi perlindungan dan pemulihan kanak-kanak yang terlibat dalam gejala ini;
- (iv) menyediakan khidmat kaunseling terutama kepada kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga;
- (v) menyediakan perkhidmatan sokongan seperti penubuhan pasukan aktiviti kanak-kanak di mana kanak-kanak, ibu bapa dan komuniti tempatan khususnya di kawasan berisiko tinggi dapat diberi bimbingan, kaunseling, motivasi serta dapat mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah;
- (vi) menggalakkan penglibatan aktif komuniti tempatan dalam usaha menangani masalah ini melalui penubuhan pasukan perlindungan kanak-kanak serta jawatankuasa kebajikan kanak-kanak daerah dengan mengadakan pelbagai program seperti Kem Bina Semangat, ceramah, motivasi, latihan vokasional dan lain-lain.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kata Siti Musliha: "*Tidakku minta lahir ke dunia*" - Setelah kita mendengar penjelasan tadi, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana kadarnya berkurang daripada tahun 2000 hingga ke tahun 2005. Cuma saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, kita hendak tahu ibu-ibu yang melahirkan ini dalam lingkungan berapa umurnya. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat buat pagi ini tetapi saya akan memberi secara bertulis kepada Yang Berhormat, angka yang diperlukan. Cuma saya hendak mengatakan bahawa daripada mana yang saya lihat kes-kes yang ada di bawah jagaan dan perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bukan hanya salah ibu mengandung.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang bukan salah ibu mengandung. Soalan tambahan saya ialah dari segi pendirian kerajaan, terutama sekali kementerian, dari segi hak sebenarnya kepada anak luar nikah ini iaitu ALUNI - saya pendekkan sebagai ALUNI, yang mana sekarang ini kita dapati ianya tidak mempunyai suatu kaedah yang langsung. Umpamanya sekarang kalau seorang ibu yang didapati mengandung kerana tidak ada suami dan sebagainya, daripada manakah sebenarnya kementerian harus mengambil perjalanan dan hak penjagaan, sama ada ibu ataupun anak itu; dan apakah kaedah ini boleh menyelesaikan mengikut akta kita dan juga pendirian kerajaan, hak penjagaan kepada anak itu, sama ada ia milik ibu atau siapa dari segi pendirian kita sebagai kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada mana-mana satu polisi yang menyatakan bahawa anak itu hanya kepada bapanya atau ibunya. Ia terpulanglah kepada keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Saya hendak memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengetahui apa yang kita sediakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Just in case*, dengan izin, kalaulah ada kes-kes yang berlaku di kawasan Parlimen masing-masing.

Bagi remaja di bawah 18 tahun yang mengandung anak luar nikah, kementerian ada menyediakan kemudahan rumah perlindungan di Taman-taman Sri Puteri yang dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi 18 tahun ke bawah. Bagi mereka

yang berumur 18 tahun ke atas mengikut akta yang ada, ibu yang mengandung anak luar nikah boleh ditempatkan hanya di rumah-rumah perlindungan yang dikelolakan oleh pertubuhan bukan kerajaan.

Anak-anak luar nikah yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka, seperti mana yang kita dapati kes dalam surat khabar, dalam dua hari ini pula akan ditempatkan di rumah kanak-kanak yang dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seterusnya kanak-kanak ini akan dijaga oleh ibu bapa pelihara sehingga keputusan dibuat oleh mahkamah mengenai permohonan anak angkat - sedikit sebanyak latar belakang untuk situasi seperti ini.

[Soalan No.9 - YB Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) tidak hadir]

[Soalan No.10 - YB Puan Fo Po Kuan (Batu Gajah) tidak hadir]

11. **Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sejauh manakah penyelidikan terhadap alternatif sumber minyak daripada kelapa sawit telah berjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat] Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mula menjalankan penyelidikan projek penghasilan biodiesel (*meter ester*) daripada minyak sawit semenjak tahun 1982 lagi.

Pada tahun 1983, MPOB telah memohon untuk mempatenkan teknologi penghasilan biodiesel sawit yang telah berjaya dihasilkan tu. Berikutnya sebuah loji rintis biodiesel yang berkapasiti 3,000 tan setahun telah didirikan pada tahun 1985 melalui kerjasama MPOB dengan Petronas. Manakala kajian mengenai penggunaan biodiesel pula telah mula dijalankan pada awal tahun 1983 dengan menggunakan kenderaan-kenderaan MPOB. Hasil kajian tersebut adalah menggalakkan dan justeru itu MPOB telah melaksanakan kajian Fasa 1 secara menyeluruh dalam tahun 1986 hingga 1989 yang melibatkan 31 buah kenderaan yang terdiri daripada lori, teksi, kereta dan van.

Kajian Fasa 2 pula berlangsung dari tahun 1990 hingga 1994 dengan kerjasama syarikat Mercedes Benz AG Jerman yang melibatkan 36 buah bas di mana setiap bas telah mencatat perjalanan melebihi 300,000 kilometer iaitu perbatuan yang disyorkan oleh pembuat enjin. Kedua-dua kajian tersebut telah membuktikan bahawa diesel sawit adalah sesuai dari segi teknikal sebagai bahan api alternatif untuk enjin diesel.

Walau bagaimanapun, diesel sawit yang dihasilkan itu hanya sesuai untuk kegunaan di negara-negara yang beriklim tropikal sahaja kerana ia mempunyai takat tuang yang tinggi (*high pour point*) dengan izin, iaitu 15 degree celsius. Bagi membolehkan biodiesel sawit dieksport dan digunakan di negara-negara yang beriklim sejuk, MPOB telah menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan diesel sawit yang bertakat tuang rendah (*low pour point*) pada tahun 2001 dan berjaya menghasilkan pada tahun 2002.

Sehingga kini pihak MPOB telah melesenkan teknologi mengeluarkan biodiesel tersebut kepada dua buah syarikat tempatan untuk menghasilkan biodiesel secara komersial. Di samping itu, MPOB juga akan mengadakan usaha sama dengan pihak swasta untuk membina tiga buah kilang yang boleh menghasilkan 60,000 tan biodiesel setahun bagi setiap kilang. Walaupun MPOB mengadakan usaha sama ini, pelabur-pelabur lain yang ingin menceburi dalam industri penghasilan biodiesel dan menerima pakai teknologi MPOB boleh mengadakan perbincangan terus dengan MPOB. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nombor satu, saya tidak faham apa dia MPOB? *He understand himself I don't know.* Nombor dua, mengenai apa yang telah diselidik daripada tahun 1982 hingga sekarang, yang diberikan jawapan itu adalah *historical perspective* yang telah dibuat tetapi yang mustahak adalah yang akan dihadapi pada masa sekarang. Ini kerana situasi kenaikan harga minyak di negara ini, bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia, sepatutnya kita sudah ada sistem di mana minyak kelapa sawit sudah diguna pakai sejak lama dulu.

Saya difahamkan bahawa tidak ada proses yang aktif atau betul-betul serius kerana ada pihak-pihak yang ingin menggunakan petrol dan diesel yang sedia ada. Ia menguntungkan kepada pihak-pihak berkenaan.

Lagi satu, baru-baru ini kawan saya daripada Jasin [*Disampuk*] telah memberi ucapan yang panjang lebar mengenai kelapa sawit - Jathopara, *biochemist diesel*, apakah pandangan kerajaan mengenai perkara ini kerana saya difahamkan kerajaan Britain telah menanam lebih kurang 40,000 hektar yang akan bertanding dengan kelapa sawit tidak berapa lama lagi di Madagascar. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini? *How serious are you?*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Sebenarnya kalau Yang Berhormat ada mendengar jawapan saya, pada awalnya saya kata, “...Kementerian saya melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB”, saya sudah beritahu apakah MPOB iaitu *Malaysia Palm Oil Board*. Saya juga mintalah Yang Berhormat bacalah soalan asal, sebab soalan asal meminta kita memberitahu sejauh manakah penyelidikan kelapa sawit telah berjaya. Oleh sebab itulah saya memberitahu latar belakang dan *historical perspective*. Kementerian kita sudah membuat banyak kerja, dan MPOB juga telah membuat banyak kerja sehingga kita sudah mencapai satu tahap di mana kita boleh mengkomersialkan biodiesel dari minyak sawit.

Tadi saya telah pun jawab bahawa MPOB akan mengadakan kerjasama dengan tiga syarikat, dua di Port Klang dan satu di Pasir Gudang di mana kita akan mengeluarkan 60,000 tan biodiesel setahun khasnya untuk dieksport. Kita tidak menghalang pihak swasta melibatkan diri dalam perusahaan ini. Terima kasih.

[Soalan No.12 - YB Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) tidak hadir]

13. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan majikan (kerajaan dan swasta) menyediakan perkhidmatan sokongan, contohnya pusat penjagaan anak, bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan (buruh).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa mempromosi dan menggalakkan para majikan sektor swasta untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat pekerjaan untuk memudahkan pekerja meletakkan anak kecil mereka semasa bekerja. Sehubungan itu, kementerian ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan menggalakkan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak sektor swasta pada tahun 1992 dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja sebagai Pengerusi jawatankuasa teknikal ini yang berfungsi *one stop centre*, dengan izin bagi menyelaras pelaksanaan serta menangani masalah dan halangan yang dihadapi oleh majikan yang ingin menubuhkan pusat tersebut.

Bagi tujuan itu kementerian ini bercadang untuk meningkatkan lagi publisiti mengenai skim galakan cukai yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menggalakkan majikan menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja atau pun berdekatan dengan tempat kerja.

Di samping itu, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menyediakan pelbagai langkah bagi menggalakkan majikan kerajaan dan swasta menyediakan perkhidmatan sokongan seperti Taska dan pusat jagaan. Bagi agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri geran pelancaran disediakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penubuhan Taska di tempat kerja.

Geran pelancaran ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) geran hendaklah tidak melebihi RM50,000 untuk setiap agensi atau jabatan;
- (ii) geran ini merupakan one-time grant, dengan izin untuk bertujuan menampung kos ubahsuai ruang dan pembelian peralatan serta perkakas; dan
- (iii) geran ini tidak boleh digunakan untuk kos operasi.

Tuan Yang di-Pertua, pusat penjagaan anak-anak di pejabat-pejabat dan agensi kerajaan bertujuan memenuhi keperluan semasa pekerja wanita dan pegawai perkhidmatan awam umumnya. Taska sektor kerajaan yang diwujudkan di bangunan sendiri juga diberi pengecualian oleh pihak berkuasa tempatan di mana penganjur tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang.

Selain itu kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan pekeliling kebajikan untuk anggota-anggota perkhidmatan awam sebagai garis panduan oleh pihak pengurusan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi bagi penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Bagi memperkemas lagi penubuhan taska dan pusat jagaan, pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam proses membuat pindaan Akta Taska 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Sekian, terima kasih. Selain daripada itu, saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kita....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Itu bukan dari Kementerian Sumber Manusia, dia dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kenapa dia boleh jawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia dengan tidak

ada kebenaran diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. Dan juga di manakah menteri dan timbalan menteri?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh. Sila Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini negara kita menuju ke arah *feminization of the workplace*, dengan izin ataupun persekitaran kerja yang mesra wanita, yang memberi manfaat kepada ibu-ibu yang bekerja. Baru semalam kita dengar berita seorang bayi yang sekarang ini koma kerana di tempat asuhan swasta putus tali buaian. Jadi perkara ini saya harap diberi perhatian yang begitu serius.

Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen walaupun beliau daripada kementerian yang lain, mungkin beliau boleh memberi jawapan bertulis iaitu, setakat ini berapakah bilangan agensi ataupun jabatan kerajaan yang telah memulakan perkhidmatan asuhan kanak-kanak ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cuba jawab.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya harap Yang Berhormat bagi Seputeh diam sedikit. Ini pasal wanita dan kanak-kanak dan saya rasa ini adalah soalan yang penting. Saya bagi pihak kerajaan akan menyampaikan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Ampang kepada menteri berkenaan dan saya harap dapat menunggu jawapannya secara bertulis. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan ini, berapakah pusat penjagaan kanak-kanak yang telah ditubuhkan oleh kerajaan di Putrajaya dan juga Wilayah Persekutuan?

Tuan Sazmi bin Miah: Soalan Yang Berhormat bagi Seputeh ini terlalu spesifik. *[Disampuk]* Saya kena *check* balik nombor, fakta dan sebagainya itu. Saya kena bagi secara bertulis. Terima kasih.

[Soalan No. 14 – Y.B Dato' Yap Piah Hon [Serdang] tidak hadir]

15. **Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan

wujudnya sebuah bangsa Malaysia pada tahun 2020 seperti mana yang tercatat dalam Wawasan 2020 negara kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan wujudnya sebuah bangsa Malaysia pada tahun 2020 adalah konsisten dan matlamat akan tercapai apabila semua pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Sehubungan dengan itu, proses ke arah membentuk bangsa Malaysia yang lebih bersepadu akan dapat dicapai dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Membentuk sebuah negara yang bersatu-padu, yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama, negara mestilah sebuah negara yang sejahtera dan bersatu antara wilayah dan etniknya menikmati kehidupan yang harmoni berasaskan persamaan hak dan keadilan membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan dedikasi terhadap bangsa tersebut. Justeru itu, matlamat seperti ini sedang dilaksanakan.

Sebuah bangsa Malaysia haruslah mengikut acuan negara kita sendiri yang mengutamakan nilai-nilai murni serta mempunyai ciri-ciri tersebut. Selaras dengan matlamat tersebut, beberapa dasar telah dikenal pasti dan bagi mengimbangi pencapaian serta juga memastikan tidak tercetusnya ketidakpuasan di kalangan masyarakat. Di antara dasar-dasar pembangunan ini adalah khususnya Dasar Pembangunan Wawasan dan matlamat dasar ini mempunyai empat teras adalah seperti berikut:

- (i) kestabilan sosiopolitik dan perpaduan negara, iaitu mengeratkan perpaduan di antara semua lapisan masyarakat Malaysia berteraskan penyusunan semula kegiatan ekonomi serta pembangunan sumber manusia bagi membetulkan ketidakseimbangan;
- (ii) pengagihan yang adil dan peluang yang saksama iaitu:
 - (a) merapatkan jurang pendapatan di antara kaum dan intra kaum serta wilayah bagi mencapai kestabilan dalam ekonomi masyarakat dan politik negara;
 - (b) mengeratkan usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, agama, gender dan wilayah; dan

- (c) membetulkan segala ketidakseimbangan kedudukan dan peluang kesejahteraan hidup antara kaum, intra kaum dan wilayah.
- (iii) pembangunan sumber manusia yang berasaskan kemahiran, kreativiti dan daya saing tinggi dan di bawah dasar ini ialah:
 - (a) meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan yang memenuhi keperluan sumber manusia negara dan menghasilkan tenaga kerja negara yang berkebolehan dan berketerampilan serta bersifat inovatif, produktif, berkemahiran dan membolehkan perbelanjaan secara berkesan;
 - (b) mengukuhkan nilai moral dan etika serta mempertingkatkan semangat berdikari dan ketahanan rakyat menerusi pembangunan sumber manusia yang lebih berkesan.
- (iv) di bawah dasar pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berdaya saing ialah:
 - (a) menggalakkan perkembangan ekonomi yang mapan, berdaya tahan serta berdaya saing berasaskan sains dan teknologi serta pengetahuan;
 - (b) meningkatkan kemampuan negara, menghadapi cabaran perkembangan ekonomi global supaya Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang lebih maju dan dinamik;
 - (c) memastikan semua kemajuan dalam k-ekonomi dan ICT tidak akan menghasilkan jurang ketidakseimbangan baru yang mungkin lebih hebat dengan memperbaiki dan mengatasi kekurangan akses kepada infrastruktur serta kemudahan latihan dan pembangunan seluruh negara.

Justeru itu, bukanlah perkara mudah untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan cemerlang sekiranya matlamat yang digariskan tidak dicapai. Bagi tujuan tersebut, komitmen serta tindakan bersepadu perlu dipertingkatkan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perpaduan dan bangsa Malaysia yang kita akan capai pada 2020 nanti, saya fikir sangat mustahil kerana kalau kita pergi di Sabah dan Sarawak di pedalaman, mereka tidak kenal Semenanjung Malaysia, mereka apabila kita tanya, pegawai yang datang, mereka kata, "Ini orang Malaya". Kalau itu pun kita tidak dapat terangkan kepada rakyat kita di Sabah

dan Sarawak, saya rasa hasrat mencapai bangsa Malaysia yang bersatu ini mustahil. Adakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa rakyat Sabah faham tentang hal ini? Itu soalan saya.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya rasa senario yang disentuh oleh Yang Berhormat itu walaupun ada asas, tetapi bukan sesuatu yang menyeluruh kerana dengan pencapaian kemerdekaan serta juga usaha-usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan integrasi, maka secara keseluruhan pengetahuannya tentang negara kita dan tentang peranan kita di dalam membentuk dan memajukan negara ini cukup luas.

Namun kalau di peringkat luar bandar itu barangkali ada sedikit juga seperti mana yang disentuh tadi. Dalam soal ini, beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan melalui peranan Kementerian Penerangan dan kementerian-kementerian lain untuk memastikan supaya maklumat yang tepat itu dapat diperolehi oleh mereka di luar bandar.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di Sabah dan Sarawak dan *vice versa*, dengan izin, juga diberi pendedahan dan kursus orientasi supaya apabila mereka bertugas di tempat-tempat yang terpencil itu, mereka mewakili negara Malaysia dan kerajaan supaya penyebaran maklumat yang tepat dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh rakyat itu dapat diatasi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak Dewan ini mengalu-alukan kedatangan His Excellency Donald McKinnon, Secretary General of the Commonwealth dan rombongan. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah soalan penjelasan saya minta daripada Yang Berhormat Menteri. Dasar kerajaan adalah untuk mewujudkan bangsa Malaysia pada tahun 2020, tetapi dalam peringkat pelaksanaannya kita dapati ada pelbagai kekangan. Contohnya, dalam kecemerlangan dan juga kemiskinan, tidak harus ada sebarang prasangka atau *prejudice*, dengan izin. Dalam hal ini, pelbagai sektor seperti dalam dunia pendidikan dan juga dalam kementerian-kementerian yang mengendalikan kemudahan asas masih

didapati kekangan-kekangan yang serius. Bukan kerana dasar kerajaan tidak jelas tetapi pelaksanaannya amat longgar.

Saya minta penjelasan bagaimanakah kementerian atau Jabatan Perdana Menteri sendiri akan memastikan bahawa segala dasar yang kita rangkakan itu dapat direalisasikan di peringkat akar umbi dan dalam peringkat kecemerlangan – kalau ada pelajar yang cemerlang, semuanya diberi hak yang sama dan dalam kemiskinan, semua diberi layanan yang sama. Diminta penjelasan.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Perkara yang disentuh itu adalah perkara yang pihak kerajaan sedia maklum, dan dengan adanya usaha-usaha baru untuk memastikan supaya sistem pelaksanaan dasar dan program kerajaan dapat dikendalikan dengan lebih tersusun dan lebih berprestasi, maka kita sedia maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, penekanan nanti kepada pihak-pihak pelaksana ini akan diberi tumpuan.

Dengan adanya penubuhan Pelan Integriti Nasional dan seterusnya, itu adalah bertujuan semuanya untuk memastikan pegawai-pegawai di peringkat pelaksanaan akan memainkan tugas dan peranan yang lebih cemerlang. Dari segi masalah isu kemiskinan yang dibangkitkan, memang penekanan kita ialah seperti mana yang saya sentuh tadi supaya perihal kemiskinan itu dan pembasmiannya adalah dijalankan tanpa mengira kaum, agama, *gender* dan wilayah. Kita akan terus memberi perhatian kepada perkara ini kalau ada kes-kes yang spesifik yang ingin dilaporkan, sila beri kepada pihak kita. Terima kasih.

16. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** Menteri Pengajian Tinggi menyatakan kesan-kesan terhadap ketidakseimbangan *gender* di antara lelaki dan perempuan dalam kemasukan di IPTA khususnya terhadap permintaan pasaran pekerjaan.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketidakseimbangan *gender* di antara lelaki dan wanita di universiti berlaku di seluruh dunia, bukan sahaja di negara kita, Malaysia. Bagi tahun 2003, peratusan *enrolment* pelajar wanita berbanding pelajar lelaki di universiti tempatan ialah 60.9% berbanding 56.2%. Memang tidak dinafikan peningkatan tersebut sedikit sebanyak telah memberikan impak dalam pasaran pekerjaan.

Sebagai contoh, penyertaan wanita yang semakin meningkat dalam pasaran kerja memerlukan mereka untuk lebih cekap mengimbangi tanggungjawab antara keluarga dan tempat kerja yang juga memberi kesan kepada produktiviti mereka. Namun demikian, hakikatnya bahawa bertambahnya bilangan wanita yang berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi telah melahirkan wakil-wakil wanita dalam badan perundangan dan jawatan tinggi kerajaan yang bercerminkan komitmen masyarakat untuk memperkasakan kaum wanita itu sendiri. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, walaupun ini adalah merupakan sesuatu yang juga global, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa kita tidak perlu hendak ubah saiz bilik air di bangunan-bangunan awam untuk wanita dan lelaki kerana kalau ada peningkatan. Sebab sekarang ini lebih ramai perempuan. Begitu juga dengan bilik sembahyang, di mana-mana, Yang Berhormat. Kita tengok untuk kaum lelaki, lebih besar berbanding dengan peruntukan yang disediakan. Adakah Yang Berhormat berpendapat sudah sampai masanya Yang Berhormat menasihatkan agensi-agensi ataupun kementerian yang berkaitan supaya membuat persediaan mengubah, mungkin undang-undang bangunan, *Building by Law* untuk menerima kemasukan lebih banyak pekerja wanita ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi analisis dasar (*policy analysis*) memang betul. Sesuatu perkara yang berlaku itu kita tengok dari segi impak dasar itu sendiri. Misalnya, oleh kerana ramai budak lelaki tercicir untuk masuk universiti, kita sekarang ini membanyakkan Kolej Komuniti dan juga Politeknik.

Di sinilah kita hendak kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hendak tengok balik semula dari segi *detailnya* budak lelaki di kawasan-kawasan kita sendiri. Kita tarik dia, kita tolak dia, kita tangkap dia masukkan dia ke dalam Kolej Komuniti supaya mereka menjadi rakyat yang berguna.

Dari segi psikologinya pun begitu kerana budak-budak perempuan ini, dia bagus dari segi *cognitive*, kalau dia belajar, dia cepat dapat, fasal konsep dia bagus. Budak lelaki ini belajar dia bagus dari segi *psychomotor* pasal tangan dia merayap begitu. Oleh kerana itu, kita hendakkan *hands on*. Di sinilah kalau dilihat dari segi analisis dasar apa natijah yang berlaku itu kita akan tengok balik semula dari segi analisis dasar.

Sekarang ini Alhamdulillah, oleh kerana kita memerlukan *capacity building* dan *human capital* dengan izin, kita akan memperbanyakkan lagi Kolej Komuniti dan

Politeknik supaya mereka dapat pergi kepada peringkat *technician* dan sebagainya. Ini dapat kita lakukan dengan adanya pertolongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau pun ini masalah global. Tetapi di Malaysia saya rasa ramai graduan yang menganggur juga kebanyakan adalah graduan wanita. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini dan juga walau pun mahasiswa wanita telah meningkat dengan banyak tetapi kenyataan wanita di dalam pekerjaan tidak meningkat dengan *significant*, dahulu ialah 45% dan sekarang 47% sahaja. Apakah sebabnya dan juga wanita dikatakan di dalam kedudukan yang tinggi tidak ramai. Apakah sebabnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat, kita di sini tidak mengamalkan *glass ceiling* di mana wanita bila sampai kepada *glass ceiling* itu dia terpaksa berhenti di situ. Kalau kita lihat dari segi pentadbiran awam sahaja, KSU sekarang sudah ada wanita. Timbalan KSU ramai wanita, mereka ini sedang menunggu sahaja supaya mereka ini menjadi KSU.

Kalau kita lihat dari segi perubatan, kita sekarang ini kekurangan *male nurse* dengan izin kerana banyak *nurse* perempuan daripada lelaki. Kita hendak memperbanyakkan *nurse* lelaki daripada *nurse* perempuan. Ini juga masalah dari segi dasar kerana kalau misalnya suami sakit, dia sudah tua, isteri boleh masuk wad suami atau wad lelaki. Tetapi kalau isteri sakit, suami tidak dibenarkan duduk di wad isteri takut malam dia berjalan nanti. Ini yang kita hendak tengok dari segi dasar, dari segi fenomena yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI
ATAS KEMBALINYA KERAHMATULLAH ALLAHYARHAMAH
DATIN SERI ENDON MAHMOOD**

11.05 pagi.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Saya dengan perasaan yang amat sedih memohon izin di bawah Peraturan 27(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk mengemukakan di Dewan yang mulia ini satu usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan belasungkawa yang amat sangat di atas kembali ke Rahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Oktober 2005 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh ahli keluarganya”.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood telah kembali ke pangkuan Ilahi pada hari Khamis 20 Oktober 2005 bersamaan 16 Ramadan 1426 Hijrah tepat jam 7.55 pagi setelah dengan penuh sabar, cekal dan tabahnya melawan penyakit kanser yang dihidapinya sejak tahun 2002.

Allahyarhamah Y.A.Bhg. Datin Seri Endon Mahmood dilahirkan tanggal 24 Disember 1940. Ayahanda beliau bernama Datuk Mahmood Ambak dan bondanya ialah Datin Mariam Abdullah. Beliau merupakan anak kembar dalam keluarga. Allahyarhamah menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Methodis Kampar, Perak dan meneruskan pendidikan beliau di Sekolah Menengah St. Marry, Kuala Lumpur.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 September 1965 dan dikurniakan dengan sepasang cahaya mata lelaki dan perempuan. Allahyarhamah pernah berkhidmat dengan jabatan kerajaan dan telah memilih untuk bersara secara pilihan semasa bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi, saya dan isteri telah lama menghormati dan menganggap Allahyarhamah sebagai seorang kakak malah beliau begitu mesra dengan panggilan Kak Endon. Saya pasti ramai lagi yang turut berkongsi rasa keakraban yang murni ini kerana itulah juga saya yakin bahawa kita semua memperakui bahawa Allahyarhamahlah sebenarnya penyokong nombor satu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Jelaslah Allahyarhamah adalah seorang isteri, ibu, sahabat serta Wanita Pertama yang amat penyayang lagi prihatin. Pepatah ada menyebut bahawa kejayaan seorang suami tentunya atas dukungan seorang wanita yang bergelar isteri. Justeru secara khususnya kepulangan Allahyarhamah ke rahmatullah merupakan satu kehilangan yang amat sangat dirasai terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana selaku isteri, sudah pasti Allahyarhamah memainkan peranan penting sebagai tulang belakang kepada suami tercinta. Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood telah disifatkan oleh ramai sebagai pasangan bahagia seperti isi dengan kuku, amat rapat dan jarang berpisah.

Sesungguhnya satu perkara yang paling dikenang oleh rakyat Malaysia tentang Allahyarhamah adalah sumbangannya dalam menggalakkan kesedaran terhadap penyakit kanser di negara ini. Beliau merupakan sumber inspirasi kepada pesakit-pesakit kanser yang lain dengan semangat juang yang tinggi dan berani untuk menentang penyakit tersebut. Dalam hal ini saya berasa sungguh sebak apabila mengingatkan yang Allahyarhamah pernah berkata bahawa pesakit kanser boleh diibaratkan sebagai pemenang kerana kekuatan, ketabahan dan semangat jitu mereka berjuang melawan penyakit ini. Tampaknya Allahyarhamah telah betul-betul membuktikan kata-kata beliau itu dan benar-benar menjadi seorang pemenang dan dengan berjuang bersungguh-sungguh melawan penyakit kanser. Namun takdir serta ketetapan Allah S.A.W tidak dapat dielak lagi dan ia mengatasi segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Allahyarhamah juga telah memikul amanah sebagai Yang Di-Pertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri atau ringkasnya BAKTI. Allahyarhamah telah memimpin BAKTI dengan penuh wibawa dan cemerlang dengan menjayakan pelbagai program dan aktiviti. Antaranya sikap prihatinnya telah

mbolehkan orang kurang upaya mendapat perhatian serta kemudahan melalui Program Semai Bakti Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), perhatian diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya dan Masyarakat FELDA di seluruh negara.

PDK ini telah Allahyarhamah sempurnakan penubuhannya pada 22 Ogos 2004 di FELDA Gedangsa, Ulu Selangor. Hasrat murni Allahyarhamah agar PDK dapat membuka peluang kepada anak kurang upaya yang tidak boleh mengikuti pendidikan di sekolah biasa atau institusi khas tetap mendapat penjagaan pendidikan yang sempurna. Apa yang lebih mengagumkan ahli-ahli BAKTI dan kita semua, ialah sikap penuh tanggungjawab dan sangat mengambil berat beliau berkaitan aktiviti-aktiviti BAKTI sehinggalah keadaan kesihatan beliau tidak mengizinkan lagi.

Untuk makluman semua, biarpun semasa berada di dalam rawatan di luar negara, Allahyarhamah tetap mengambil tahu tentang perkembangan aktiviti BAKTI dan juga projek-projek amal yang dinaungi dengan begitu bersungguh-sungguh. Hakikatnya lagi pemergian Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood ke rahmatullah, disifatkan sebagai suatu kehilangan besar kepada industri dan karyawan batik serta songket yang kini menjadi suatu sejarah dan warisan negara.

Sebenarnya Allahyarhamah adalah tokoh yang bertanggungjawab mengembalikan semula kesegaran industri batik dan songket di dalam serta di luar negara. Batik Malaysia kini telah dikenali di persada antarabangsa. Semua ini di atas kegigihan serta usaha Allahyarhamah mempromosikannya melalui kempen dan pelancaran di bawah program 'Batik Malaysia Melakar Dunia'.

Usaha beliau telah berjaya meningkatkan rezeki pengusaha-pengusaha batik terutama peniaga batik kecil-kecilan. Selain itu, minat serta kecintaan terhadap Kebaya Nyonya juga membolehkan beliau menjalankan kajian mengenainya selama 20 tahun secara diam-diam. Hasilnya buku-buku mengenai Kebaya Nyonya tulisan Allahyarhamah telah berjaya dilancarkan untuk tatapan umum sebagai identiti warisan yang bernilai. Usaha murni ini telah melayakkan Allahyarhamah terpilih sebagai Tokoh Jarum Berlian Malaysia sempena Minggu Fesyen Kuala Lumpur anjuran Kumpulan Utusan.

Sememangnyaalah peranan yang dimainkan oleh Allahyarhamah dalam menobatkan batik, songket serta kebaya nyonya sekali gus industri fesyen negara amat besar dan akan kekal dalam lipatan sejarah tanah air. Jadi, tentu sekali pemergian mengejut Allahyarhamah merupakan sesuatu yang sukar diterima oleh mereka yang

berkecimpung di dalam industri ini. Kata orang 'Hilang sudah rimbun berteduh, patah sudah ranting berpaut'.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya lagi melalui Yayasan Budi Penyayang. Allahyarhamah telah menabur budi dan bakti dengan melaksanakan begitu banyak kerja-kerja amal. Yayasan yang diasaskan oleh Allahyarhamah ini diharapkan dapat menjadi badan yang terbaik bagi menghimpunkan khazanah kebajikan serta jasa beliau kepada masyarakat semasa hayatnya. Sebagai mengenang jasa-jasa beliau yang terpuji kepada negara, Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood telah dianugerahkan dengan pelbagai bintang dan darjah kebesaran daripada kerajaan. Di samping itu, Allahyarhamah juga telah dianugerahkan pingat emas Tun Fatimah pada Ogos tahun 2004 oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bagi menghargai ketabahan menghadapi cabaran sebagai pesakit kanser.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood akan sentiasa diingati sebagai seorang wanita yang murah hati, merendah diri dan amat penyayang orangnya. Perwatakannya lemah lembut dan hemahnya yang penuh dengan naluri keibuan tentu menambat hati sesiapa sahaja yang pernah mengenalinya. Allahyarhamah yang juga telah dimasyhurkan sebagai Canselor pertama universiti terbuka Malaysia pada 16 Disember 2004, menjadi satu kehilangan yang amat dirasai oleh bukan sahaja ahli keluarga, sahabat handai, rakan taulan, malah bagi setiap seorang daripada warga universiti tersebut.

Kendati pun begitu, pemergian wanita berhati mulai dan bersemangat waja ini meninggalkan sebuah nama terbilang yang terpahat indah di sanubari kita semua selamanya. Jelaslah lagi komitmen Allahyarhamah terhadap masyarakat, sebagai isteri, pemimpin nombor satu negara telah dipenuhi. Peranan Allahyarhamah sebagai wanita, isteri dan ibu juga sudah ditunaikan dengan sempurna.

Kini, wanita pertama yang kita sanjungi telah tiada lagi yang tinggal hanya jasa dan kata-kata dorongannya sebagai kenangan. *"Nan dititik, nan dieja, nan ditelek, nan ditimang, nan semua jasamu Kak Endon, takkan kami lupa, walau sebaris pun tidak mungkin akan hilang.* Nyatanya, Allahyarhamah yang kita kasihi ini telah kembali kepada penciptanya, kembali untuk memenuhi janjinya kepada Allah Yang Maha Esa. DaripadaNya kita datang, kepadaNya juga kita kembali.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kerajaan dan semua Ahli Dewan Rakyat serta rakyat jelata berasa amat terharu di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Oleh yang demikian, bagi pihak kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat ini juga, saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh kaum keluarganya, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mendoakan agar beliau terus tabah menghadapi dugaan besar ini.

Saya dan rakan-rakan yang lain serta seluruh rakyat Malaysia akan tetap memberi sokongan padu dan tidak berbelah bahagi agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus beriltizam memimpin kita semua dengan penuh cemerlang, gemilang dan terbilang. Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Saya menjemput semua Ahli Dewan bertafakur sejenak dan kepada yang beragama Islam kita sedekahkan Al-Fatihah.

[Dewan bertafakur]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan sokongan dan seterusnya perbahasan. Sila Yang Berhormat bagi Sungai Siput.

11.18 pg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong Usul dan juga saya bagi pihak MIC ingin merakamkan lafaz takziah kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan keluarga di atas kehilangan Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Beliau telah banyak berbakti kepada negara dan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti sosial dijalankan di pelbagai peringkat. Kami amat merasai kehilangan beliau kerana beliau sentiasa rapat dengan masyarakat berbilang kaum.

Negara ini menyanjung beliau kerana mempunyai keinginan untuk membawa kemajuan dan pembangunan kepada rakyat terutamanya rakyat yang amat-amat memerlukannya. Beliau memberikan sokongan padu kepada rancangan pelbagai persatuan dan NGO untuk menyediakan kemudahan pemeriksaan kanser bergerak di kawasan luar bandar. Malah semasa beliau menerima rawatan di Los Angeles, beliau

masih tetap memantau dan mengikuti perkembangannya. MIC akan sentiasa mengingati Datin Seri Endon sebagai seorang yang amat penyayang .

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang Amat Berbahagia Datin Seri sendiri amat berminat dengan segala perkembangan yang berlaku dalam industri tekstil tempatan. Beliau mencerminkan seorang wanita yang amat prihatin, tenang dan penuh dedikasi. Datin Seri Endon adalah seorang isteri yang baik, ibu penyayang dan wanita penuh belas kasihan. Beliau amat prihatin dan berminat dengan isu-isu wanita. Menerusi Yayasan Budi Penyayang yang ditubuhnya, Datin Seri Endon mahu memperbaiki kehidupan wanita dan memperkukuhkan hubungan keluarga.

Kami merasa kehilangan beliau dan akan berdoa dan akan berdoa untuk beliau. Saya sekali lagi ingin merakamkan lafaz takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat perbahasan diteruskan. Yang Berhormat bagi Selayang, sila.

11.22 pg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam usul yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan keluarga di atas pemergian isteri dan ibu tersayang Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober yang lalu.

Sesungguhnya saya bagi pihak parti MCA dan masyarakat Cina amnya, bersimpati dan merasa sangat sedih di atas kehilangan wanita pertama negara yang paling istimewa dan mendapat tempat di hati rakyat yang juga merupakan seorang isteri dan ibu yang pengasih dan penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga menyampaikan salam takzim dan mohon maaf daripada Presiden Parti MCA yang tidak dapat bersama kita pada pagi ini kerana turut kehilangan ibu tercinta semalam. Pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood bukan sahaja ditangisi anggota keluarga malah seluruh rakyat Malaysia yang

terdiri dari segenap lapisan masyarakat, bangsa dan agama yang turut hadir pada hari pemergian tersebut untuk memberi penghormatan terakhir kepada beliau.

Suasana mendung dan diselubungi gerimis di Lembah Klang pada hari tersebut seolah-olah turut merasai kehilangan wanita pertama negara ini. Pemergian Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon adalah satu kehilangan besar kepada negara kerana beliau bukan sahaja dikenali sebagai wanita cukup tabah, gigih dan menjadi sumber inspirasi wanita di seluruh negara. Malah banyak menyumbang kepada program-program kebajikan dan kemasyarakatan sama ada dalam negara atau di peringkat antarabangsa seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sesungguhnya Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon juga adalah merupakan model wanita yang cekal mengharungi derita. Semasa beliau mengharungi kesakitan dan mengharungi pelbagai rawatan untuk mengubati penyakitnya beliau terus gigih menjalankan tugas dan menganjurkan pelbagai jenis aktiviti kebajikan. Kita percaya perjuangan dan semangat tinggi serta keberaniannya dalam melawan penyakit kanser akan sentiasa menjadi panduan dan teladan kepada penghidap kanser yang lain.

Sesungguhnya kehilangan seseorang yang dikasihi adalah sesuatu yang sangat memilukan, namun dengan pelbagai kesedihan yang dihadapi parti MCA benar-benar kagum terhadap kepimpinan, kesabaran dan ketenangan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi semasa menghadapi saat-saat yang menyedihkan. Akhirnya, parti MCA dan masyarakat Cina amnya sentiasa mendoakan agar Perdana Menteri kita dan keluarga diberikan kekuatan, kesabaran di dalam melalui dugaan ini.

Pulau Pandan jauh ke tengah;

Gunung Daik bercabang dua;

Hancur badan di kandung tanah;

Budi baik dikenang selamanya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ranau.

11.27 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyertai rakan-rakan saya untuk menyampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga, ucapan takziah daripada parti saya UPKO dan juga seluruh rakyat di kawasan Ranau.

Sejak Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon meninggalkan kita pada 20 Oktober lalu, orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat telah menyuarakan neologisme mereka. Pada masa yang sama, kita tahu bahawa tidak ada perkataan yang boleh menggambarkan dengan tepat kesedihan negara kita kerana pemergian wanita pertama yang telah memperlihatkan begitu banyak harapan kepada kita semua melalui peranannya sebagai seorang isteri, ibu, patriot dan pejuang bangsa Malaysia sejati.

Tuan Yang di-Pertua, dengan segala kerendahan hati saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menerima ucapan takziah daripada setiap ahli dan penyokong parti UPKO. Sememangnya kami sedar bahawa apa pun juga yang kami lafazkan tidak akan mampu menghilangkan rasa pilu dan keberatan beliau tetapi kami juga tahu bahawa dalam keadaan seperti ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperlihatkan bahawa beliau mempunyai kekuatan dan personaliti yang mampu menghadapi dan mengharungi kenyataan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara memerlukan kepimpinan Dato' Seri. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini profil Malaysia di arena antarabangsa telah semakin matang dan ini terbukti apabila negara kita diberi kepercayaan untuk menjadi pengerusi *Organization of Islamic Countries*, NAM dan ASEAN. Di peringkat antarabangsa pula kita akan memulakan perancangan baru pembangunan untuk lima tahun akan datang iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan, yang juga merupakan rancangan Malaysia yang pertama di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

Perdana Menteri juga telah memulakan inisiatif berani untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian, mengurangkan jurang perbezaan di antara wilayah di negara kita, pembasmian kemiskinan, integriti peribadi dan negara dan yang paling penting

sekali pada pandangan saya ialah keinginan Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk kepimpinan komited melalui teladan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, dengan izin, *who had stood by the Prime Minister in his endeavor to accomplish all these as she had done throughout the years.* Kita tahu bahawa Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood sudah pasti mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneruskan perjuangan dan kita juga sedar bahawa Yang Amat Berhormat tidak akan pernah meninggalkan perjuangan murni ini.

Sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, kami tidak akan berganjak daripada komitmen kami untuk berjalan bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai dan menyelesaikan tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah ditetapkan untuk negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.
11.30 pagi.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Adenan bin Satem]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak, kita menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ingin merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan keluarganya di atas pemergian isteri dan ibu kepada anak-anak tersayang, Datin Seri Endon Mahmood ke rahmatullah pada 20 Oktober yang lalu.

Kami semua mendoakan semoga roh Allahyarhamah dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama orang yang beriman. Allahyarhamah merupakan seorang yang suka berkorban masa dan tenaga kepada kerja-kerja amal, terutama sekali kepada kanak-kanak serta kaum wanita yang kurang bernasib baik seperti menjadi penggerak kepada kempen kesedaran melawan kanser payudara. Perjuangan Allahyarhamah sendiri melawan penyakit tersebut telah menjadi inspirasi kepada ramai wanita yang senasib dengannya.

Allahyarhamah juga telah menggunakan kecintaan dan minat beliau terhadap warisan Malaysia, terutama sekali dalam industri tekstil seperti batik, songket dan kraf tangan. Penggunaan ini secara tidak langsung telah membantu dan mempromosikan industri pelancongan negara selaras dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah. Ini jelas dapat dilihat daripada keprihatinan Allahyarhamah di

dalam menganjurkan promosi batik dan songket di dalam mahupun di luar negara sama ada semasa Allahyarhamah mengiringi lawatan Yang Amat Berhormat atau melalui badan-badan NGO di bawah pimpinan beliau.

Ucapan takziah sekali lagi dari kami, PBB, hulurkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang disayangi dan semua ahli keluarga di atas kembalinya ke rahmatullah, isteri dan ibu tersayang. Dengan izin, *let me say that we in the PBB associate ourselves fully with all those remarks, sentiments and feelings expressed by the Deputy Prime Minister and all our colleagues in this House.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi kawasan Bukit Bendera.

11.34 pagi.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita maklum, Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah meninggalkan kita semua pada pagi Khamis yang lepas. Inilah lumrah alam, setiap yang bermula akan diakhiri dengan kesudahan. Begitulah hakikat dunia nyata. Walau bagaimanapun, kita turut merasai kehilangan peribadi yang amat besar buat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan keluarganya.

Pemergian Allahyarhamah Yang Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood yang telah mesra dengan panggilan Kak Endon turut dirasai oleh semua lapisan masyarakat Malaysia termasuk Ahli-ahli Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Beliau akan sentiasa diingati oleh kami semua sebagai wanita pertama yang penuh keprihatinan terhadap rakyat yang kurang berupaya, seorang isteri yang merupakan tunggak teguh kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, seorang ibu yang penyayang dan seorang insan yang begitu meriah dan berwibawa kepada keperibadiannya.

Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood juga sinonim dengan kesungguhannya mempromosikan seni dan budaya warisan Malaysia. Jiwa beliau sememangnya sudah sehati dengan prinsip-prinsip bangsa Malaysia yang tulen. Keupayaan beliau untuk menghayati unsur-unsur seni dan warisan bangsa Malaysia yang majmuk selaras dengan latar belakang beliau haruslah dijadikan petunjuk dan

teladan kepada semua lapisan masyarakat Malaysia supaya usaha beliau dapat kita semua perjuangkan bersama untuk membentuk sebuah masyarakat yang benar-benar berpusaka dan bersepadu. Bak kata pepatah Melayu, “hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati”. Budi baik Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood yang telah membangunkan dunia seni dan warisan Malaysia dan kemurahan hatinya yang telah meringankan beban beribu insan yang kurang upaya melalui kerja amal beliau dan kesungguhan beliau membantu ramai pesakit kanser akan sentiasa dikenangi dan diteladani.

Bagi pihak Presiden Parti Gerakan, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik yang kini berada di luar negara dan juga bagi pihak pucuk pimpinan Parti Gerakan serta Ahli-ahli Parlimen dari Gerakan, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh keluarga dan kita percaya keutuhan iman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mampu membantu dirinya mengharungi rintangan yang sungguh getir itu.

Kami semua dari Parti Gerakan akan terus menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang kita kasihi sebagai Perdana Menteri dan juga Pengerusi Barisan Nasional dalam usaha beliau membina satu masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri bagi kawasan Miri. Sila.

11.38 pagi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk mewakili Parti Rakyat Bersatu Sarawak atau lebih dikenali sebagai SUPP untuk menyokong Usul Takziah kepada pemergian Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bagi pihak seluruh lapisan pemimpin-pemimpin serta Ahli-ahli SUPP, saya ucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita kasihi serta juga seisi keluarganya. Sesungguhnya kehilangan mereka ini merupakan satu kehilangan yang amat besar juga bagi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *every Malaysian felt a sense of great loss with the passing of Datin Seri Endon Mahmood for she had, through the many facets of being*

the first lady of Malaysia as well as the leader of women, endeared herself to many, many Malaysians, a the popular and well-respected Kak Endon. Jasa dan pengorbanan beliau tetap dikenang. Tentulah ada ramai lagi yang tidak pernah berjumpa dengan Kak Endon tetapi turut merasa sedih kerana pemergiannya bermakna mereka tidak akan mempunyai peluang lagi untuk berjumpa. Kepada mereka yang bernasib dan bertuah kerana dapat dengan sendirinya bertemu dengan Kak Endon, pertemuan itu telah meninggalkan imej yang sangat mendalam serta kenangan yang susah dilupakan. Begitu juga kenangan saya dan rakyat di Miri apabila Kak Endon bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang semasa itu sebagai Timbalan Perdana Menteri melakukan lawatan rasmi ke Miri dan kawasan pedalaman di Ulu Baram pada tahun 2000.

Walaupun lawatan itu adalah singkat, tetapi apabila bertanya mereka yang mempunyai peluang bergaul dengan Kak Endon, khususnya pihak kaum wanita, jawapan yang saya dapati ialah mereka semua rasa amat kagum dan bertuah. Semua bersetuju bahawa Kak Endon adalah seorang pemimpin wanita yang berkaliber dan cukup dinamik. Kesungguhan kak Endon dalam usahanya mempromosikan bidang seni dan warisan Malaysia adalah antara contoh-contoh yang membayangkan kehebatan beliau dalam kerja-kerja badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SUPP sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana berazam untuk terus berkhidmat dengan semangat yang lebih tinggi demi untuk bangsa dan negara. SUPP berjanji akan terus berusaha bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk membangunkan Malaysia amnya dan negeri Sarawak khususnya. Marilah kita bersama-sama berdoa supaya Tuhan memberkati dan memberi kekuatan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi untuk terus memimpin kerajaan dan negara kita. Dengan kata-kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi kawasan Taiping, sila.

11.42 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diluahkan kepada saya selaku

wakil PPP di dalam menyampaikan salam takziah kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga beliau di atas kepulangan ke rahmatullah isteri beliau, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober 2005 yang lalu.

Pada kesempatan ini, saya bersama-sama seluruh barisan pemimpin dan Ahli PPP dengan amat dukacitanya merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas pemergian isteri tersayang, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood. Kami percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga dapat menerima pemergian Allahyarhamah dengan tabah dan tenang. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *this is the first time a Prime Minister in office has lost his first lady*. Tuan Yang di-Pertua, *not forgetting our Prime Minister who also lost his beloved mother quite recently*.

Sememangnya kita tidak dapat membayangkan atau merasai keperitan, kesedihan serta kesusahan yang dialami dan dilalui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kehilangan isterinya. Namun apa yang nyata dan jelas ialah bahawa kita semua sudah tentu akan terus berada bersama beliau dalam melalui bersama segala keperitan dan kesusahannya yang sedang dan juga akan menjadi benteng pertahanan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya negara telah kehilangan wanita pertama yang berhemah, yang cukup tabah, gigih serta yang telah menjadi sumber inspirasi wanita di seluruh negara. Di dalam masa yang begitu singkat, selaku wanita pertama Allahyarhamah telah banyak menyumbang kepada program kebajikan dan kemasyarakatan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Sehubungan ini, bagi mengenang segala jasa Allahyarhamah di bidang tersebut saya ingin mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini turut mengusulkan supaya Yayasan Budi Penyayang yang mana Allahyarhamah adalah sebagai pengasas dan pengerusinya dinamakan semula sebagai Yayasan Budi Penyayang Datin Seri Endon Mahmood. Selain dari itu, negara juga kehilangan seorang tokoh perjuangan seni fabrik warisan negara yang kreatif serta berwawasan dan yang telah berjaya memulihkan semula perusahaan batik dan songket yang hampir malap.

Sesungguhnya kita bersama rakyat turut berasa kagum serta tangisi ketabahan dan kegigihan Allahyarhamah bertarung hebat dengan penyakit yang dihidapi sehingga ke akhir hayat. Semoga roh Allahyarhamah dicucuri rahmat. Tuan Yang di-Pertua saya

dengan ini menyokong sepenuhnya usul ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti mana yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Keningau.

11.46 pg.

Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi. Saya sebagai Ahli Parlimen Keningau dan mewakili Parti Bersatu Sabah menyokong sepenuhnya usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini menggambarkan kesedihan kita sekalian sebagai Ahli-Ahli Dewan Rakyat di atas pemergian ke rahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Tidak ada kata-kata yang cukup, yang boleh sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kehilangan seorang tersayang dalam diri beliau. Seperti rakyat biasa kami juga merasa sedih dan amat bersimpati terhadap pemergian isteri tersayang Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita. Rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat amat bersedih di atas kehilangan wanita pertama kita. Allahyarhamah bukan sahaja amat dikagumi merupakan insan yang begitu istimewa.

Allahyarhamah bukan sahaja dikagumi kerana kelembutannya, murah hati, suka merendah diri tetapi juga kerana kasih sayangnya penuh komited kepada keluarga dan masyarakat. Kesungguhan Allahyarhamah dalam menjalankan berbagai kerja amal komitmennya memperjuangkan konsep keluarga penyayang di kalangan rakyat juga adalah kualiti murni yang berjaya diterapkan di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Allahyarhamah juga adalah seorang pejuang yang tabah dan menjadi sumber inspirasi kepada semua orang terutamanya pesakit-pesakit kanser. Allahyarhamah juga akan senantiasa dikenang di sanubari rakyat di atas sumbangannya menggalakkan kesedaran kanser di negara ini. Yang Amat Berbahagia Allahyarhamah Datin Seri Endon mempunyai kepimpinan dan kewibawaannya tersendiri yang telah menjadi

contoh dan teladan kepada seluruh rakyat Malaysia sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. *A caring attitude and kindness shines above all else*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

She was indeed an exemplary person, wife and mother and she has made a very beautiful impact, not just nationally but internationally as well. Kita akan sentiasa mengenangi segala kebaikan jasa bakti dan sumbangan Allahyarhamah terhadap bangsa, agama dan negara Malaysia. Semoga Tuhan yang Maha Esa dan Penyayang akan mencucuri roh Allahyarhamah ke tempat yang aman, tenang dan sentosa selamanya. *May God Almighty, may her soul rest in peace forever and ever*, amin. Kesedihan yang dirasakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga rasa sedemikian. Namun kepada beliau perasaan lebih daripada itu kerana kehilangan isteri, teman dan seorang yang memberi keyakinan serta kekuatan kepada diri beliau. Justeru, kita menghulurkan perasaan takziah yang tidak terhingga dan simpati kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Dan, di samping itu, terus berdoa supaya Tuhan Yang Maha Berkuasa memberkati beliau dan memberi segala kekuatan kepada beliau yang diperlukan dalam masa kesedihan ini.

Kami juga ingin menyatakan kepada Yang Amat Berhormat bahawa kami sentiasa ada di sisi dan di belakang beliau dan akan terus menyokong segala usaha dan tujuan yang murni beliau terhadap bangsa, agama dan negara Malaysia serta terhadap usaha keamanan dunia sejagat jua. Kami dalam Parti Bersatu Sabah serta rakyat keseluruhannya dengan sedih hati turut menyampaikan sekali lagi ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kehilangan Allahyarhamah yang merupakan penyokong nombor satu beliau selama 40 tahun. Kami juga kagum dengan sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa amat tenang dan reda dengan pemergian walaupun pada hakikatnya beliau amat sedih di atas kehilangan isteri dan teman hidup yang amat tercinta. Ini adalah ciri orang-orang yang beriman dan patut dicontohi oleh semua orang.

Kami semua berdoa agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi senantiasa bersabar dalam menghadapi dugaan yang begitu berat ini. Kami percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan senantiasa tabah dan kami semua pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, terutamanya sekali Parti Bersatu Sabah yang merupakan penyokong nombor dua akan terus berdiri teguh di belakang Yang

Amat Berhormat Dato' Seri. Dan, akan berusaha mengisi ruang yang telah ditinggalkan oleh penyokong nombor satu beliau.

Kami juga akan terus membantu dan bekerjasama bersama-sama Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Malaysia. Sesungguhnya kami di dalam Barisan Nasional khususnya di dalam Parti Bersatu Sabah senantiasa memerlukan bimbingan, buah fikiran dan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kami kepada rakyat. Dengan kata-kata demikian, sekali lagi kami dalam Parti Bersatu Sabah menyokong usul yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: *[Bangun]*

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

11.54 pg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili Presiden Sarawak Progress Democratic Party (SPTP) untuk mengambil bahagian dalam usul khas yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia pada pagi ini dan menyokong sepenuhnya. SPTP juga turut merasa amat sedih dan sangat dukacita di atas pemergian wanita pertama Malaysia iaitu isteri tersayang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon binti Datuk Mahmood pada 20 Oktober 2005 yang lalu.

Pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon binti Datuk Mahmood merupakan satu kehilangan besar yang tidak ternilai kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan keluarga tetapi juga kepada seluruh rakyat dan negara. Bagi pihak Presiden Majlis Tertinggi dan semua ahli SPTP kami ingin merakamkan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga agar dapat bersabar di atas pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon binti Datuk Mahmood yang pasti akan dikenang dan terpahat di hati seluruh rakyat Malaysia sebagai seorang insan yang tinggi budi pekerti, penyayang juga seorang isteri dan ibu contoh kepada kita semua.

Kami juga berdoa kepada Tuhan Yang Maha Besar agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberikan kesabaran dan ketabahan mengharungi saat-saat yang begitu mencabar. Negara dan rakyat begitu menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terus membimbing dan membela nasib rakyat. Selain itu kami percaya dan yakin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan membawa Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang pada tahun-tahun mendatang agar generasi dahulu, kini yang akan datang akan bersyukur dan berbangga mempunyai dan mewarisi negara yang terbilang. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

11.57 pg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua saya mewakili Presiden saya daripada Parti Maju Sabah (SAPP) dan rakyat Sepanggar ingin juga menyertai dalam mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Kesedihan rakyat atas kepulangan ke rahmatullah Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon wanita pertama Malaysia sangatlah kita rasai kesedihan ini dan sama-sama mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Kami senantiasa bersama Dato' Seri dengan penuh sedih hati, dengan izin, *May the Lord Almighty be with her always and may the Lord always bless our beloved Dato' Seri and family.* Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

11.59 pg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya bagi pihak Ahli Parlimen B182 Pensiangan dan bagi pihak Presiden Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup sebagai Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah dan seluruh Ahli-ahli PBRs dan juga rakyat Sabah ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga keluarga atas pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon.

Depan saya ini disampaikan dari rakyat Sabah berbilang kaum dan agama dan mendoakan moga Tuhan mencucuri rohnya dan mudah-mudahan Tuhan akan

menempatkan bersama-bersama dengan orang solehah. Kekuatan, ketabahan, kecekalan dan semangat jitu yang telah diperjuangkan oleh Allahyarhamah Datin Seri adalah satu-satunya sumber inspirasi yang berkualiti yang perlu contohi oleh segenap rakyat di Malaysia. Lapisan masyarakat - ucapan usul oleh Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri berdoa agar Allahyarhamah Datin Seri Endon biarpun beliau sudah pergi.

You are gone but you are never forgotten by the people of Sabah and Malaysia on the whole, dengan izin. Dengan ini rakyat Sabah, Ahli-ahli Parti Bersatu Rakyat Sabah bersama-sama berdiri teguh di sisi dan di belakang Perdana Menteri yang dihormati dan disegani untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai, kita mempunyai moto yang perlu kita dukung dan perlu kita persembahkan iaitu cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan ini saya ingin menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tumpat sila.

12.01 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuhdan salam sejahtera. Saya bangun berdiri untuk sama-sama rakan-rakan, Ahli-ahli Parlimen menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagaimana yang dibentangkan sebentar tadi.

Saya mewakili Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan rakan-rakan Parti Barisan Alternatif untuk sama-sama mengucapkan perasaan dan ucapan sedalam-dalam takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kepulangan ke rahmatullah Yang Amat Berhormat Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober dan 16 Ramadhan tahun Masihi 1426 yang lalu. Saya dan Ahli-ahli Parlimen kami serta seluruh Ahli-ahli Parti PAS dan Barisan Alternatif di seluruh negara ingin menyampaikan perasaan ini secara ikhlas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh keluarga di atas kepulangan ke rahmatullah Yang Amat Berhormat Datin Seri Endon itu. Saya juga ingin menyampaikan ucapan dan salam takziah peribadi daripada Presiden dan Timbalan Presiden kami yang tidak dapat berada di dalam negara pada hari-hari yang berkenaan kerana mereka masih lagi berada di Tanah Suci untuk menjalankan amalan umrah di sana.

Kita mendengar daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi segala amalan-amalan, tindakan-tindakan mulia yang telah dilakukan oleh Allahyarhamah. Kita yang terlibat dalam politik amat tahu dan sedar bahawa dalam

sistem demokrasi berparlimen kita ini tugas seorang isteri kepada Perdana Menteri adalah amat sulit. Dalam sistem kita ini jawatan isteri kepada Perdana Menteri tidak seperti sistem-sistem negara-negara lain, mempunyai suatu status dan kedudukan yang begitu jelas dari segi kuasa ataupun protokolnya. Tetapi alhamdulillah, kita mendapati bahawa Allahyarhamah dalam menghadapi cabaran-cabaran tugas dan jawatan itu, dan dalam keadaan kesihatan Allahyarhamah yang tidak begitu mengizinkan tetapi telah mampu menjalankan tugas yang susah dan tanggungjawab yang susah selain daripada sebagaimana yang kita dilaporkan berjaya pula membantu suaminya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam tugas-tugas yang rasmi pula.

Rakyat di Kelantan dan Terengganu sudah tentu sebagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nyatakan tadi merasai kehilangan seorang tokoh dan pejuang industri songket dan batik. Oleh itu, pemergian Allahyarhamah benar-benar menyentuh perasaan rakyat dan setakat yang kita tahu ianya meliputi seluruh rakyat dan kedua-dua *gender* rakyat Malaysia ini, lelaki dan wanita. Sebagai seorang suami yang juga mempunyai isteri yang berpenyakit barah atau kanser, saya juga amat memahami perasaan dan segala cabaran yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat setakat ini. Oleh itu dari sudut peribadi pun saya memahami dan menyatakan ucapan takziah yang mendalam daripada diri saya sendiri. Kami berharap bahawa dalam bulan Ramadhan al-Mubarak ini, kekuatan bulan yang mulia ini dapat memberi kekuatan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadapi cabaran ini dan kami berdoa Yang Amat Berhormat akan dapat terus menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri dengan insya-Allah lebih kuat, lebih tabah dengan semangat dan roh yang datang daripada pengalaman-pengalaman yang lalu dan juga daripada semangat dan roh yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada kita semua di bulan Ramadhan al-Mubarak ini.

PAS berikrar bahawa kita akan terus memainkan peranan kita yang positif dan konstruktif bersama-sama dengan semua pihak untuk memastikan bahawa negara kita ini berjaya, berhadapan dengan cabaran-cabaran yang sudah tentu lebih besar di masa-masa yang akan datang ini. Jadi dengan ucapan ringkas ini saya dan kami menyokong Usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan sedih saya berdiri untuk menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat Parlimen dan negara di atas pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood, isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan untuk menyampaikan ucapan takziah daripada Ahli-ahli Parlimen, mewakili semua parti-parti politik dan rakyat Malaysia, semua bangsa, agama, bahasa dan budaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarganya.

Pemergian Allahyarhamah Datin Seri Endon pada 20 Oktober 2005, merupakan satu kejutan buat semua rakyat Malaysia kerana hanya pada dua hari sebelumnya mereka mendapati daripada surat khabar bahawa beliau telah *discharge* daripada hospital selepas menunjukkan kesan-kesan pemulihan. Selama dua tahun rakyat Malaysia telah menunjukkan, dengan izin, *concern* dan *admiration* perlawanan beliau terhadap barah payu dara dan walaupun semua mengetahui bahawa beliau dengan izin *was up against great odds*, tetapi semua rakyat mendoakan dan berharap beliau akan berjaya memerangi *killer disease* ini sehingga mencapai satu *remission*. Walaupun Allahyarhamah Datin Seri Endon hanya menjadi wanita pertama tidak sampai dua tahun sebagai isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana dan tidak mampu untuk menghadiri banyak program di khalayak ramai disebabkan kesihatan yang tidak membenarkan, beliau telah mendapat satu tempat yang istimewa dalam hati setiap rakyat Malaysia.

Disebabkan oleh sifat baik hati, kesucian, bertimbang rasa, rendah hati dan keberanian untuk tidak menyerah kalah kepada kanser ini dan memberi galakan kepada golongan wanita untuk memerangi barah payu dara tanpa menyerah kalah, satu inspirasi kepada rakyat Malaysia. Bahawa Allahyarhamah Datin Seri Hendon telah mengukir satu tempat yang khusus dalam sanubari setiap rakyat Malaysia telah ditunjukkan dengan sepenuhnya, dengan perasaan yang sedih dan tragik terhadap pemergian Allahyarhamah daripada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan kawasan dan kepercayaan politik. Seperti apa yang saya ada kata kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila saya ada melawat ke Sri Perdana untuk memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarhamah Datin Seri Endon pada hari Khamis yang lepas itu, *we want you to be strong, you have our full support*.

Cara terbaik untuk memperingati Allahyarhamah Datin Seri Endon ialah untuk semua rakyat Malaysia khususnya pemimpin-pemimpin parti politik daripada pihak pemerintah dan pembangkang untuk meneladani sifat rendah diri, baik hati, kesucian

dan keberanian untuk berdiri di atas apa yang betul, benar dan mulia. Marilah kita bersama-sama untuk mendedikasikan kita sendiri dalam memperingati dan menghormati Allahyarhamah Datin Seri Hendon dan menegakkan *legacy* beliau untuk mencapai hasrat dan mimpi beliau untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang bersih, tidak *corrupt*, adil, terbuka, beramanah dan berketelusan di mana perkataan-perkataan cemerlang, gemilang, terbilang bukan slogan tetapi merupakan pengalaman kehidupan harian untuk semua rakyat Malaysia. Semoga Tuhan mencucuri rohnya, saya mengucapkan selaku Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat daripada Kepong selaku Timbalan Pengerusi DAP akan cakap bagi pihak DAP, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.
12.12 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam DAP menyokong Usul ini dan kita mengucapkan takziah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat dan mendoakan roh isterinya dimasukkan dalam golongan solehah. Selepas Allahyarhamah Endon lebih tiga tahun bertarung dengan kanser payu dara dan Allahyarhamah kembali ke rahmatullah.

Saya nampak Yang Amat Berhormat menyatakan seorang yang kuat, yang tabah, yang tenang dan reda dan saya berharap Yang Amat Berhormat dapat menghadapi segala-galanya menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan dan negara ketika ini memerlukan wawasan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, pemergian Allahyarhamah memang meninggalkan satu *vacuum* bukan sahaja bagi Yang Amat Berhormat, bahkan juga bagi negara, dan kita berharap semua rakyat dapat bekerja kuat untuk membantu Yang Amat Berhormat mencapai cita-citanya. Pada 20 hari bulan, kita nampak beribu-ribu rakyat yang mengerumuni Sri Perdana untuk menziarahi Allahyarhamah dan kemudian ada yang terus pergi ke pusaranya di Precint 20. Ini menunjukkan rakyat mencintai.

Limau kasturi masam tidak hilang

Sedia dihidang dengan ikan gelama

Harimau mati tinggalkan belang

Manusia mati tinggalkan nama

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dan selepas itu Yang Berhormat Johor Bahru.

12.15 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mewakili parti saya PRS dan mewakili presiden saya untuk bersama-sama dengan seluruh rakyat Malaysia menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kehilangan *our first lady* dan orang yang tercinta Yang Amat Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi 20 Oktober yang lalu semasa berita diberikan kepada orang ramai, bahawa *first lady* kita telah meninggal, saya menerima banyak SMS yang hendak menentukan sama ada itu adalah berita yang benar. Apabila saya mengatakan itu adalah benar, ramai yang tidak percaya dan mengatakan “tidak mungkin” kerana Yang Amat Berhormat Datin Seri Endon sentiasa sama ada di kaca televisyen ataupun di surat khabar menunjukkan sikap dan muka yang begitu ceria sekali. Saya kata itulah gayanya orang yang begitu *complete* dari segi kepimpinannya sama ada untuk kaum wanita ataupun insan yang lain. Ketua parti saya dan pemimpin-pemimpin PRS semua mengatakan *first lady* kita ini adalah seorang pemimpin yang begitu *complete* dan memang patut sekali menjadi *first lady* yang menyokong dan yang menjadi *first and foremost supporter of* Yang Amat Berhormat, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat jelata pun merasa betapa kosongnya setelah pemergian Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon dan kita cuma dapat bayangkan sahaja betapa kosongnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, tetapi kita tahu Yang Amat Berhormat adalah seorang yang begitu tabah yang begitu bijaksana dan rakyat Malaysia Yang Amat Berhormat sangat-sangat berharap ciri-ciri kepimpinan yang telah ditunjukkan dapat diteruskan dan akan diteruskan. Kita dari PRS sentiasa berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat untuk menjamin kejayaan sama ada Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun Wawasan Malaysia amnya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sandakan merupakan ahli Bebas ingin berucap, sila.

12.18 tgh.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Bebas tunggal dari Sandakan ini, berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Ingin juga saya mewakili rakyat Sandakan mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh ahli keluarga atas pemergian Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon Mahmood pada 20 Oktober 2005. Kehilangan beliau adalah satu kerugian besar kepada negara kita, tetapi jasa-jasa dan sumbangan yang diberikan oleh beliau kepada negara kita akan kita kenangkan dengan selama-lamanya. Saya ingin juga menguji semangat tabah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, terus memimpin negara kita, ke satu tahap yang lebih tinggi. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Johor Bahru.

12.20 tgh.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang untuk saya berucap bagi pihak rakan-rakan saya dan juga bagi pihak pengundi-pengundi dan rakyat, bukan sahaja di kawasan Johor Bahru, tetapi di kawasan-kawasan yang diwakili oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Kami juga ingin menyokong usul di atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana sampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarganya di atas kembalinya ke rahmatullah, isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Allahyarhamah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon binti Mahmood, pada 20 Oktober yang lalu. Kami turut merasa sedih bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri di atas kehilangan teman hidup beliau yang begitu setia dan kuat membantu serta menyokong. Sambil pula bagi ahli-ahli keluarga Allahyarhamah yang kehilangan seorang ibu yang sungguh penyayang. Semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarhamah Datin Seri Endon binti Mahmood dan semoga ditempatkan Allah bersama-sama dengan golongan syuhada dan solehin.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bercakap juga dari segi peribadi saya kerana saya berpeluang mengenali Allahyarhamah Datin Seri Endon hampir 30 tahun dahulu. Semasa itu, saya bermula menceburi dunia politik sebagai seorang Setiausaha Politik dan sebagai seorang yang muda bersama-sama isteri saya. Pemerhatian kami terhadap Allahyarhamah ialah bagaimana kami rasakan bahawa suami Allahyarhamah begitu bernasib baik mempunyai seorang isteri yang mampu membawa keindahan ke dalam suasana hidup berkeluarga.

Sifat pencinta seni di pihak Allahyarhamah Datin Seri Endon bukanlah satu yang

dilihatkan semasa sudah menjadi isteri kepada Perdana Menteri, tetapi 30 tahun dahulu sudah begitu jelas sekali hinggakan barang-barang indah yang dikumpul oleh Allahyarhamah ketika itu adalah terdorong semata-mata oleh pertimbangan Allahyarhamah sendiri dan bukan kerana terikut-ikut oleh *trend* semasa.

Sebagai seorang yang muda, sudah pasti saya sama juga isteri agak terpegun dengan sifat pencinta keindahan seni negara yang kami perhatikan kepada Allahyarhamah sambil juga terharu bagaimana mudah kami sebagai satu pasangan muda, mudah diterima sebagai sahabat sekeluarga oleh Allahyarhamah Datin Seri Endon.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sikap penyayang Allahyarhamah yang pada hari ini termeterai dalam nama Yayasan Penyayang yang ditubuhkan oleh Allahyarhamah adalah sebahagian perwatakan Allahyarhamah itu sendiri. Ianya kelihatan bertahun-tahun sebelum yayasan itu ditubuhkan. Di sini mungkin saya hendak sebutkan tentang satu aspek yang kita jarang perhatikan sebagai orang politik dan sebagai pemimpin politik, di mana mungkin kita dapat melihat kepada peranan seorang isteri itu mungkin pada masa-masa sebagai orang politik atau pemimpin kita telah muncul di mercu kejayaan.

Sebenarnya sokongan dan bantuan yang diberikan kepada kita sebagai pemimpin, oleh isteri kita, banyak membantu dan lebih membantu semasa keadaan yang susah dan lebih-lebih lagi keadaan ketika dipinggirkan daripada kuasa. Ketika kita mempunyai jawatan yang tinggi, kedudukan yang tinggi, mungkin pemerhatian umum begitu tepat dan terang sekali kepada sumbangan dan peranan seorang isteri kepada pemimpin politik, dan di dalam aspek ini saya rasa bahawa Allahyarhamah telah memainkan satu peranan yang begitu menyokong dan membantu. Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri, semasa Yang Amat Berhormat berada di pinggiran dan pada ketika yang susah dan tentulah pada masa kawan yang tidak ramai dan kuasa yang tidak ada, merupakan satu suasana yang begitu berkehendakkan kepada seorang isteri yang menyokong dan membantu kedudukan Yang Amat Berhormat dan sudah pasti pada pandangan dan pengamatan kami sebagai orang politik dan pemimpin, kami percaya bahawa ini adalah satu-satunya peranan yang patut disanjung oleh kita semua terutamanya terhadap Allahyarhamah itu sendiri.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga menyatakan sedikit tentang soal kanser atau barah yang telah pun menjadi satu penyakit yang bertambah meluas di

negara kita ini. Sambil kita membahaskan usul ini dan mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keluarga, harus juga kita mengenangkan tentang soal kanser atau barah yang menjadi satu penyakit di mana kira-kira 40,000 rakyat Malaysia setiap tahun menghadapi penyakit ini.

Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional secara langsung sebenarnya telah mengambil dan membuat pilihan untuk menyokong usaha-usaha yang dijalani oleh Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, National Cancer Society of Malaysia melalui satu pertandingan golf amal yang telah kita adakan bersama-sama dengan Malaysian Bar dan pertandingan itu telah kita berjaya menyumbang sebanyak 70000 kepada National Cancer Society of Malaysia. Yang uniknya, Allahyarhamah Datin Seri Endon sebenarnya juga dimaklumkan tentang perkara ini, walaupun sumbangan daripada ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional hanya setakat 70,000, tetapi kegiatan kami yang menyokong kepada usaha-usaha untuk membantu pesakit-pesakit kanser telah pun dimaklumkan kepada Allahyarhamah dan ini menunjukkan *network*, perhubungan yang begitu meluas di antara Allahyarhamah dengan NGO-NGO yang terlibat dalam soal kanser. Oleh itu Barisan Nasional atau BBC akan terus berusaha untuk menyokong kepada kegiatan-kegiatan NGO yang terlibat dalam bidang kanser dan saya berharap bahawa pihak kerajaan sendiri akan mengambil satu pendekatan yang baru membantu kepada NGO-NGO terutamanya kepada sukarelawan-sukarelawan yang memainkan satu peranan yang penting membantu kepada golongan pesakit-pesakit kanser.

Ia mempunyai stigmanya yang tersendiri dan kadangkala ia menyebabkan masalah kepada pendekatan kita untuk memerangi penyakit ini. Apa sahaja kemudahan saya rasa haruslah kita sediakan, janganlah kita terikut-ikut untuk menumpukan kepada pembinaan hospital yang indah, tanpa kita duga meletakkan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan monogram, di setiap hospital yang utama dan juga kemudahan latihan kepakaran bagi kakitangan kesihatan.

Inilah maksudnya saya rasa Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang fizikal, yang besi yang dibina daripada besi, batu-bata dan simen akan menjamin kesejahteraan hidup kita yang akan menentukan kesejahteraan hidup masyarakat sebenarnya adalah modal insan yang sama-sama memahami latihan, dapat pendidikan dilatih menerima kanser sebagai satu masalah yang perlu ditangani di semua peringkat, dan terutamanya dari segi kemudahan-kemudahan kepada pihak NGO dan juga kemudahan perubatan.

Oleh itu sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak rakan-rakan saya meminta kepada Yang Amat Berhormat untuk terus memimpin, untuk terus sabar, tabah dalam menghadapi cabaran. Saya rasa memang susah untuk kita mengisi kekosongan dan menggantikan kehilangan itu. Tapi namun demikian, kami masih memerlukan kepada pandangan, kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat dan biarlah saya nyatakan yang secara terang kepada Yang Amat Berhormat bahawa kami tetap bersama mu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sejumlah 17 Ahli Yang Berhormat telah berucap. Sebelum saya menyerahkan usul yang dirbantangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis untuk diputuskan, oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mohon untuk membuat ucapan terima kasih kepada Majlis, saya dengan ini dengan segala hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat untuk berucap. Yang Amat Berhormat, dijemput.

Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat sedikit ucapan terima kasih atas usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, merakamkan rasa dukacita, menyampaikan ucapan takziah kepada saya atas kembalinya ke Rahmatullah isteri saya Endon binti Mahmood, Allahyarhamah. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat terharu atas pertama kali tindakan diambil untuk membawa suatu usul seperti ini di Dewan Rakyat yang saya tahu mengenainya hanya pagi ini semasa saya pergi ke pejabat saya tadi.

Saya telah mengambil keputusan dengan itu untuk datang bukan sekadar hendak mendengar apa yang akan diucapkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat tapi yang lebih pentingnya adalah untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat yang bercakap, yang memberikan pandangan, nasihat dan sebagainya, ucapan takziah dan juga kepada mereka yang akan menyokong usul itu. Saya tentulah rasa amat terharu dengan inisiatif ini dan pula setelah mendengar ucapan-ucapan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Memanglah semasa Endon masih ada hayatnya, semasa sakit, memang telah pun menunjukkan kesusahannya untuk melaksanakan dan menyempurnakan beberapa projek yang telah pun dimulakan pelaksanaannya tetapi belum selesai. Memang betul

kerjanya banyak, tetapi dalam menjalankan kerja-kerjanya yang banyak itu, yang hari ini nampaknya ada penghargaan yang diberikan oleh rakyat, Endon telah pun mendapat sokongan yang banyak daripada kawan-kawannya, terutamanya daripada kawan-kawan dalam BAKTI khususnya Timbalannya, Datuk Seri Rosmah binti Mansor, isteri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Juga kepada kawan-kawannya yang lain yang dalam BAKTI, Endon sentiasa menyatakan penghargaan mereka atas segala sokongan yang telah mereka berikan yang Endon sangat-sangat menghargai. Oleh sebab Endon tidak dapat dengan sendirinya mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana Endon tidak dapat menemui mereka semasa sakit maka izinkanlah saya mengucapkan ucapan terima kasih kepada mereka semua bagi pihak Endon, dan kawan-kawannya yang membantu menjayakan projek-projeknya sama ada yang ada hubung kait dengan mendapat bantuan untuk persatuan-persatuan yang kerja bersungguh-sungguh untuk melahirkan kesedaran mengenai bahayanya penyakit kanser dan perlunya kita berusaha untuk menghindarkan wanita terutama sekali daripada menghadapi penyakit ini.

Juga projek-projek yang ada hubung kait dengan songket dan batik dan projek-projek "Sayang Keluarga". Pada mereka semua yang terdiri, yang datang dari kumpulan-kumpulan NGO, daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan termasuk para menteri yang membantu dan pegawainya. Endon amat-amat menghargai bantuan dan jasa mereka kerana semasa sakit pun perkara ini Endon sentiasa timbulkan. Jika ada apa-apa perkara yang merupakan kesilapan dan kekurangan atau apa-apa perkara yang beliau lakukan, ataupun yang telah bercakap yang menyentuh perasaan kawan-kawannya, yang menyusahkan mereka maka izinkanlah saya bagi pihak Endon untuk mengucapkan banyak-banyak maaf. Saya percaya inilah tindakan yang saya ambil dan saya percaya Endon tentu sekali amat menghargainya kalau saya dapat ucap terima kasih dan minta maaf kepada mereka semua.

Dan satu perkara yang juga yang Endon cakap ialah ada beberapa projek yang dalam pelaksanaan yang perlu dijayakan, insya-Allah saya akan bantu bagi menjayakannya dan anak-anaknya dan kepada mereka yang sudah pun terlibat dalam rancangan ini yang mahu meneruskannya saya harap mereka dapat teruskan kerana ini adalah sebenarnya yang ada hubung kait dengan kebajikan, kebajikan kepada rakyat sekalian.

Sifat yang cukup dominan yang ada pada isteri saya itu ialah sikap penyayang, murah hati, dan sedia membantu dan semasa berada di luar negeri menerima rawatan dia sendiri berkata kepada saya bahawa sakitnya ini cukup kuat dan amat susah baginya *it's painful to bear* tapi katanya juga mungkin ada sesuatu pengajaran bagi dirinya, bagi keluarga dan mungkin juga bagi orang lain kerana sakitnya itu benar-benar melemahkan Endon. Tetapi mungkin apa yang dikatakan pengajaran itu pada hari ini saya percaya sudah ada satu rasa yang lebih kuat lagi di kalangan kita semua dan rakyat untuk menangani penyakit kanser ini dengan bersungguh-sungguhnya daripada segala aspek sama ada pendidikan, sama ada pencegahan dan sama ada meningkatkan lagi rawatan dan jenis ubat yang kita harap dapat diperolehi oleh rakyat dengan harga yang murah dan berpatutan.

The price of cancer treatment dengan izin, harga untuk menerima rawatan kanser amat-amat tinggi sekali dan saya amat tahu ubatnya itu pun cukup juga mahal harganya. Inilah yang menjadi juga niat dan tujuan saya supaya usaha kita itu biarlah sampai kepada peringkat iaitu rawatan untuk penyakit kanser, ubatnya biarlah nanti kita pastikan serendah-rendahnya dan semurah-murahnya supaya nanti penyakit kanser dan rawatan yang terbaik bukan hanya dapat diperolehi oleh mereka yang mampu untuk membayarnya tetapi juga mudah diperolehi oleh masyarakat yang kurang berpendapatan untuk mendapatnya.

Itulah yang perlu kita usahakan dan insya-Allah itulah juga yang ingin saya usahakan. Jadi sekali lagilah saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada saudara sekalian atas ucapan takziah yang diberikan kepada saya atas kembalinya ke rahmatullah isteri saya Allahyarhamah Endon binti Mahmood. Saya cakap juga bagi pihak keluarga saya dan atas sokongan yang saudara akan berikan kepada saya untuk meneruskan kerja saya, memang saya akan teruskan kerja saya. Saya percaya itulah juga yang menjadi harapan bekas isteri saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketepatan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[19 Oktober 2005]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Kewangan sila keluarkan jawapan.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006, khususnya yang telah membangkitkan perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Banyak perkara yang telah ditimbulkan dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan cadangan yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Pahat mempersoalkan pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi 5.5 peratus yang diunjurkan pada tahun 2006. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 5.5 peratus pada tahun 2006 telah mengambil kira perkembangan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang sederhana sementara enjin pertumbuhan

bersumberkan kegiatan ekonomi dalam negeri disokong oleh strategi yang telah digubal dalam Bajet 2006 terutamanya langkah proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi di samping usaha menyediakan persekitaran mesra perniagaan.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM35.5 bilion iaitu penambahan sebanyak 13 peratus berbanding peruntukan tahun 2005. Yang Berhormat bagi Temerloh telah menyatakan bahawa sungguhpun negara kita mempunyai lebih besar dalam imbalan perdagangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Sri Gading. Oh tidak. Ingatkan dia bangun. Selalunya dia bangun Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat bagi Temerloh telah menyatakan bahawa sungguhpun negara kita mempunyai lebih besar dalam imbalan perdagangan (*balance of trade*) tetapi mempunyai defisit dalam akaun modal dan ini bermakna tidak banyak modal luar masuk ke Malaysia. Negara memang telah mencatat lebih yang besar dalam imbalan perdagangan selama tujuh tahun berturut-turut sejak tahun 1968. Pada tahun 2004 lebih tersebut berjumlah RM80.7 bilion dan adalah antara lebih yang terbesar pernah dicatat setakat tahun ini.

Pada tahun yang sama akaun modal yang kini dikenali sebagai akaun kewangan dalam imbalan pembayaran negara mencatat lebih berjumlah RM15.1 bilion. Kerajaan yakin bahawa dengan persekitaran politik yang stabil, infrastruktur yang baik, keupayaan tenaga serta langkah pragmatik dan proaktif yang diumumkan dalam Bajet 2006, Malaysia akan kekal sebagai destinasi pilihan pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan isu mengenai peruntukan perbelanjaan mengurus lebih besar berbanding perbelanjaan pembangunan dan beranggapan trend ini tidak membantu pembangunan negara. Untuk makluman, perbelanjaan mengurus adalah bagi membiayai kos operasi pengurusan kerajaan termasuk perbelanjaan bekalan dan tanggungan. Manakala perbelanjaan pembangunan adalah bagi membiayai projek-projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan.

Dalam konteks ini perbelanjaan pembangunan bagi sesuatu projek akan tamat apabila projek itu siap. Sebaliknya apabila sesuatu projek pembangunan seperti sekolah, hospital, jalan raya dan sebagainya siap, perbelanjaan mengurus seperti emolument, penyelenggaraan, utiliti dan pembaikan infrastruktur terus diperlukan. Oleh

itu perbelanjaan mengurus akan semakin bertambah tahun demi tahun apabila makin banyak projek pembangunan siap di samping meningkatkan permintaan rakyat terhadap perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun kerajaan akan memastikan bahawa perbelanjaan adalah terkawal.

Yang Berhormat Jerai berpandangan bahawa peruntukan sejumlah RM581 juta untuk tujuan menaik taraf jalan adalah tidak mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebenar yang diluluskan adalah jauh lebih besar daripada yang dinyatakan. Kementerian Kerja Raya sahaja telah diberi peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk menaik taraf jalan meliputi RM919 juta di Semenanjung, RM130 juta di Sabah, dan bagi Sarawak RM263 juta. Di samping itu, di bawah Kementerian Pembangunan Bandar dan Wilayah, sebanyak RM223 juta diperuntukkan bagi jalan luar bandar. Dari jumlah ini, sebanyak RM173 juta diperuntukkan untuk tujuan menaik taraf, sementara RM53 juta lagi bagi pembinaan jalan baru. Untuk Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak RM300 juta diperuntukkan bagi projek jalan kampung termasuk penyelenggaraan.

Yang Berhormat bagi Larut menyarankan kerajaan memberi peruntukan kepada badan-badan bukan kerajaan iaitu NGO yang terlibat dalam kegiatan yang menjurus kepada amalan kesihatan yang baik. Kerajaan terima baik sasaran ini dan pertimbangan sewajarnya akan diberi ke atas setiap permohonan dengan mengambil kira kepentingan sumbangan NGO kepada negara dan kemampuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur telah mencadangkan supaya kerajaan menurunkan cukai pendapatan individu dan syarikat bagi mengurangkan beban kenaikan harga barangan dan meningkatkan daya saing. Tuan Yang di-Pertua, cukai pendapatan individu dan cukai syarikat kini adalah pada kadar 28%. Memandangkan Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas pendapatan dividen dan juga memandangkan Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas *capital gain*, kadar efektif cukai pendapatan syarikat adalah rendah berbanding beberapa negara serantau.

Malaysia juga menawarkan insentif percukaian yang komprehensif seperti *pioneer status* supaya mampu bersaing untuk meningkatkan pelaburan. Sebagai langkah berterusan untuk meningkatkan daya saing kerajaan, membantu syarikat mengurangkan kos mengendali perniagaan dengan menawarkan pelbagai pakej insentif cukai yang lebih menarik serta menyediakan potongan bagi tujuan cukai pendapatan melalui bajet tahunan, Bajet 2006 yang baru diumumkan, pelbagai potongan

diperkenalkan. Antaranya *group belief*, bayaran juruaudit, elaun bangunan, industri, dan elaun latihan kepada siswazah menganggur.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan sama ada pernah satu pertimbangan serta kajian dibuat mengenai perkara ini, penurunan cukai dalam syarikat atau pernah dibuat dan apa *conclusion* atau *recommendation*, dan siapa buat kajian itu? Saya percaya, memang ada kajian dibuat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah membuat satu kajian berterusan di antara pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan dan juga EPU dan memang saya setuju bahawa penurunan adalah satu kaedah yang mempunyai logiknya sendiri dan pada satu ketika nanti mungkin akan dilaksanakan oleh kerajaan tertakluk kepada kemampuan kerajaan. Tetapi pada masa ini kerajaan berpendapat bahawa ada kaedah yang lebih baik, ada kaedah yang lebih efektif yang patut dilaksanakan pada masa ini.

Antara faktor yang telah dipertimbangkan oleh kerajaan dalam mencapai *conclusion* ini ialah *base* untuk cukai bagi negara kita ini begitu sepi. Sebagai contoh, negara kita, Malaysia mempunyai lebih 10 juta pekerja. Tetapi daripada 10 juta pekerja ini, hanya 2 juta pekerja yang membayar cukai. Ini adalah sebab kerajaan begitu prihatin dan *triggle point bar* untuk membayar cukai begitu tinggi. Misalan, Tuan Yang di-Pertua, seorang individu bujang yang berpendapatan tidak melebihi RM2,480 sebulan tidak dikenakan cukai. Manakala individu yang berkahwin dengan seorang isteri dan mempunyai tiga orang anak tidak dikenakan cukai kalau pendapatan beliau kurang dari RM3,600.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa bagi syarikat SME iaitu syarikat yang modal berbayarnya tidak melebihi RM2.5 juta, kadar cukainya ialah rendah, iaitu bukan 28 % tapi hanya 20% bagi pendapatan bercukai sehingga RM500 ribu mulai tahun taksiran 2004 dan hanya berpendapatan selebihnya sahaja yang tak tertakluk kepada kadar 28%. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga mencadangkan....

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu, sebelum itu, oleh kerana Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut mengenai golongan bekerja. Semalam kita ada satu mesyuarat dengan pimpinan-pimpinan kesatuan-kesatuan sekerja, *trade in leaders*, dan muafakat mereka, konsensus mereka ialah bahawa Bajet 2006 bererti kepada pekerja-pekerja di

sektor swasta tidak sebaik untuk pekerja-pekerja kakitangan awam. Tetapi untuk *workers in private sectors* yang lebih ramai daripada kakitangan perkhidmatan awam, oleh kerana mereka tidak dapat apa-apa faedah atau penjagaan, kenapa perkara ini ditinggalkan dalam Bajet 2006?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pekerja-pekerja di kalangan sektor swasta tidak diberi apa-apa. Ada dua cara untuk kerajaan membantu golongan pekerja. Satu dengan memberi umpamanya pelepasan cukai. Satu lagi ialah untuk tidak menaikkan cukai, tidak menaikkan tarif. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah, misalannya untuk tidak menaikkan kadar petroleum, kadar diesel dan sebagainya untuk tahun ini dan ini memberi kesan kepada pekerja sebab mereka tidak perlu membayar harga yang lebih dan oleh yang demikian, mereka mempunyai *disposable income* yang lebih.

Oleh yang demikian juga, mereka dapat pembelanjaan yang lebih dan ini adalah baik, ini adalah satu strategi yang dipersetujui oleh kerajaan dalam konteks *consumption driven economy*. Kerajaan memang sejak dahulu telah membuat keputusan untuk memastikan bahawa ekonomi negara tidak hanya bergantung pada eksport. Memang kita terkenal, Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang nombor satu dari segi eksport sebab Malaysia dalam negara kita, eksport dalam konteks sebagai satu ratio GDP melebihi 200%. Tidak ada negara lain dalam dunia yang mempunyai angka 200% eksport berbanding dengan GDP kecuali Hong Kong, dan Hong Kong bukan sebuah negara iaitu sebahagian dari China, negara China dan Singapore. Singapore itu *city state*.

Tetapi selain daripada Hong Kong dan Singapura, kitalah Malaysialah negara yang mempunyai ratio yang tertinggi sekali iaitu melebihi 200% eksport berbanding dengan GDP. Import juga tinggi, iaitu melebihi 100%. Tetapi sungguhpun ini satu kelebihan bagi negara Malaysia, kerajaan telah membuat satu keputusan bahawa asas ekonomi patut dipelbagaikan, di *diversified*, dan *consumption-led growth*, dengan izin, adalah satu cara, satu langkah, satu kaedah yang telah dipilih oleh kerajaan untuk menjana ekonomi pada masa hadapan. Dari segi kaedah, strategi ini memang kerajaan akan pastikan bahawa semua pekerja, semua rakyat mempunyai *disposable income* yang lebih, bukan sahaja kakitangan kerajaan, tetapi saya juga ingin menyatakan bahawa kakitangan kerajaan banyak tergolong dalam mereka yang berpendapatan

rendah dan kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti memberi bonus dan COLA untuk membantu mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yaacob]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung sebelah petang? Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tgh, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila sambung jawapan.

2.31 ptg.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mencadangkan supaya kebenaran syarikat perintis *broad forward losses*, dengan izin, hendaklah dihadkan kepada syarikat tempatan sahaja dan tidak termasuk MNC kerana bertentangan dengan perkembangan industri tempatan. Saya bersetuju dengan hasrat Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan pentingnya kita memberi sokongan, memberi galakan kepada syarikat-syarikat tempatan. Walau bagaimanapun, layanan cukai yang tidak saksama akan menjejaskan usaha Malaysia untuk menarik pelaburan asing.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga mencadangkan supaya cukai pendapatan petroleum dinaikkan daripada 38% kepada 50% untuk mendapatkan tambahan hasil bagi menaja projek penyelidikan sumber tenaga alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mencadangkan untuk menaikkan kadar cukai ini kerana peningkatan kadar cukai akan menjejaskan daya saing negara untuk menggalakkan pelabur baru dan pelabur yang sedia ada untuk melabur dalam aktiviti pelaburan petroleum hulu. Tambahan pula, aktiviti petroleum hulu melibatkan jumlah pelaburan yang lebih tinggi bagi membangunkan medan minyak marginal. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai maklumat untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif, kerajaan telah dan akan menyediakan insentif cukai yang khusus seperti galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan dan pengecualian cukai tidak langsung ke atas peralatan berkaitan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah mencadangkan supaya cukai jalan bagi kenderaan bermotor diseragamkan mengikut kapasiti enjin. Cadangan supaya cukai jalan kenderaan bermotor diseragamkan mengikut kriteria kapasiti enjin, pada prinsipnya adalah satu cadangan yang baik. Tetapi pada masa ini sukar sedikit untuk dilaksanakan memandangkan perbezaan kadar itu mempunyai rasional sendiri. Misalnya kenderaan menggunakan *green engine diesel* diberi pengurangan 50% kerana ia kurang mencemarkan alam sekitar berbanding dengan kenderaan diesel biasa. Kadar di Sabah dan Sarawak berbeza mengikut perjanjian semasa negeri-negeri tersebut menyertai Malaysia.

Yang Berhormat bagi Ledang mencadangkan supaya kerajaan memberi insentif untuk penyelidikan dan pembangunan R&D dan latihan kepada Proton dalam usaha membantu industri automobil nasional berkembang maju dan lebih berdaya saing. Perkara ini telah pun dimasukkan dalam rangka dasar automatif yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut mencadangkan supaya pengecualian cukai diberikan kepada syarikat besar yang menaja sukan. Pada masa ini potongan bagi maksud cukai pendapatan telah pun disediakan di atas perbelanjaan keraian seperti bayaran tambang perbelanjaan, penginapan dan makanan kepada olahragawan yang terlibat dalam upacara kesukanan yang dibuka kepada orang awam. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam membangkitkan pelepasan yang diberikan kepada anak kurang upaya sebanyak RM5,000 yang menuntut di peringkat pengajian tinggi adalah tidak mencukupi. Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya pelepasan cukai kepada semua keluarga yang mempunyai seorang ahli yang kurang upaya dinaikkan kepada RM10,000.

Untuk makluman, pembayar cukai diberi pelepasan sebanyak RM5,000 untuk setiap anak kurang upaya. Pelepasan tambahan sebanyak RM4,000 diberi dalam Bajet 2006 kepada setiap orang anak kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf. Oleh itu, ibu bapa layak mendapat pelepasan cukai sebanyak RM9,000 bagi setiap anak kurang upaya. Kadar pelepasan cukai ini akan sentiasa dikaji mengikut keperluan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat bagi Temerloh mencadangkan supaya cukai ke atas barangan pengguna dikurangkan. Pada masa ini, barangan pengguna yang asasi tidak dikenakan cukai atas keprihatinan kerajaan untuk menjaga kepentingan pengguna. Yang

Berhormat bagi Ledang mencadangkan supaya kerajaan menyediakan insentif cukai kepada syarikat yang terlibat dalam industri kitar semula bagi memajukan industri berkenaan untuk menjaga alam sekitar. Pada masa ini, syarikat pengilangan yang menjalankan aktiviti kitar semula yang mempunyai nilai ditambah dan berteknologi tinggi layak mendapat galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Perbelanjaan modal ke atas mesin dan peralatan bagi aktiviti kitar semula layak mendapat elaun modal dipercepatkan. Mesin dan peralatan yang digunakan dalam aktiviti tersebut pula layak mendapat pengecualian duti import dan duti jualan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mencadangkan supaya diadakan satu dasar subsidi bagi memastikan ia hanya diperolehi oleh golongan yang benar-benar layak. Kerajaan sememangnya telah menetapkan dasar supaya subsidi yang disediakan hanya dinikmati oleh golongan yang layak sahaja. Walau bagaimanapun, di peringkat pelaksanaan, terdapat pihak yang telah mengambil kesempatan menyalahgunakan kemudahan subsidi untuk mengaut keuntungan. Antara penyalahgunaan adalah menyeludup diesel ke luar negara dan menjual diesel bersubsidi kepada pihak yang tidak layak. Bagi membendung penyalahgunaan subsidi, pelbagai langkah telah dan akan diambil termasuk menyediakan garis panduan pemberian subsidi yang telus dan mempergiatkan tindakan penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mendakwa penduduk yang telah dipindahkan dari tapak projek Bakun ke Batang Ayi tiada kemudahan bekalan elektrik sedangkan projek yang dijanakan tenaga sebanyak 2,400 megawatt akan dihantar ke Sabah dan Brunei.

Penduduk yang terlibat dengan pembinaan projek Bakun telah dipindahkan ke penempatan baru di pusat penempatan Sungai Asap dan bukannya di Batang Ayi. Penempatan baru ini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik yang dibekalkan oleh Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak. Di samping itu ia juga dilengkapi dengan kemudahan kedai, pejabat, sekolah, kali serta kemudahan lain. Mengenai saranan supaya projek Bakun disiapkan segera, saya ingin memaklumkan bahawa pembinaan projek Bakun sedang berjalan giat dan dijangka akan siap dan mula beroperasi pada tahun 2009.

Yang Berhormat bagi Beluran bertanya status aset Danaharta berjumlah RM6.3 bilion yang akan diselesaikan dan ke mana arah penyelesaiannya. Setakat akhir bulan Ogos, tahun ini Danaharta telah mengutip sebanyak RM30 bilion yang merupakan

pemulihan pinjaman tidak berbayar. Daripada jumlah RM30 bilion pemulihan yang telah diterima, RM26 bilion adalah dalam bentuk tunai dan baki RM4 bilion dalam aset tunai.

Wang tunai yang telah dikutip setakat ini telah digunakan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman dan bon-bon Danaharta. Baki wang tunai dan aset bukan tunai Danaharta akan disalurkan kepada kerajaan pada akhir tahun ini. Pengumuman berhubung perkara ini akan dibuat dalam jangka masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peruntukan untuk bayaran pencen berjumlah RM5.5 bilion setahun adalah besar, Yang Berhormat bagi Santubong telah menyarankan supaya kerajaan menukar secara berperingkat-peringkat sistem pencen kepada sistem lain seperti insurans, *gratuity* dan wang simpanan pekerja, pemberian faedah persaraan termasuk ganjaran dan pencen kepada pesara sektor awam merupakan satu jaminan kerajaan dalam menjaga kebajikan pesara. Cadangan Yang Berhormat bagi Santubong akan dikaji dengan teliti agar tidak menjejaskan kebajikan pesara dan penerima pencen semasa hari tua mereka dan pada masa yang sama tidak menjejaskan kedudukan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ingin mengetahui impak terhadap pengurangan hasil kerajaan daripada pemberian *group relief* dan mempersoalkan kenapa sumbangan Khazanah tidak dinyatakan di dalam hasil. Mengenai pengurangan hasil daripada pemberian *group relief* kepada syarikat-syarikat ia dianggarkan berjumlah RM800 juta. Berhubung dengan sumbangan Khazanah yang tidak dicatat secara berasingan pula, Kementerian Kewangan akan mewujudkan kod hasil berasingan tersebut bagi mencatatkan sumbangan ini di masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat berpandangan dasar polisi sedia berhubung dengan Perbankan Islam tidak membantu perkembangan industri perbankan ini. Kerajaan telah membangunkan satu kerangka pengawalseliaan yang komprehensif bagi sistem perbankan dan kewangan Islam. Contohnya penggubalan Akta khusus yang menjadi dasar perundangan sistem ini iaitu Akta Bank Islam Tahun 1983, Akta Takaful Tahun 1984 dan Akta Penandaan Kerajaan Tahun 1983.

Kerajaan telah merangka satu pelan induk 10 tahun bagi sektor perbankan Islam dan takaful yang melakarkan hala tuju sektor ini sehingga tahun 2010 dan merangkumi beberapa dasar yang bertujuan menjadikan sektor perbankan Islam – Takaful Malaysia sebagai sebuah pusat perbankan dan kewangan Islam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ya, silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kita dapat tahu bahawa yang *control* Bank Negara adalah Kementerian Kewangan. Kita dapat banyak rungutan umpamanya daripada SMI – peniaga-peniaga orang Melayu yang mana didapati bahawa didiskriminasikan oleh bank-bank ini. Malah ada satu kes yang mana satu SMI memohon tambahan pinjaman dan yang sudah diluluskan oleh CGC, CGC ini yang ditubuhkan oleh Bank Negara tetapi Malayan Banking tolak dan akhir sekali CGC pula mengikut Malayan Banking pula apa yang Malayan Banking tolak kes ini, CGC pula boleh mengikut.

Yang saya pelik, CGC ini ditubuhkan oleh Bank Negara dan Bank Negara ini mengawal bank. Hari ini kita pula mengikut pula kehendak bank. Sepatutnya bank macam Malayan Banking pun dia kena menghormati CGC kerana CGC adalah yang ditubuhkan oleh Bank Negara. Apabila kita sudah meluluskan, CGC sudah *guarantee* pinjaman itu, sepatutnya Malayan Banking tidak boleh tolak lagi dan harus menghormati. Tetapi dalam kes yang ada di tangan saya ini di mana syarikat SMI ini sudah dapat tambahan pinjaman yang di *guarantee* oleh CGC, CGC sudah lulus tetapi Malayan Banking yang bank SMI ini menolak kes ini, dia tidak mahu membuat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini yang minta supaya Yang Berhormat Tan Sri melihat keadaan ini.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, kita juga dengar tentang beberapa kes seperti ini. Saya setuju kalau CGC telah memberi kelulusan, bank yang terlibat tidak seharusnya menolak sebab CGC ini memberi jaminan. Kalau jaminan telah pun diberi oleh CGC, risiko yang diambil oleh bank memang tidak timbul langsung. Saya harap Yang Berhormat dapat beri kes itu kepada saya dan saya janji akan menyiasat. Untuk mengatasi masalah seperti ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mewujudkan SME Bank yang akan memainkan peranan yang penting dan mengambil beberapa langkah yang tidak dapat dimainkan oleh bank-bank biasa untuk memastikan bahawa SMI dan

khasnya SMI yang dimiliki oleh bumiputera dapat layanan yang munasabah. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri memperjelaskan tentang isu perbankan Islam di mana harapan Yang Berhormat supaya perbankan Islam dalam negara kita ini menjadi contoh. Kalau boleh menjadi suatu *role model* bagi sistem perbankan Islam.

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan suatu kenyataan pihak pengurusan Bank Islam bahawa Bank Islam kerugian hampir RM700 juta di dalam pelaburan *offshore* nya. Saya ingin mendapat penjelasan dan maklumat yang lebih lanjut, adakah ini disebabkan oleh gagalnya pengurusan Bank Islam ini untuk memastikan tempat ataupun destinasi yang subur untuk pelaburan dengan kita kehilangan begitu besar wang sebanyak RM700 juta dan adakah ini di luar pengawasan daripada pihak Bank Negara dan di luar pengawasan juga daripada pihak khidmat nasihat daripada Kementerian Kewangan. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perbankan Islam memang Malaysia mempunyai satu kelebihan, memang mempunyai satu *niche* untuk memajukan sektor ini, sebab kita telah mula mewujudkan, menubuhkan perbankan Islam sejak tahun 1983, dan pada masa itu tidak ada negara lain yang berani, yang sanggup melibatkan diri dalam perbankan Islam sebab pada masa itu perbankan Islam dilihat sebagai satu produk yang eksotik dan tidak ada negara termasuk negara Islam yang berani mengambil risiko untuk mencuba dengan sistem perbankan yang baru dan mereka dengan izin, *were very scared of upsetting the apple cart*.

Tapi seperti biasa Malaysia berani dan kita telah mengambil langkah sejak tahun 1983 untuk mewujudkan satu sistem yang berlainan, satu sistem yang tidak melibatkan riba, dan satu sistem yang mempunyai *philosophy*, falsafah yang lain dan etika yang lain, dan moral yang lain. Kita telah berbuat demikian dalam satu rangka yang sistematik, dan kita telah mengambil beberapa langkah, satu langkah demi satu langkah dan pada masa ini alhamdulillah kita merupakan negara unik dalam OIC yang mempunyai 57 negara.

Negara-negara OIC sebenarnya boleh dibahagikan kepada empat kategori. Pertamanya yang tidak ada perbankan Islam langsung, itu satu. Yang kedua yang ada perbankan Islam tapi perbankan Islam itu secara *rudimentary* dan hanya mempunyai perbankan Islam mungkin Sudan dengan Iran dan kebanyakan negara Islam mempunyai perbankan Islam yang perbankan itu hanya di pinggir sistem kewangan, bukan di dalam sistem kewangan dan bank-bank diwujudkan hanya sebagai satu tanda atau satu langkah untuk memberi peluang kepada orang Islam berurusan dengan bank, tapi bank itu hanya diletak di pinggir dan tidak mempunyai infrastruktur yang lengkap.

Hanya Malaysia di dalam 57 negara-negara Islam yang mempunyai dwi sistem, iaitu kita mempunyai sistem perbankan Islam yang lengkap, yang canggih, yang *viable* dan pada masa yang sama kita mempunyai sistem konvensional yang juga lengkap canggih dan mempunyai *network* yang agak lengkap. So, kita memang telah mencapai begitu banyak kejayaan dan kita harus tidak *complacent* dan kita harus ikhtiar pada setiap masa untuk memperkembangkan sistem perbankan Islam.

Baru-baru ini kita telah mendengar, telah dimaklumkan bahawa Singapura pun ingin memulakan sistem perbankan Islam dan kita harus bekerja dengan lebih kuat lagi. Dalam kita berbuat demikian, kenyataan tentang Bank Islam Malaysia mengalami kerugian memang satu perkara yang menghampakan kita. Kita setuju bahawa Bank Islam ini dikawal selia oleh Bank Negara, dan perkara ini harus diaudit patut mengetahui lebih awal lagi.

Walau bagaimanapun, perkara yang timbul berhubung dengan pihak Bank Islam tidak langsung melibatkan konsep perbankan Islam, tetapi hanya melibatkan beberapa pegawai yang mungkin telah menjalankan tugas-tugas dengan *negligence* dan kita telah memberitahu *authority* yang terlibat bahawa perkara ini harus diberi perhatian yang serius dan tindakan jika perlu, harus diambil terhadap sesiapa juga yang terlibat dalam kerugian yang agak besar ini, dan pada masa yang sama kerajaan akan membantu Bank Islam setakat yang boleh untuk mendapat modal yang lebih dan kita dimaklumkan bahawa kerugian ini adalah akibat memberi pinjaman kepada pihak yang tidak semestinya diberi pinjaman.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua, satu mengenai Bank Islam terutamanya baru-baru ini dikatakan bahawa selepas ia mengalami kerugian teruk, ini satu perkara yang sedihlah tapi macam mana ada beberapa surat khabar-surat khabar dan *The Business Journal*, bahawa ia akan

diambil alih *there could be a reverse take over or take over* oleh syarikat macam *Malayan Banking*. Adakah ini benar, kalau benar adakah kerajaan menggalakkan perkara ini?

Yang kedua adalah mengenai dialog sebelum petang ini, dialog dengan MTUC yang mengatakan bahawa tidak ada apa-apa *benefit* yang tertentu yang diberi oleh Bajet 2006 ini kepada pekerja-pekerja swasta walhal ada beberapa insentif-insentif bonus dan sebagainya yang diberi kepada kakitangan awam. Kita ada lebih kurang 9 juta lebih di *private sector* tetapi tidak ada yang khusus. Saya tahu Yang Berhormat Menteri mengatakan, *disposable income but the true fact, there isn't the real purchase value of money has gone down over the months over the years*, lebih-lebih lagi dalam tujuh bulan dahulu kenaikan harga petrol, kenaikan harga diesel yang semua dibebankan kepada pihak-pihak pekerja awam.

Jadi apakah insentif-insentif dan kenapakah kerajaan gagal memberi suntikan atau memberi insentif kepada pihak-pihak dari swasta, macam COLA kenapa ini tidak dibuat?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Bank Islam memang tidak ada cadangan untuk Maybank mengambil alih Bank Islam Malaysia dan memang perkara ini tidak harus diberi pertimbangan sebab Maybank kini adalah sebuah bank konvensional dan Bank Islam adalah sebuah bank Islam yang berasaskan kepada akta lain, dan cara urusan Bank Islam lain berbanding dengan cara urusan Maybank. Jadi isu Maybank mengambil alih Bank Islam tidak wujud.

Berhubung dengan pihak swasta, kakitangan di pihak swasta tidak diberi galakan, tidak diberi ganjaran ataupun *income* yang lebih dalam bajet ini, adalah tidak benar. Seperti yang saya katakan tadi banyak langkah yang telah diambil oleh kerajaan memberi faedah kepada rakyat pada keseluruhannya dan pekerja di swasta juga pada masa yang sama merupakan rakyat yang mendapat keuntungan dari langkah-langkah kerajaan, misalannya dalam bajet ini kita membenarkan cukai pelepasan kepada isteri dan suami bila mereka menjual rumah. Ini satu isu yang mungkin tidak dilihat sebagai satu isu yang serius, tapi ini menunjukkan falsafah kerajaan yang sentiasa memberi sokongan kepada kakitangan dan khasnya kerajaan yang bukan *gender bias*. Pada masa dahulu kalau dalam satu keluarga kalau isteri mempunyai sebuah rumah dan isteri menjual rumah, isteri itu tidak layak mendapat pengecualian cukai, itu satu.

Yang kedua, dalam satu keluarga hanya sekali seorang dapat pilihan itu pun suami dapat pilihan dalam satu tempoh. Tapi dalam bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membuat sedikit perubahan, di mana kalau rumah itu dimiliki oleh isteri dan isteri memang layak untuk jual rumah dan dapat pengecualian cukai dan suami pun boleh berbuat demikian. Ini juga memberi satu kelebihan kepada rakyat dan rakyat itu memang juga termasuk pekerja-pekerja dan semasa kerajaan mengumumkan bahawa tidak akan menaikkan harga diesel, petrol dan seumpamanya. Ini juga memberi satu kelebihan kepada rakyat termasuk rakyat yang bekerja di sektor swasta.

Kerajaan telah memberi sedikit penumpuan yang lebih kepada kakitangan kerajaan sebab kakitangan kerajaan memang mempunyai tanggungjawab khusus sebagai majikan kepada kakitangan kerajaan, itu pertama. Yang kedua, kita semua tahu bahawa kakitangan kerajaan kebanyakan adalah mereka tergolong dalam mereka yang berpendapatan rendah banyak gaji tidak sampai RM1,000. Oleh yang demikian harus adalah wajib adalah penting bagi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah kualiti hidup mereka sentiasa terkawal.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan mengenai tentang Yayasan Amanah Hartanah yang tertera yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari. Bagaimanakah bentuk struktur yaysan ini, siapa yang akan mengetuainya dan adakah ia akan ikut model seperti yaysan pelaburan bumiputera di mana dia ada tiga struktur. Ada *management holding company*, PNB kemudian ada syarikat pengurusan saham amanah iaitu Amanah Saham Malaysia Berhad. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, saya ingin memaklumkan bahawa model yaysan ini lebih kurang sama dengan model Yayasan Pelaburan Bumiputera di mana di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera sekarang ada dua institusi iaitu PNB dengan

PUNB. Kita akan menubuhkan Yayasan Hartanah Bumiputera dan di bawah yayasan ini akan diwujudkan sebuah syarikat *management* yang akan menguruskan perniagaan berhubung dengan yayasan ini.

Saya juga ingin menegaskan bahawa tujuan Yayasan ini ditubuhkan ialah kita selalu berbincang tentang ekuiti bumiputera dan kita telah pun dimaklumkan bahawa ekuiti bumiputera ini setakat 20% kurang daripada 20%. Tetapi kita juga sedar bahawa selain dari ekuiti harta seseorang sebuah kelompok, sebuah kerajaan, sebuah negara termasuk juga selain dari ekuiti hartanah dan *fixed deposit*. Oleh kerana *fixed deposit* dan hartanah ini merupakan *old well* ataupun kekayaan lama ekuiti bumiputera mungkin tidak banyak dan banyak di bandar-bandar kita tahu bahawa bila bandar-bandar baru di wujud dan kedai-kedai dibuka, susah untuk Bumiputera mendapat tempat dan mampu membeli kedai-kedai di banyak bandar-bandar baru dan juga dalam bandar-bandar utama, tempat-tempat untuk perniagaan Bumiputera nampaknya susah, rumit untuk diperolehi. Kerajaan berpendapat bahawa melalui Yayasan Hartanah ini masalah-masalah ini dapat dikurangkan dan hartanah sebagai satu aset dapat memainkan peranan penting dalam isu harta bumiputera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua ada lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan apa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini berkenaan dengan Bank Islam tadi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah lepas.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Belum lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ha cepatlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada ini Tuan Yang di-Pertua saya ada dua benda yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Satu berkenaan dengan Bank Islam tadi. Kita tahu bahawa Bank Islam mengalami kerugian disebabkan oleh MPL. Apabila krisis ekonomi negara kita dahulu banyak bank kita kena macam itu dan kerajaan menubuhkan Dana Harta untuk ambil MPL ini. Mengapa tidak sistem yang sama kita gunakan kepada Bank Islam dan Bank Islam ini yang punya ini PNB yang

punya Tabung Haji kalau kita tidak dapat selamatkan ini sekurang-kurangnya kita bantu PNB kita bantu Tabung Haji, Menteri pun dia senang hati juga.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya berkenaan dengan GLC. Apakah sikap kerajaan berkenaan dengan GLC yang pada hari ini kita lihat akhir-akhir ini banyak bersaing dengan peniaga-peniaga orang Melayu. Contohnya Kulim ini tentang *Chicken War* ini. Kulim GLC dan *Kentucky* ataupun QSR orang Melayu sudah jadi *director* mengapa Kulim yang *plantation base* GLC ini hendak dikacau tentang chicken ini walhal kita sudah ada Lembaga Pengarah dia orang Melayu, pengerusi dia orang Melayu yang Kulim pula hendak masuk GLC ini, engkau buatlah kerja ladang. Hari ini kita hendak buat biodiesel kau masuklah dalam bio diesel dalam bidang itu mengapa hendak kacau lagi, apa Yang Berhormat bagi Arau tidak layak ke hendak jadi Lembaga Pengarah ini *chicken* ini, boleh Yang Berhormat bagi Arau? Apa pandangan Tan Sri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Bank Islam pada masa Dana Harta ditubuhkan Bank Islam diberi pilihan untuk menjual aset kepada Dana Harta tetapi Bank Islam pilih untuk tidak menjual kepada dana harta. Berhubung dengan Kulim, masalahnya Kulim tidak dianggap sebagai GLC sebab GLC pada definisi yang ada sekarang adalah syarikat-syarikat yang dimiliki atau di *control* oleh PNB, Khazanah, EPF, LTAT di antara syarikat-syarikat besar yang *control*. Tetapi syarikat-syarikat yang dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan negeri tidak dianggap sebagai GLC dan oleh yang demikian kita tidak mempunyai dengan izin *degree of freedom* untuk memberi arahan ataupun nasihat kepada Kulim sebab dia itu bukan GLC.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi ya.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapatkan penjelasan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Kulim itu bukan didefinisikan sebagai GLC tetapi kalau kita lihat 60% daripada *share* Kulim itu daripada Kerajaan Negeri Johor, Johor Corporation. Bukankah itu kepunyaan kerajaan juga jadi mengapa tidak didefinisikan sebagai GLC?

Yang pertama saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah *neutral* ataupun ketegasan badan pengawal iaitu Suruhanjaya Sekuriti. Kalau kita lihat

di dalam kes *take over* QSR Brand Berhad itu terdapat perkara-perkara yang telah melanggar peraturan contohnya misal kata kita lihat bahawa walaupun misal kakitangan pegangan Kulim Berhad belum lagi melepasi 50% tetapi telah pada tanggal 20 dan 25 September telah membuang kesebelas Ahli Lembaga Pengarah di dalam QSR Brand Berhad termasuk sahabat saya daripada Arau. Saya melihat ini telah melanggar yang ditetapkan bagaimana ketegasan Kementerian Kewangan dalam hal ini.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua kita tidak mendefinisikan Kulim sebagai syarikat GLC sebab kita tidak mendefinisikan syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri. Soalan timbul mungkin timbul tentang rasional tidak memasukkan syarikat-syarikat yang dipunyai yang dimiliki majoritinya oleh kerajaan-kerajaan negeri sebagai GLC. Ini adalah isu berhubung dengan *constitution* juga sebab kita ini *federal state* dan Kerajaan Pusat tidak dari segi perlembagaan mempunyai kuasa untuk mengambil peranan yang mengambil *control* syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri yang jadi pemilik terbesar dalam sebuah syarikat, syarikat itu tidak boleh dari segi perlembagaan dianggap sebagai GLC. Tetapi satu hari nanti mungkin akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk meluaskan skop dan definisi GLC, itu yang pertama.

Kedua, berhubung dengan *Securities Commission* setahu saya pada setiap masa mengambil peranan yang objektif dan *transparent* dalam semua hal dan dalam kes Kulim sendiri beberapa keputusan yang telah dibuat oleh *Securities Commission* telah tidak dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang terlibat - mungkin tiga pihak yang terlibat tidak bersetuju dengan sekuriti komisen dan ada percubaan untuk mengemukakan perkara ini kepada mahkamah dan syarikat, dan *Securities Commission* sanggup pergi ke mahkamah dan memberi affidavit yang berkenaan kepada mahkamah untuk menyokong tindakan-tindakan yang telah diambil oleh *Securities Commission*. Tetapi saya memberi jaminan bahawa *Securities Commission* pada setiap masa tidak berat sebelah dan mengambil pendirian yang objektif dan *transparent* dalam isu ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat cukuplah...

Tuan M. Kula Segaran: Perkara yang saya bangkit tidak langsung dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dua itu sahajalah, berapa kali sudah?

Tuan M. Kula Segaran: *No, no* bukan setakat berapa kali saya diberi peluang
Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau penjelasan.....

Tuan M. Kula Segaran: Bukan penjelasan, mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan mesti dibuat,.....

Tuan M. Kula Segaran: Bukan penjelasan kalau mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Mesti dibuat ekoran daripada ucapan

Tuan M. Kula Segaran: *No*, semasa saya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kula Segaran: Saya sudah buat ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai *participation of the Indian* dalam ekuiti itu, apakah insentif-insentif, skim-skim yang tertentu untuk meningkatkan penglibatan masyarakat termiskin yang terpinggir dan *short selling* dalam bursa saham adakah akan dibenarkan, perkara yang dibangkitkan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Mungkin saya *last* bolehlah...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jawab? Boleh jawab?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Bolehlah bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik sila.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Berhubung dengan ekuiti-ekuiti kaum India, perkara ini akan diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Dato' Mustapa sendiri ada di sini dan memang perkara akan diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebab ini isu yang lebih penting dan memang Rancangan Malaysia Kesembilan adalah medan, adalah yang lebih sesuai untuk perkara ini.

Berhubung dengan *short selling*, kerajaan tidak bercadang untuk meluluskan *short selling* di Bursa Saham Malaysia. Ada banyak pendapat, ada pendapat yang mengatakan bahawa bagi sesuatu, pasaran modal (*capital market*) untuk berkembang kita harus memastikan bahawa *liquidity* yang ada mencukupi. Untuk memastikan *liquidity* yang mencukupi, *short selling* adalah satu kaedah yang harus kita laksanakan. Tetapi pada masa ini kerajaan mengambil pendirian bahawa sungguhpun di dalam sesebuah pasaran modal yang sofistikated yang *mempunyai debt* yang mendalam, *short*

selling mungkin boleh diwujudkan, boleh digalakkan tetapi di Malaysia sebab kita ini masih merupakan sebuah *market* yang *developing* kita tidak sebegitu matang, *debt* kita tidak begitu besar dan bilangan dan jumlah instrumen yang ada tidak begitu banyak kita tidak berani - memang tidak berani untuk meluluskan *short selling*.

Sebab kalau kita meluluskan *short selling* pada satu hari mungkin terjadi suatu keadaan di mana *manipulator stock market* dari luar negara datang dan menjual dengan begitu besar syer Maybank ataupun syer tenaga ataupun ataupun syer Telekom dan dengan serta-merta *stock market* kita akan mengalami kerugian yang besar dan oleh kerana risiko ini memang risiko tinggi pada masa ini kita membuat keputusan bahawa belum tiba masanya untuk meluluskan *short selling* di Bursa Saham Malaysia, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Maaf oleh kerana kita lewat, kita pergi ke penghormatan terakhir ibu Yang Berhormat Menteri Perumahan yang meninggal dunia tetapi *traffic jam* nampaknya sangat teruk, ini membayangkan satu masalah infrastruktur *break down*. Bagaimana pergi datang pun nyaris hilang peluang untuk meminta penjelasan oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada beberapa perkara yang kita di sini ada bangkit yang tidak dijawab.

Selain daripada itu, Yang Berhormat tadi ada menerangkan mengenai bajet ini bukan saya ada tanya sama ada dia sedar bahawa kepada pekerja-pekerja mereka menganggap bajet ini bukan satu bajet yang bersimpati dengan masalah mereka dan khasnya tidak ada inisiatif-inisiatif baru untuk membantu orang yang miskin, golongan-golongan yang termiskin. Apa Yang Berhormat Menteri tadi sebut ialah pada keseluruhannya yang melibatkan semua sektor dalam penduduk-penduduk. Kenapa tidak ada inisiatif yang spesifik untuk membantu pekerja-pekerja, untuk membantu mereka yang miskin supaya dalam masa ekonomi yang genting ini, mereka boleh dapat dibantukan tetapi kita tidak lihat dalam bajet ini.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua ini kali yang ketiga saya jawab soalan yang sama, tetapi jawapan saya sama bahawa dalam merangka satu bajet, kerajaan mempunyai beberapa kaedah dan juga kerajaan mempunyai sumber yang terhad dan dengan sumber yang terhad kerajaan terpaksa memilih kaedah yang optimum, kaedah yang paling sesuai untuk menjana ekonomi. Kerajaan misalannya membelanjakan RM25 bilion tiap-tiap tahun dari segi subsidi, dari segi cukai yang

hilang, cukai yang tidak dikutip dan Tuan Yang di-Pertua, RM20 billion ini adalah jumlah yang terbanyak dalam bajet kita.

Dahulu kita pernah kata bahawa *education* adalah jumlah yang terbanyak kita belanjakan tetapi pada masa ini jumlah subsidi adalah satu jumlah yang terbesar dalam bajet kita. Jumlah subsidi ini, kebanyakan dari jumlah ini adalah untuk orang-orang miskin. Kita memberi subsidi yang begitu banyak untuk memastikan bahawa kualiti hidup orang-orang miskin adalah disokong, adalah memastikan bahawa tidak merosot dan tiap-tiap tahun kerajaan memberi peruntukan kepada Kementerian Kebajikan untuk memberi bantuan kepada golongan miskin, golongan daif, ibu tunggal dan pada kali ini Tuan Yang di-Pertua, kadar untuk golongan ini, ibu tunggal dan kaum miskin telah ditingkatkan dari RM135 kepada RM200 antara lain, ada banyak lagi. Jadi banyak *proposal*, banyak cadangan dalam bajet ini adalah ditumpukan kepada kaum miskin dan bila kita membuat sesuatu untuk memastikan bahawa kita menyediakan satu persekitaran yang dapat menjana ekonomi dan memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat.

Itu juga secara tidak langsung untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk menanam modal yang lebih sebab kita memberi pengecualian cukai dan dengan menanam modal yang lebih mereka dapat memberi pekerjaan yang lebih dan bila ada pekerjaan yang lebih yang akan mendapat faedah adalah golongan miskin dan golongan yang berpendapatan rendah. Pada keseluruhannya sungguhpun tidak ada satu *measure* yang memberi peruntukan khas untuk pekerja-pekerja, pada keseluruhannya bajet ini adalah satu bajet yang dirangka sebegitu dalam begitu bentuk dan rupa untuk memberi faedah kepada golongan yang berpendapatan rendah, golongan miskin dan golongan daif.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sahaja hendak tanya Yang Berhormat Menteri saya terlewat sedikit pasal ada urusan. Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak dalam ucapan saya, saya ada mengatakan bahawa perbelanjaan kita mengadakan *conference*, seminar-seminar

peringkat antarabangsa, peringkat dalam negeri nampaknya kos begitu meningkat, walaupun....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini adakah kaitan dengan jawapan Yang Berhormat kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada, ada, sebab dia ada ucapan sama dengan itu Tuan Yang di-Pertua, merangkumi, merangkumi.....

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan ini mesti berkait dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak semua orang hendak tanya, memang banyaklah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, sebab tentang itulah Tuan Yang di-Pertua yang saya tanya dalam ucapan saya dahulu... saya perasan ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau Tan Sri ada perasan Jerai itu depa terlupa kot! Jadi saya hendak tahu yang itu Tan Sri, perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk seminar, conference saya lihat kadang-kadang agak lari sedikit. Jadi walaupun kita berkehendakkan pengiktirafan antarabangsa, negara lain melihat kita apabila kita organise seminar conference begitu baik dan teratur dan tersusun tetapi dari segi faktor perbelanjaan yang agak berlebihan Tan Sri, apakah kerajaan akan mengkaji balik supaya seminar-seminar yang tertentu kerana kalau kita lihat di negara-negara asing, dia very simple conference tetapi conference itu kadang-kadang mencapai matlamat yang hendak dijalankan. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dan lihat belanja pengurusan ini selalunya berlebihan daripada belanja pembangunan jadi apakah kita tidak boleh mempertingkatkan skim pembangunan dan mengurangkan pengurusan serta pengurusan gaji dan sebagainya tetapi perbelanjaan yang agak membazir Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita cut sedikit dan peruntukan ini boleh kita laburkan untuk orang-orang miskin di luar bandar terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah saya jawab tadi sebelum Yang Berhormat masuk. Isu yang pertama tentang seminar-seminar dan conference yang diuruskan oleh negara kita, kadang-kadang ada masa dan ada kala kita menguruskan conference dengan begitu rupa untuk menarik pelancong kemudian hari.

Kita menguruskan, kita memberi layanan yang begitu baik, supaya mereka dapat balik ke negara asal dan memberitahu pihak-pihak yang terlibat dan kemudian hari kita dapat pelancongan yang lebih. Walau bagaimanapun, saya mengakui bahawa teguran Yang Berhormat itu memang logik dan memang harus diberi perhatian dan kadang-kadang kita juga berbelanja lebih dari yang sepatutnya. Dalam bajet-bajet yang akan datang dan dalam tahun-tahun akan datang dan dalam ada yang kes sebenarnya kita akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kita tidak membazir dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengikut kepada jawapan Yang Berhormat Menteri, nampaknya beliau kurang menekankan masalah utama dalam bajet kita iaitu untuk mempertingkatkan persaingan supaya kita boleh lebih tumbuh dan berkembang dan lebih pesat, oleh kerana bila berbanding dengan negara-negara yang lain, tengok world economic outlook IMF meramalkan bahawa untuk negeri India dan China, Vietnam akan pertumbuhan mereka ialah 8.2 peratus, 6.3 peratus, 7.0 peratus, walhal kita 5.5 peratus tetapi ini pun tidak tahu sama ada boleh atau tidak boleh mencapai oleh kerana nampaknya bajet sudah gagal untuk menangani isu-isu pokok bagaimana hilang competitiveness dan bukannya satu antara lain sebab utama yang menyebabkan kehilangan competitiveness ialah corruption dan kenapa dalam ucapan bajet langsung tidak ada sebut mengenai masalah rasuah bagaimana betapa pentingnya untuk membasmi rasuah serta mengenai red-tape dalam jabatan kerajaan. Kita boleh tengok di tempat yang lainlah di parlimen ini, toilet tidak boleh maintain itu bukan parlimen sahaja, maintenance sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada kata, masalah budaya maintenance nampaknya collapse di negara kita. Adakah semua ini nampaknya ada satu reformasi mengenai delivery system. Kita ada dengar banyak kali, delivery system tetapi semua ini didengar sahaja tetapi tidak dilihat. Bukankah ini bajet nampaknya something missing dalam bajet ini.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang benar negara China, negara India, mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih sedikit, itu memang benar tetapi mereka ini baru mula menjana ekonomi dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an, mereka ini kurang berkembang dan kadar pertumbuhan pada dekad-dekad dahulu tidak begitu munasabah dan sekarang mereka mula pada base yang begitu sempit adalah lebih senang untuk menjana ekonomi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia tidak mengambil mudah tentang perkara-perkara ini dan kita telah merangka

beberapa langkah untuk memastikan bahawa Malaysia juga dapat memperoleh keuntungan dari segi perkembangan China dan India dan begitu banyak program telah diatur dengan negeri-negeri India dan China untuk Malaysia mendapat hasil daripada perkembangan negara tersebut. Di India misalan banyak highway dibina oleh syarikat-syarikat Malaysia dan di China juga banyak investment telah dilakukan dan telah diaturkan oleh syarikat-syarikat Malaysia dan kita memang dari dahulu kita telah sebut bahawa kita gembira dengan perkembangan di China dan India sebab kita tahu bahawa kalau negara-negara ini maju kita juga akan maju. Kita akan maju misalan dari negara China, Perdana Menteri yang dahulu Tun Mahathir pernah sebut bahawa kalau tiap-tiap orang China iaitu 1.2 bilion orang Cina, kalau tiap-tiap orang Cina dan tiap-tiap hari minum dan menggunakan palm oil satu spoon lebih kita Malaysia tidak payah buat kerja lain, kita hidup mewah. *[Ketawa]*

Jadi point yang saya hendak buat ialah kita memang seronok, kita memang gembira melihat Cina dan India maju sebab kita tahu dan percaya dengan konsep *prosper thy neighbour*, seperti kita tahu bahawa kalau neighbour kita maju, kita juga akan maju dari segi eksport kita dari segi tourism kita dan banyak dari segi penanaman modal kita. Kita yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa kita akan mencapai pertumbuhan ekonomi 5.5 peratus pada tahun hadapan dan kita telah mengambil langkah-langkah dan kita memang sedar bahawa ada beberapa isu terlibat dalam perkembangan dunia pada masa ini, harga petrol, kadar faedah akan naik, kadar pertumbuhan dunia mungkin lebih rendah sedikit dan competition juga makin lama makin rancak tetapi macam mana pun kita tahu sungguhpun kita kena dan terpaksa complete, jumlah kemasukan FDI memang masih elok dan masih baik, jumlah kemasukan bersih FDI ke negara kita telah meningkat dengan ketara daripada RM2.1 bilion pada tahun 2001 kepada RM12.2 bilion pada tahun 2002, RM17.6 bilion pada tahun 2004 dan terkini sebanyak RM8 bilion bagi tempoh 6 bulan pertama 2005.

Jadi dunia dan peniaga-peniaga dunia di Amerika, di Jerman, di Jepun, di UK mempunyai keyakinan pada negara kita dan kalau mereka mempunyai keyakinan kepada negara kita, kita juga harus mempunyai keyakinan ke atas negara kita sendiri. Dalam membentukkan bajet Tuan Yang di-Pertua, kita kena mengambil satu langkah untuk menjana ekonomi. Memang ada banyak kaedah yang kita boleh gunakan untuk menjana ekonomi tetapi kerajaan kena pilih dari banyak kaedah ini satu kaedah yang pada pendapat kerajaan memberi faedah yang optimum, mungkin Yang Berhormat-

Yang Berhormat tidak bersetuju tetapi ini adalah cara pilihan tetapi kerajaan memang ikhlas dan kerajaan ikhlas dan kerajaan memang dengan bajet yang dibentangkan kerajaan antara lain, satu memang hendak menjana ekonomi dan banyak langkah-langkah telah pun diambil untuk menjana ekonomi tetapi kerajaan memang ikhlas dalam hasrat kerajaan untuk membantu golongan-golongan yang daif dan miskin, ibu tunggal dan berpendapatan rendah, itu memang secara ikhlas kerajaan ingin membantu.

Mungkin ada kaedah yang lebih baik dan kita akan harus fikir dan beri pertimbangan tapi tujuan, satu tujuan utama Bajet ialah untuk membantu mereka yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kerajaan rela untuk *go all out* untuk menyediakan syarat-syarat supaya kita lebih kompetitif dan syarat negara dan ekonomi kita lebih kompetitif khasnya dalam satu dunia IT ialah bahawa lebih terbuka dan integriti. Adakah pernah kerajaan menimbang, mengadakan satu anti *competition law* atau satu *competition law* yang anti *trust* supaya in *efficient monopoly* atau *special interest* tidak dibenarkan untuk mengendalikan kepentingan negara dan pengguna-pengguna. Adakah kerajaan pernah timbang, khasnya Kementerian Kewangan oleh kerana ini *directly* bersabit dengan sama ada negara akan kompetitif atau tidak kompetitif mengadakan satu *information law*, satu *freedom information* oleh sebab itulah *the power of the knowledge* dalam satu *knowledge base economy*. Susulan daripada itu, adakah kerajaan rela menjadi satu teladan mengenai Petronas, khasnya semua selok-belok Petronas lebih terbuka, lebih *transparent* supaya rakyat, Ahli-ahli Parlimen tahu apa yang berlaku dalam Petronas oleh sebab berbilion-bilion ringgit yang terlibat.

Bajet - perbincangan, banyak Ahli-ahli Parlimen ada sebut, saya pun ada sebut mengenai ekuiti state,. Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, ada menunjuk bukannya apa yang ditunjuk mengenai angka-angka yang diberi mengenai ekuiti state tidak begitu tepat dan sebenarnya *misleading* dan bagaimana kita boleh dapat angka-angka yang lebih betul.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan *competition and anti competitive law*, memang kerajaan sedang menimbang cara-cara untuk memastikan bahawa *profiteering* adalah satu memang untuk mengawal *profiteering* dan kalau ini memerlukan satu akta, kerajaan akan membentangkan satu akta untuk memastikan isu-isu tentang *fair price* dan anti *profiteering*.

Competitive Competition Act ini adalah satu bidang yang sangat sofistikated dan sebelum kita membuat secara keseluruhan tentang *competitive law*, kita harus sedar bahawa ada banyak lobi di luar negara dan di WTO dahulu pun ada negara-negara maju, negara-negara Barat telah mencadangkan bahawa negara-negara seperti kita mempunyai satu *competition law* di mana kita harus membuka *government procurement*, membuka *investment* supaya kuasa-kuasa lain boleh masuk ke dalam negara kita dan memainkan peranan yang lebih penting. Jadi, dalam menimbang tentang cara untuk memastikan *profiteering* dan *fair price*, saya setuju 100% bahawa kita mesti mengambil langkah untuk memastikan bahawa *profiteering* dengan *fair price*. Perkara-perkara ini adalah penting tapi dari segi nak wujudkan satu *competition law* kita harus berhati-hati sebab kalau kita tidak berhati-hati mungkin kita terperangkap dalam agenda negara-negara maju. Itu satu.

Yang kedua, sungguhpun *corruption*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: *No*, tidak. Kita akan menimbang. Yang Berhormat telah mencadangkan, itu pun setuju, ini adalah satu perkara yang penting dan kerajaan akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dalam perkara ini termasuk kalau perlu untuk mengadakan satu anti *profiteering* ataupun *fair price*, itu tidak menjadi satu isu, itu kita berpendapat sama dalam perkara ini.

Dari segi mempertahankan pendapat rakyat, kita juga akan mengambil, apakah ini juga penting sebab kalau kita mengurangkan *profiteering*, kalau kita pastikan bahawa harga tidak melambung naik, ini juga adalah satu cara untuk memastikan bahawa golongan yang berpendapatan rendah khasnya, kualiti hidup mereka terkawal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ataupun ada sebut dalam perbahasan banyak kali, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada sebut dan saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada sebut. Satu cara ialah *open tender*, untuk semua *government procurement*. Kenapa sampai sekarang dua tahun ini belum dilaksanakan 100%? Bukankah ini satu cara di mana kita boleh *cut the golden knot* mengenai masalah *corruption* dan salah guna kuasa, *abuses* dalam negara kita.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Dalam Bajet Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun *corruption* tidak disebut secara *direct*, banyak isu tentang *delivery system* telah dibangkitkan dan banyak langkah-langkah telah diambil dengan memberikan peruntukan yang lebih kepada antara lain anti *corruption agency* dan banyak *staff* kakitangan yang lebih, peruntukan telah diberi untuk melantik kakitangan yang lebih di dalam beberapa pejabat yang penting seperti pejabat tanah, *local council* dan sebagainya, dan secara tidak langsung perkara ini juga akan mengurangkan korupsi. Dan dari segi tender, banyak projek-projek makin lama makin di tender dan termasuk infrastruktur projek RM2.4 bilion yang di tender oleh JKR.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Jadi, untuk projek-projek baru yang tidak mempunyai LOI yang lama, kebanyakan projek adalah untuk tender, tender itu pun ada beberapa cara iaitu ada tender *open*, ada tender terhad kepada bumiputera, ada tender terhad kepada kawasan kalau projek itu tidak besar, projek itu kecil di Selangor, tender itu dihadkan pada kontraktor-kontraktor di kawasan Selangor, atau Sabah, atau Sarawak. Jadi, tender itu pun tidak semestinya *open* tender, kita juga boleh menggunakan tender-tender terhad, ini akan memberi kelebihan kepada kontraktor-kontraktor tempatan di sesuatu tempat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Ucapan-ucapan yang dibuat, ekuiti state, apa itu keadaan?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: : Ekuiti state ini ada satu isu yang akan diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dan statistik-statistik terbaru akan diumumkan secara *transparent* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh ringkaskan sikit, cepat sikit, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang jawapan yang saya terima di Parlimen mengenai *market capitalization* 20 syarikat yang terbesar di pasaran saham kita. Saya buat pengiraan bahawa daripada 20 syarikat yang terbesar di bursa saham kita, kita sudah mempunyai *market capitalization* RM344.81 bilion dan kita tahu kalau mengikut laporan akhbar, pada Disember tahun lepas, jumlah *market capitalization* di bursa saham kita ialah RM680 bilion. Jadi, ini bermaksud 20 syarikat yang terbesar ini sebenarnya ia merupakan setengah daripada jumlah *market capitalization*.

Dan, kalau kita lihat dari segi pegangan saham mengikut kaum, kaum bumiputera adalah 33%, kaum bukan bumiputera 30%, orang asing 25%, dan Khazanah Holdings 12%. Kalau kita campur Khazanah Holdings dengan bumiputera maka kita mendapat, kaum bumiputera telah pun mempunyai 45% pegangan saham. Jadi, ini bermaksud yang seruan daripada pemuda UMNO untuk meneruskan dasar ekonomi baru ini memang tidak perlu lagi kerana kaum bumiputera memang sudah dapat, sudah pun mencapai objektif 30% yang termaktub dalam dasar ekonomi baru.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, soalan saya ialah

Tuan Yang di-Pertua: Baik, dia boleh jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita lihat banyak penekanan diberi kepada kaum bumiputera, kontraktor projek kecil, besar semua diberi kepada kaum bumiputera tetapi kalau kita mengikut prinsip Islam Hadhari, Islam Hadhari yang menekankan keadilan kepada semua, jadi ini memang tidak adil. Jadi, kenapakah kerajaan masih kelihatan dalam ucapan Bajet ini, kelihatan ingin meneruskan dasar ekonomi baru yang hanya berpihak kepada satu kaum sahaja tetapi bukan adil kepada semua. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tentang *market capitalization* dan juga pegangan kaum bumiputera yang saya tanya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, faham lah.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan satu isu yang pada saya isu dasar, isu pokok. Sebab dalam campuran untuk mendapat ekuiti bumiputera, kita tidak boleh memasukkan pegangan kerajaan ataupun pegangan agensi kerajaan sebagai pegangan bumiputera sebab kerajaan dan Khazanah bukan pemegang bumiputera. PNB, kita masukkan sebagai pemegang bumiputera tapi Khazanah, kerajaan, Petronas dan EPF tidak boleh. Memang tidak boleh dari segi definisi, dari segi logik tidak boleh dimasukkan sebagai pegangan bumiputera sebab ia pegangan kerajaan dan kerajaan itu bukan sahaja meliputi bumiputera tapi juga bukan bumiputera.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya dari aspek ini kerana kalau kita baca laporan Rancangan Malaysia Kelapan, ada pun Kajian Setengah Penggal, kita

mendapati agensi kerajaan, pegangan saham oleh agensi kerajaan sebenarnya di golong sebagai pegangan saham bumiputera. Ini adalah cara dan kita juga tahu kebanyakan pengarah daripada agensi kerajaan ini, mereka terdiri daripada kaum bumiputera. Jadi, pada pendapat saya, yang Khazanah Holdings ini 12% dalam 20 syarikat yang terbesar ini haruslah diangkat sebagai pegangan saham bumiputera yang mana menunjukkan 45% dalam *market capitalization* di bursa saham kita. Jadi, pandangan saya ialah tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata macam mana kita meningkatkan daya saing negara kita dan juga kita lihat yang bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir juga berkali-kali menyatakan kerajaan haruslah meningkatkan daya saing kaum bumiputera supaya menghadapi cabaran globalisasi.

Jadi, apakah rancangan kerajaan dari segi ini, macam mana meningkatkan daya saing kaum bumiputera selain daripada hanya kerajaan memberi subsidi sahaja. Kerana kalau kita lihat dengan WTO yang pasaran kita haruslah semakin dibuka kepada dunia, syarikat-syarikat dunia, kita haruslah bersatu-padu sebagai bangsa Malaysia untuk menaikkan daya saingan negara kita dan kita tidak harus menumpukan pada sesuatu kaum sahaja tetapi bagi semua, peluang yang sama bagi semua yang mana juga adalah sejajar dengan prinsip Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ini adalah *the last comment* Tuan Yang di-Pertua. Adalah penting kita faham isu falsafah negara. Falsafah negara, kerajaan tidak menganggap bahawa menjana ekonomi negara, mempertingkatkan *competition*, mempunyai keupayaan untuk maju dengan cepat dalam satu-satu pihak. Agenda bumiputera dan pihak yang lain tidak dianggap sebagai satu yang *conflicting*, kerajaan tidak menganggap, kerajaan beranggapan bahawa kerajaan memang akan mengambil langkah-langkah untuk memajukan semua kaum untuk, memberi faedah kepada semua kaum, untuk pastikan pekerjaan kepada semua kaum, untuk membasmi kemiskinan bagi semua kaum.

Dan pada masa yang sama untuk memastikan bahawa kaum bumiputera dapat bahagian yang munasabah, bahagian yang perlu diberi kepada kaum bumiputera. Ini tiada satu konflik, tidak ada konflik langsung, dua-dua boleh dilaksanakan dan kerajaan berpendapat bahawa dalam keadaan sosioekonomi adalah penting dan keadaan stabiliti politik adalah penting dan untuk memastikan keadaan stabiliti politik dan stabiliti

sosioekonomi yang adalah begitu penting untuk menjana ekonomi adalah penting kaum bumiputera diberi bahagian yang munasabah. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada isu yang dibangkitkan oleh saya tidak dijawab. Pertama ialah berkenaan dengan *monetary policy* kerajaan dalam tahun 2006 dan *foreign exchange* polisi yang telah juga saya sentuh kerana sekarang kita masih walaupun kerajaan sebut bahawa dia akan mengamalkan *free floating policy* tetapi nampaknya masih *manage control* dan sekarang pada tahap itu Ringgit Malaysia masih *under value*. Oleh itu, kos mengimport kita juga naik dan antaranya bahan-bahan import yang kita importkan adalah diesel, petrol. Kalau kita sekarang masih mengamalkan itu *manage control foreign exchange policy*, maka subsidi kos import itu akan meningkatkan dari segi pihak kerajaan.

Kalau kita membenarkan *foreign exchange policy* supaya ia *free floating* maka Ringgit Malaysia akan di antara tahap RM3.4 atau RM3.2 berbanding dengan USD1. So *under such circumstances* ia akan meringankan beban kewangan kerajaan juga terhadap subsidi petrol dan diesel. Kosnya tidak payah di beban oleh rakyat juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalnya?

Tuan Chong Chieng Jen: Oleh itu soalan saya adalah saya telah membangkitkan dua isu iaitu *monetary policy* berkenaan *interest rate* sama ada kerajaan akan meningkatkan *interest rate* dalam tahun 2006. Keduanya, *foreign exchange policy* sama ada kerajaan akan membenarkan itu *free floating foreign exchange policy* dalam 2006.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang isu *monetary policy* ini adalah satu isu yang harus difikir secara mendalam, tetapi ini bukanlah merupakan satu bidang di mana di mana kita dapat mengumumkan satu keputusan dengan begitu sahaja sebab pengumuman sedemikian ada material *effect on the market* dan memang saya tidak dapat memberi satu keputusan dalam perkara ini. Tetapi memang benar Ringgit Malaysia tidak lagi dipeg dan merupakan satu *floating*. Isu yang timbul adalah tentang kadar yang sepatutnya didagangkan. Pada masa sekarang, pada hari ini kadar pertukaran ringgit ialah RM3.7750 berbanding dengan USD1.

Ada pihak yang menganggap bahawa ringgit harus didagangkan ke atas kadar RM3.4 atau RM3.5, itu satu pendapat. Sungguhpun ringgit dianggap sebagai *manage float* yang penting ia di *float and* kuasa pasaran akan menetapkan kadar faedah, kadar USD dengan ringgit. Berhubung dengan kadar faedah adalah satu isu juga yang penting sebab kalau kerajaan menaikkan kadar faedah ini memang akan menguntungkan mereka yang menyimpan duit di bank dari simpanan tetap (*fixed deposit*) dan *pensioners* yang ada *saving* mereka akan dapat hasil yang lebih, keupulangan yang lebih, tetapi pada masa yang sama syarikat-syarikat yang meminjam mungkin akan menghadapi sedikit kerumitan dan projek-projek yang mungkin dapat dilaksanakan dalam keadaan di mana kadar faedah adalah tidak begitu tinggi, tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan di mana kadar faedah telah naik dan kalau projek-projek ini tidak dilaksanakan mungkin pekerjaan-pekerjaan yang dapat diwujudkan akan berkurangan.

Jadi banyak faktor yang kerajaan dan bank negara harus berfikir dalam polisi ini. Walau bagaimanapun, sebarang dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan dari segi *monetary policy* iaitu kadar pertukaran yang baik, kadar *interest rate* yang paling baik akan diputuskan dalam konteks keadaan perubahan global dan juga untuk memberi kelebihan dan keuntungan kepada negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang

sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. "

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM81,125.7730.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2006 bagi Maksud Bekalan B1 hingga B13, B20 hingga B32, B40 hingga B49, dan B60 hingga B62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM35,502,44600.00 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 bagi Maksud-maksud Pembangunan P6, P7, P10, P13, P20 hingga P32, P41 hingga P49, P16 hingga P62 dan P70 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21/2005 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2006 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 telah pun dibentangkan pada 30 September 2005 yang lalu. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] –
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2006] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7, di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas.

USUL
MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH P.M. 66(9)

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya mengusul bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan 9 - Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Butiran 010000 – Khidmat Sokongan Berhubung Dengan Gaji Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, semenjak dua tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih teraju pimpinan, satu tekanan utama *centerpiece* dalam dasar ialah pentadbiran beliau ialah bahawa memerangi dan tentu yang mustahak sekali ialah Badan Pencegah Rasuah, tetapi nampaknya kita lihat daripada dua tahun ini Badan Pencegah Rasuah boleh disifatkan sebagai *the weaker of the link, the weakers link* dalam sistem integriti, keutuhan nasional kita. Kalau kita mahu nasional integriti sistem yang boleh berjaya untuk memerangi rasuah, *this* Badan Pencegah Rasuah sangat mustahak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kita tahu bahawa Badan Pencegah rasuah adalah *limitations* tetapi dan sepatutnya di luar daripada bidang jagaan satu Jabatan Perdana Menteri patut adalah bebas dan *autonomous* supaya ada kuasa yang sepenuhnya untuk ambil tindakan terhadap mereka yang bersalah tetapi tidak. Tetapi sungguhpun begitu, oleh sebab adalah jaminan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri yang baru bahawa anti rasuah ialah *centrepiece* dasar-dasar pentadbiran beliau kita ada hak untuk mahu tengok *result* daripada Badan Pencegah Rasuah.

Apa kita lihat, apa yang diisytiharkan minggu lalu di mana saya pun ada beritahu di Dewan yang mulia ini mengenai *Transparency International Corruption Perception Index 2005* yang diumumkan pada hari Rabu minggu lalu di mana yang menunjuk bahawa kita masih ditinggal di tangga 39, walhal negara-negara yang lain sama ada negara-negara yang ada dikategorikan yang lebih bersih daripada Malaysia, di Asia kita hadkan perbincangan kepada negara-negara Asia, Hong Kong, Singapura, Japan, Taiwan, sudah lebih kedudukan yang lebih baik daripada Malaysia boleh tambah baik lagi dalam *Transparency International Corruption Perception Index 2005* dan negara-negara yang lain yang dianggap belakang daripada Malaysia sama ada Thailand, South

Korea, dalam setahun ini pun bertambah baik, barulah Malaysia *stuck* dalam tangga 39 yang menunjukkan bahawa kita sungguhpun ada seorang Perdana Menteri yang komited untuk kempen anti rasuah tetapi tidak boleh lihat apa-apa hasil. Kalau dalam pentadbiran dalam dua tahun yang pertama kita tidak boleh tengok hasil yang biasa *result* dalam tahun pertama, tahun kedua, dalam satu pentadbiran yang baru apalah dijanjikan kita ada lihat hasil tetapi nampaknya kita tidak.

Kita mahu kalau mahu cari satu badan yang mahu perlu memikul tanggungjawab selain daripada dasar-dasar bahawa tidak ada perubahan undang-undang mengenai anti *corruptions* ialah Badan Pencegah Rasuah. Apalah Badan Pencegah Rasuah sudah mencapai dalam dua tahun ini dan kita boleh lihat kes-kes besar, tidak ada apa-apa tindakan. 18 ikan yu, 18 *sharks* kita masih tunggu sungguhpun ada kata ada satu daripada 18 ikan yu sudah ditangkap, sekarang tinggal 17, 17 sekarang tetapi, setuju? Tinggal 17.

Tetapi kenapa masih ada 17. Dan kita mahu tahu kenapa, adakah kita serius? Kita adakah serius, Badan Pencegah Rasuah serius? Dalam kempen anti rasuah. Kenapa sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan diambil oleh BPR terhadap Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Isa? Oleh kerana kesalahan beliau yang menyebabkan beliau digantung sebagai ahli anggota UMNO. Dilucutkan sebagai anggota Kabinet ialah *money politic*.

Dan *money politic* ialah korupsi, tak boleh lari daripada itu. Yang Berhormat Menteri yang menjaga undang-undang *de facto law Minister* sekarang sudah bertanggungjawab Warisan. Dia sendiri berkali-kali sangat tegas, *money politic* dalam *party election* ialah *corruption*. *No two ways about it*. Kenapa kita perlu mempertikaikan, *argue about it? We don't have to argue. It is money politic*, kenapa sekurang-kurangnya visi Badan Pencegah Rasuah (BPR) mula tindakan pun tak berani bagi tahu kepada sesiapa, tetapi dulu apabila mahu ambil tindakan terhadap musuh politik, parti pembangkang buat laporan pun Badan Pencegah Rasuah boleh buat. Dan semua tak perlulah kita *go back to that history - dark black chapter of the BPR*.

Yang menjadi alat parti pemerintah untuk digunakan terhadap parti-parti pembangkang. Apa yang kita mahu, tak kira daripada parti pembangkang atau parti pemerintah, atau tanggungjawab BPR ialah ambil tindakan terhadap mereka yang *corrupt* dan perlu ambil tindakan terhadap mereka dan kes baru-baru ini, mengenai Ketua Menteri, Ketua Menteri Melaka di mana ada tabung kebajikan perubatan yang

dikutip daripada orang ramai RM900 ribu, tetapi diguna untuk saudara mara sendiri, ahli keluarga sendiri.

Bukankah ini *corruption*, inilah *conflict of interest*. Adakah ACA ambil tindakan? Kenapa *all no action*? Kenapa tidak semua, *no action*? Osu Sukam, Osu Sukam, bekas Ketua Menteri Sabah boleh cuti beratus juta ringgit, beratus juta dollar pound, dan tak mungkin beliau boleh kutip harta benda itu secara sah sebagai Ketua Menteri. Adakah satu siasatan dibuat? Adakah siasatan dibuat? Saya pernah cakap di dalam Sabah Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, satu kali saya di Sabah, saya kata bahawa apabila ada giliran Ketua Menteri, pertukaran Ketua Menteri nampaknya berlaku semacam *the coming of the locus to sweep, to clean up the land*. *The locus* di mana politikus-politikus peranan mereka semacam *locus*. *Eating up the green of the people*. Itu yang berlaku. *Locus!* Dan, dan semua ini banyak kes kita ada sebut di sini. Semalam pun, minggu lalu, ada dua kes. Apa itu Port Klang Authority, mengenai pembelian tanah seribu ekar dengan harga RM1.8 bilion ringgit, walhal harga pasaran lebih kurang daripada separuh atau 1/3. Dan KPA, Kelang Port Authority membeli tanah itu 1000 ekar Paya Indah bukan sahaja dengan harga RM1.8 bilion ringgit, lepas itu peruntukan RM1.3 bilion ringgit untuk memajukan tanah itu, ertinya jumlah RM3.1 bilion. Tetapi ini semua harga sebelum peruntukan kemajuan RM1.3 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payahlah panjang, panjang. Yang Berhormat buat usul.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey, itu sudah cukup. Saya nak tanya, apakah ACA sudah buat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah ACA sudah buat? Apakah ACA sudah buat? Dan mengenai *double tracking, double track*. Rawang dan Ipoh *double tracking project* yang melibatkan DRB Hicom-UEM, adakah ACA siasat mengenai penyalahgunaan kuasa dan korupsi, unsur-unsur korupsi, yang ada, nampaknya tidak. Dan ..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payah dengar sana Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha? Tak dengar. Tak dengar. Saya bagi jalan, tak dengar. Apa tu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Ha? Apa cadangan! Mereka yang *corrupt*, heret mereka kepada mahkamah. Penjara mereka kalau Menteri pun, penjarakan Menteri tersebut. Itulah cara untuk kebaikan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita mahu satu budaya yang baru, kalau kita mahu satu budaya yang baru, *zero tolerance for corruption*. *Zero tolerance for corruption*. Itulah patut menjadikan, menjadikan matlamat. Adakah kita semua rela? Sampai sekarang, saya tak dengar, bukan sahaja menteri-menteri, saya tak dengar Ahli-ahli Parlimen kata, negara kita sekarang era baru di bawah Pak Lah, *zero tolerance for corruptions!* Mereka yang *corrupt* ambil tindakan, tak kira *minister* atau bukan *minister*, adakah?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia sendiri nampaknya suara tunggal sahaja, *alone voice against corruption!* Tak ada *voice* dalam Kabinet, tak ada *voice* dalam Parlimen! Semua sini sokong mereka yang *corrupt*. Dan ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk].

Tuan Lim Kit Siang: ACA, BPR, sebagai *the weakest link and the system to fight corruptions*, kita mahu tahu. Dua tahun dahulu, Ketua Pengarah ACA kata, dia akan buat laporan *every now and then* kepada mereka yang terlibat, *interested* kepada orang ramai mengenai *public interest cases*, mengenai kemajuan dalam siasatan kes-kes *corruption*. Mana? Tidak! Lepas itu, diam! *Whistle blower*, kena tangkap! *Whistle blower*, kena tindakan, diambil terhadap mereka. Osu Sukam kes, kita buat *ACA report*. Kami, kena siasat. ACA mahu siasat. Pergi siasat Setiausaha Agung DAP, kenapa, mana dapat maklumat? Ini, satu *joke*. ACA mahu jumpa saya. *I say, go off, I've no time for you!* Tak tau maklumat mana? Maklumat, dalam surat khabar. Mahu siasat saya untuk apa? Mahu *frightened*, mahu ugut saya! Mahu ugut saya!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: *Cooperate* lah!

Tuan Lim Kit Siang: *Not, what cooperate? This is a nonsense!! This a ridiculous.* Orang yang beri arahan bahawa dalam kes Osu Sukam siasat pemimpin-pemimpin DAP, mereka patut dipecat dari ACA,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup.

Tuan Lim Kit Siang:oleh kerana orang yang patut disiasat ialah Osu Sukam! Bukan *DAP Leader*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, yang menyokong, ada penyokong? Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Menyokong? Ya, dengan itu saya harap ..

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Oh, semua sokong? Semua sokong? Bahawa kita, apa mahu? Sebenarnya lebih baik pun ini menunjuk bahawa ACA di bawah Jabatan Perdana Menteri tak boleh *function*. Kita perlulah ACA yang bebas, bertanggungjawab kepada Parlimen, kepada Parlimen dengan satu *Parliamentary Committee* mengenai *corruption* yang Ahli-ahli Parlimen perlu memainkan satu peranan untuk *fight corruption*. Kenapa tak berani?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tak berani supaya bertanggungjawab atas ACA?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat,

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Ini saya, kita semua tunggu-tunggu. Sama ada kita rela untuk, *have a new beginning and the fight against corruption two years after Pak Lah premiership*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menyokong, ya, Cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hendak sokong, sedikit!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Mana sokong, mana kira, you bukan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh bahas.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, yang pertama pada pandangan saya ACA adalah satu badan yang nampaknya tidak ada, *close tigers* dan ini diakibatkan oleh beberapa faktor yang boleh dielakkan. Saya bersetuju penuh dengan Perdana Menteri, pandangan beliau bahawa negara ini betul-betul boleh dibersihkan dan perlu dimulakan seberapa segera yang boleh seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang. Sudah

dua tahun langsung kita tidak tahu apa yang telah menukar sikap dan *thinking* dalam ACA.

Di antaranya adalah Ahli Parlimen yang sedia ada di sini, yang telah *disuspend* dalam parti-parti mereka, berkaitan dengan *corruption, party money*. Kenapakah ACA tidak mengambil apa-apa tindakan? Ini adalah satu di antara perkara di mana saya tidak faham, dia pekak atau tidak faham ACA ini.

Yang kedua adalah di mana baru-baru ini Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sendiri telah mengatakan bahawa *local council* iaitu Majlis Tempatan merata-rata dijalankan sebagai *secret society* dan berkaitan yang terlibat adalah beberapa *Act of Corruption* dalam perkara itu. Di antaranya baru-baru ini di Ipoh di mana Ketua Jabatan Landskap yang tidak ada apa-apa kemahiran dalam jabatan tersebut telah dilantik dan menjalankan kerja empat tahun. Selepas itu baru dilaporkan, baru tindakan diambil.

Saya rasa ini bukan satu perkara terpencil. Di seluruh negara, perkara itu terjadi. Itulah kami berpendapat dan ramai di antara rakyat Malaysia berpendapat bahawa kita patut mengadakan *local action* dan juga sebagai yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang, ACA patut menjadi satu badan bebas, bukan sahaja dikatakan satu badan bebas dari setakat suara sahaja tetapi *in reality and in action*. Kenapa pula ACA tidak patut lapor kepada Parlimen? Apakah kes-kes yang sedang dijalankan? Kenapa saya sendiri telah melaporkan beberapa laporan terhadap seorang EXCO Member di Ipoh dan beberapa kejadian yang lain hingga EXCO Memberi itu kata, nasib baiklah itu ACA tidak ambil tindakan.

Dia sendiri mengaku bahawa satu *renovation* telah dibuat di pejabat parti politik dengan menggunakan wang peruntukan kepada Ahli Parlimen. Ini adalah di antara perkara yang perlu diambil perhatian. Saya harap ACA jangan kita suara, suara-suara macam kucing atau tikus di sini, *would like to repeat what people say* tetapi tidak berani berdiri dan bersuara untuk rakyat. Itulah di antara perkara yang saya rasa yang mustahak. Saya rasa laporan-laporan polis yang dibuat sekurang-kurangnya terhadap ahli-ahli politik atau EXCO member atau Menteri, tindakan bukan sahaja diambil, dikatakan diambil, lapor kepada pihak Parlimen supaya ACA dapat dikatakan bukan sahaja bebas tetapi betul-betul bekerja, berkhidmat untuk rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi terbuka untuk dibahaskan. Ya, Rantau Panjang.

4.13 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berkaitan dengan apa yang disebutkan, di bawa usul oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi berkaitan dengan kedudukan dalam negara kita ini. Saya juga rasa terkilan melihat di akhir-akhir ini, badan yang telah diamanahkan oleh kerajaan yang diperhatikan oleh semua rakyat, boleh dikatakan sekarang ini, di negara kita ini sedang menunggu tindakan yang sepatutnya diambil terhadap jerung-jerung seperti mana yang diketahui oleh umum.

Tetapi barangkali ada sesuatu masalah, barangkali ada tangan-tangan besi, tangan-tangan yang berkuasa penuh yang belum lagi setakat ini memberi kuasa kepada pihak yang telah diberi tanggungjawab sebelum pada ini sehingga beberapa jerung besar itu masih lagi bermaharajalela. Walaupun jerung itu tidak berkembang setakat ini, statik setakat apa yang kita ketahui sahaja.

Barangkali kalau negara kita berada dalam keadaan seperti apa yang sekarang ini, kalau pimpinan kita tidak tegas dan tidak memberanikan diri untuk memberi kuasa penuh kepada orang-orang yang berkuasa untuk melaksanakan tugas dengan baik, saya yakin, saya percaya anak-anak bilis ini akan menjadi jerung. Anak-anak bilis ini akan merebak dan membesar sehingga rakyat akan menjadi kaku, tidak dapat mempertahankan diri masing-masing kerana mereka ini berkembang dengan begitu banyak.

Kalaulah pihak kerajaan memberanikan diri menangkap serta mendakwa jerung yang diketahui umum selama ini, yang telah disiarkan kadang-kadang melalui media masa sehingga rakyat di kampung pun mengetahui keadaan ini, saya yakin dan saya percaya perkara-perkara seperti ini akan menjadi suatu perkara yang cukup-cukup susah.

Kita sebagai Ahli Parlimen, sepatutnya memberi semangat kepada pimpinan kita, kepada orang yang berkuasa, khususnya orang yang nombor satu di negara ini supaya mereka ini tidak takut, supaya mereka ini memberanikan diri untuk melaksanakan tugas

yang diamanahkan olehnya, khususnya dalam bidang apa yang disebutkan oleh pihak Ketua Pembangkang dalam usul ini.

Walaupun saya tidak hendak menyebut butir-butir mereka yang terlibat sebelum daripada ini, tetapi saya cukup rasa terkilan apabila mereka ini masih lagi menjadi orang kanan di dalam kerajaan sekarang ini. Malah, kalau kita lihat tingkah lakunya, seolah-olah mereka ini tidak ada sedikit pun kesalahan. Mereka memberanikan diri, menyebutkan mereka tidak bersalah. Walaupun mereka tidak sanggup untuk mencabar pihak yang berkewajipan untuk membawa mereka ini ke mahkamah, tetapi mereka berdepan dengan rakyat, mereka mendabik dada seolah-olah mereka ini tidak bersalah. Ini satu perkara yang patut diambil kira oleh kerajaan sekarang ini, yang mengatakan mereka sedang berada di dalam satu negara yang cuba membasmi habis-habisan seperti mana yang diharapkan oleh rakyat.

Pada peringkat awal dahulu, sewaktu Perdana Menteri mengisytiharkan mereka akan memerangi habis-habisan masalah rasuah ini, maka hati rakyat cukup-cukup puas hati tetapi apabila bercakap sahaja, sudah sampai hampir-hampir dua tahun, tidak ada satu pun jerung, kecuali jerung yang tidak berkuasa penuh, yang telah diambil tindakan. Tetapi jerung yang mempunyai kuasa di dalam parti UMNO, khususnya Ketua Wanita UMNO masih lagi mendiamkan diri dan pemimpin-pemimpin UMNO khususnya juga tidak berani membuka mulut termasuk Ahli-ahli Parlimen sendiri di kalangan UMNO tidak berani membuka mulut dalam perkara ini.

Saya sebutkan di sini sekurang-kurangnya kalau ada di antara Ahli-ahli Parlimen di kalangan UMNO yang memberanikan diri membuka mulut di Parlimen ini, saya yakin, saya percaya Perdana Menteri akan melaksanakan tugas ini. Tetapi selagi UMNO mendiamkan diri, kalau hanya sah kepada pembangkang sahaja untuk menyuarakan perkara ini, saya percaya perkara ini tidak akan berkesan. Saya tengok sudah banyak contoh-contoh di hadapan kita.

Kalau datang daripada pembangkang, seolah-olahnya arahan telah diberi kepada pihak Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional jangan campur tangan, jangan memberi sokongan, walaupun perkara itu betul dan benar. Tetapi kalau perkara ini timbul di kalangan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, sudah tentu saya yakin, saya percaya hampir separuh daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memberanikan diri untuk sama-sama memberi pandangan dan fikiran, sama-sama menekan pihak tertentu supaya diambil tindakan.

Inilah nasib kita dalam Kerajaan Islam Hadhari yang ada sekarang ini iaitu Islam yang tidak mempunyai *pressure* tidak mempunyai kekuatan seperti mana saya sebutkan beberapa kali dalam Parlimen ini. Islam Hadhari ini Islam yang banyak membuat perkara-perkara yang makruf tetapi tidak sanggup untuk menentang kemungkaran. Ini juga salah satu kemungkaran yang ada di hadapan mata. Tetapi kita lihat sekarang ini, kerajaan yang dikatakan Islam Hadhari ini, dilihat oleh rakyat, satu perancangan baru, seolah-olah kerajaan ini hanya sanggup untuk membuat perkara-perkara yang baik, makruf sahaja tetapi untuk bangun berdiri untuk menentang kemungkaran tidak beranikan diri. Tidak ada sesiapa pun yang memberanikan diri termasuk Menteri yang bertanggungjawab seperti mana yang berada di hadapan kita pada petang ini.

Sebab itulah kita lihat di dalam Parlimen ini khususnya dalam UMNO sendiri mereka yang belajar agama tidak ramai sanggup berdepan dan kalau ada mereka yang belajar agama, yang memegang jawatan dalam UMNO khususnya atau memegang jawatan dalam kerajaan kalau sanggup menentang kemungkaran mereka ini tidak lama.

Sebab itu kita tengok Menteri-Menteri yang bertanggungjawab dalam agama - saya ingat selama saya menjadi Ahli Parlimen dua penggal ini sudah tiga berubah. Sudah tiga berubah Menteri yang belajar agama. Ini pun sudah hampir-hampir, kalau banyak membicarakan menentang kemungkaran tidak lama juga Menteri ini. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Alhamdulillah kerana dia pandai, ilmu dia banyak. Patutnya dialah menjadi Menteri tapi dia pandai lagi. Kalau dia cepat menentang kemungkaran tidak naik jadi Menteri. Tapi saya harap dia senyap-senyap dahulu, Jangan cepat melatah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat. Mintalah di bulan Ramadhan ini Yang Berhormat jangan dok tuduh-tuduh, tidak elok. Kita berpuasa, kita dok tuduh dengan tidak ada sebab dalam Dewan di bulan Ramadhan ini, dosanya macam mana? Saya mahu Yang Berhormat menjelaskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuduhan lain, cakap betul dan benar lain. Ini contoh depan kita. Berapa Menteri? Sudah dua yang gugur. Sekarang ini yang baru pula ini. Ini baru ini, cukup bagus sekarang ini.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tapi kalau cuba menentang kemungkaran.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh, Ketereh bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:di depan mata, tidak lama saya rasa. Ketereh? Boleh juga.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, marilah kita bersama-sama mencegah kemungkaran dan marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah. Saya dengar Rantau Panjang berucap tadi. Saya tidak hendak bangun sebenarnya tapi janganlah celupar sangat membuat kenyataan bahawa dua Menteri digugur kerana tidak berani mencegah kemungkaran. Itu satu tuduhan berat dalam bulan puasa ini.

Yang Berhormat adalah anak Tok Guru, saya pun anak Tok Guru. Yang Berhormat ada keluarga di Mekah, saya ada keluarga di Mekah. Dalam bulan puasa ini elakkanlah daripada menimbulkan salah sangka. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, jangan kamu hasut. Hendak bercakap soal rasuah saya bersetujulah. Kita semua pun sudah lama menentang rasuah. Tapi jangan tuduh orang UMNO. Jangan gunakan kesempatan ini untuk mencedok kesempatan politik. Jangan buat begitu. Saya hendak berpesan sekali lagi, saya pun tidak hendak marah dalam bulan puasa. Nabi kata *[Bercakap menggunakan perkataan Arab]* maksudnya, jangan kamu marah. Bercakaplah dengan hati yang baik, dengan niat yang baik. Jangan buat perkara yang sedemikian.

Menuduh mengatakan dua Menteri digugur kerana tidak menentang kemungkaran. Siapa yang tidak akan menentang kemungkaran? Semua orang Islam menentang kemungkaran. Tangkap orang dadah bukan menentang kemungkaran? Tangkap orang berjudi bukan menentang kemungkaran? Tangkap orang berzina bukan menentang kemungkaran? Banyak menentang kemungkaran berlaku dalam negara ini. Tolong jaga diri sedikit. Terima kasih, minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, katakanlah yang benar walau pahit sekalipun. Saya tidak takut. Saya kata ini terjadi di depan mata, rakyat melihat sekarang ini. Sebab itulah kita lihat tidak ramai orang yang belajar agama ini yang sanggup berada dalam Kabinet sekarang ini. Tidak lama.

Saya ingat satu Menteri dahulu apabila beliau di antara orang yang lantang dalam cuba menentang kemungkaran ini, mengkritik tentang perjudian berlaku berleluasa di Malaysia ini, mengkritik tentang perzinaan yang berlaku berleluasa di

Malaysia ini, sekali sahaja membuat kenyataan akhbar lalu mereka diberi amaran berterusan.

Ini kenyataan depan kita. Sebab itulah saya lihat sebahagian besar di kalangan kita ini - yang tidak belajar agama pun tidak apa kita kata tidak sanggup pun kita tidak boleh hendak kata pun sebab mungkin dia ada sebab-sebab tertentu, tapi yang belajar agama ini, saya haraplah terutama sekali waktu dalam bulan puasa ini paling baik sekali kita berdakwah, paling baik sekali kita muhasabah diri kita, masing-masing muhasabah diri kita. Cuba kita tengok bajet kita umpamanya. Kita lihat bajet kita masih banyak lagi perkara-perkara yang sepatutnya kita buang, kita kritik dan sebagainya.

Kita rasa malu apabila orang yang tidak beragama Islam bangun membuat Usul menentang kemungkaran. Ini satu perkara yang memalukan. Memang saya tidak patut berucap, saya tidak bangun. Tapi oleh kerana perkara ini dicadangkan, dibuat usul oleh orang yang bukan Islam kita seorang Islam sepatutnya kita memberi sokongan, sama ada kita parti lain itu cerita lain kerana apa yang disebut tadi, apa yang dibuat usul itu memang jelas dan benar.

Sebelum pada ini peluang untuk membuat usul barangkali tidak ada. Kita cakap di luar Dewan orang tidak terima kita. Kita cakap di waktu-waktu tertentu di Dewan ini masa terhad dan peluang yang ada pada kita inilah peluang yang besar di hadapan kita. Saya yakin dan percaya apabila ada usul ini, sama ada usul ini diterima atau ditolak dan saya yakin usul ini ditolak walaupun usul ini patut diterima dan kita boleh tengok sekarang ini rakyat boleh tengok rakyat boleh melihat kalau rakyat ada di dalam Dewan ini apabila usul ini diminta untuk diterima atau ditolak kita boleh bilang satu persatu siapa yang menentang siapa yang menerima. Kita boleh lihat. Pegawai-pegawai kerajaan yang ada di hadapan kita dan yang ada di belakang kita ini boleh melihat.

Ohh, ini Ahli Parlimen. Di luar kononnya menentang rasuah, bila masuk dalam Parlimen berdepan dengan keadaan akan lesu. Akan lesu sebelah sana dan saya harap pada hari ini *try*lah sekali. Saya rasa Perdana Menteri pun tidak akan ambil tindakan kalau pihak kerajaan bangun beri sokongan kepada usul yang begitu bernas pada petang yang mulia ini dan saya dengan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

4.26 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab diberi kesempatan. Saya memang 100% tidak bersetuju dengan usul yang remeh-temeh sebegini. Usul ini adalah isu politik yang dipermainkan oleh pembangkang. Dari dahulu tidak ada keseriusan mengusul potongan gaji RM10. Apa relevansi RM10? Kenapa tidak mengusulkan perkara yang lebih serius supaya kita boleh berbahas bersama, supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional boleh turut berbahas secara bijaksana. Tetapi dengan usul sebegini dengan tuduhan-tuduhan daripada pembangkang yang bukan-bukan kononnya kerajaan tidak menegah kemungkaran tidak menghalang kemungkaran, cuma pembangkang sahaja yang bersih. Saya rasa ini merupakan usul orang yang gila dan tidak mempunyai fikiran yang waras.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin:termasuk mereka yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana? Peraturan mana? Sebut peraturan mana?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Peraturan Mesyuarat 66....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana?

Tuan Lim Kit Siang:66 beliau kata ini.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana?

Tuan Lim Kit Siang:tidak relevan, apa ertinya?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana? Saya mahu peraturan mana.

Tuan Lim Kit Siang: Dia mahu saya potong RM10,000.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nombor berapa dan baca peraturan berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Tapi dia mahu saya potong RM10,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau tidak boleh dibaca saya tidak mahu beri peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak faham potong RM10.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Itu mengganggu! Itu mengganggu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur, Ipoh Timur sila. Itu hak beliau.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Itu mengganggu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang:daripada *kindergarten*. Tidak faham Peraturan Mesyuarat!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana? Peraturan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Potong RM10 dia tidak faham!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana?

Tuan Lim Kit Siang: Hendak potong RM10,000kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya! Lebih baik! Kalau mahu mencadang, cadangkan yang serius, jangan cadang yang main-main.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Tuan Lim Kit Siang: Haiya! Malulah 50 tahun....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini pembangkang daripada dahulu ini macamlah!

Tuan Lim Kit Siang:potong RM10 tidak faham! Malulah. Balik *kindergarten*.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timur....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tidak bagi laluan, duduk dahulu, duduk dahulu. Saya bagi Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh masuk dalam Dewan yang mulia ini!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, duduk dahulu, duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak faham!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua boleh jelaskan kepada beliau.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Demokrasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Itu ruang dia untuk berbahas.

Tuan Lim Kit Siang: Dia bukan *kindergarten*, dia *pre-kindergarten*!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *You sit down! You shut up and sit down!*

Tuan Lim Kit Siang: *Pre-kindergarten* pun tidak boleh masuk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timur, cukuplah. Teruskan Kinabatangan. Ya, Beluran.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, di kawasan saya soal permohonan tanah ada sahaja soal ketidakpastian dibawa kepada ACA. Soal permohonan projek kecil ada sahaja kesangsian dibawa kepada ACA. Ini menunjukkan kerja Ketua Pengarah ini telah melakukan tugas dengan baik hingga kesedaran tentang penyelewengan yang kecil pun menjadi satu kesedaran di kalangan semua rakyat. Ini merupakan tugas, kerja dan peranan yang telah dilakukan oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, atas dasar inilah adanya kesedaran tentang rasuah baik di peringkat kecil sekalipun memadai bagi kita mengusul satu potongan RM10 walaupun ianya dibenarkan di dalam perlembagaan kita, di dalam peraturan Dewan tetapi adakah ianya bersesuaian kalau kita lihat peranan yang telah dilakukan oleh ACA selama ini. Walaupun di peringkat kecil pun ada kesedaran tentang penyelewengan dan sebagainya. Minta pandangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran kerana memberi ruang luas supaya kita boleh berfikir secara rasional. Mana ada negara dalam dunia ini tidak ada unsur-unsur rasuah. Di Amerika yang kononnya menganjur demokrasi rasuah tetapi kita berpegang teguh - negara kita ini negara demokrasi. Pertama yang dituduh rasuah kena dibuktikan dia terlibat dengan rasuah. Kalau semua orang saya lapor rasuah kemudian ditangkap tanpa usul - saya tuduh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat rasuah minta polis siasat padahal tidak buat. Macam Ketua Pembangkang, cakap kenapa tidak tangkap?

Tuan M. Kula Segaran: Kalau berani, tuduh!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Berdiri!

Tuan M. Kula Segaran: Luar Dewan tuduh saya....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, luar Dewan pun saya berani.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, kalau dia berani.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *You, you shut up! This is my floor, you sit down!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran: Kalau saya bagi ruang kepada dia, dia cakap-cakap sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *You shut up!*

Tuan M. Kula Segaran: *You are very clever.*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Of course!* Mana ada negara yang tidak rasuah cuma...

Tuan M. Kula Segaran: Ini cakap-cakap sahajalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cuma pada kita, kita melihat kerajaan pada hari ini telah melakukan yang terbaik. Hari-hari ada pegawai kerajaan ditangkap, ada orang politik ditangkap, takkan pula tidak kita melaksanakan apa-apa. Seperti Yang Berhormat bagi Beluran kata, perkara yang kecil pun di kawasan saya, pegawai-pegawai Jabatan Tanah melakukan kesalahan, orang ramai lapor, dia didakwa menunjukkan bahawa kita melaksanakan kerajaan melaksanakan kewajipan tetapi tidak semua mungkin.

Kita pun tidak puas hati sebab kita pun melihat ada unsur-unsur sebegini tetapi apabila disiasat, tidak dapat dibuktikan. Apakah kita tidak mengikuti landasan demokrasi supaya orang tidak bersalah pun kita dakwa, kita tangkap? Inilah kadang-kadang saya tidak faham dengan pembangkang, dia kata kenapa kita selalu kalah kes di mahkamah. Sebab tidak ada cukup bukti, kita kalah. Inilah antara lain macam mana kita mendakwa orang ini rasuah kalau tidak ada bukti-bukti yang kukuh. Ini harus kita jaga.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, Ketereh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Bila saya dengar pembangkang bercakap tadi, kemudian saya dengar Yang Berhormat bagi Kinabatangan bercakap, gambaran yang cuba diberikan kepada rakyat ialah pembangkang ini semuanya anti rasuah, kerajaan ini semuanya pro rasuah.

Itulah gambaran yang cuba digambarkan. Sebenarnya tidak adil, kita bercakap demikian tidak adil.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Sebagai manusia biasa, yang tubuh Biro Pencegah Rasuah ini siapa? Tiga hari lepas anak Ketua Polis Negara.... [Disampuk] *Listen*, dengar, tiga hari lepas anak Ketua Polis Negara ditangkap oleh BPR, ditahan beberapa hari untuk siasat dan lepas ini kena ambil tindakan. Itu bukti yang jelas, anak Ketua Polis Negara, *We don't care!* Itu pun hendak kita kata bukan anti rasuah, banyak lagi. Banyak pegawai kanan kerajaan yang telah diberhentikan. Tetapi ada benda boleh dibicarakan, ada benda tidak boleh dibicarakan, Jangan mencuba menanggung di air keruh bahawasanya seolah-olah kami semua ini tidak menentang rasuah. *We are against rasuah more than your people,* [Disampuk] *more than your people.* Sebab itu banyak tindakan diambil sampai menteri pun sudah diambil tindakan. Ada menteri kena pecat, ada ketua menteri kena pecat tetapi hendak bawa ke mahkamah, ada peraturan mahkamah. *I'm not a lawyer,* Ketua Pembangkang adalah *lawyer.* Bukan boleh cakap, cakap memang senang. Saya boleh cakap sekarang, saya menentang rasuah, ya, tangkaplah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, siapa yang berucap? [Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang berucap ialah Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya minta penjelasan. Tetapi yang saya hendak bagi tahunya jangan cuba sekali-kali memberi gambaran seolah-olah kita ini pro rasuah, no, no, no, no! Setuju tidak Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ucapan penjelasan yang bernas dan saya Tuan Yang di-Pertua dengan izin mengambil ucapan Yang Berhormat bagi Ketereh, saya masukkan dalam ucapan saya untuk kerajaan timbangan dan dengan ini saya melihat bahawa cadangan yang dibawa oleh Ketua Pembangkang adalah cadangan yang remeh-temeh dan tidak perlu kerajaan terima dan perlu ditolak serta-merta. Dan lain kali Tuan Yang di-Pertua undang-undang akta seumpama ini membenarkan RM10 ini supaya ditiadakan dan saya menolak cadangan usul daripada Ketua Pembangkang dan juga pembangkang-pembangkang yang lain. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuching dan selepas itu Yang Berhormat bagi Jerai. Seorang 10 minit.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup, cukup.

4.37 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amatlah kecewa terhadap *lack of action on the part of ACA* kerana dalam dua sesi yang lalu, bulan April, saya ada sebut berkenaan kepunyaan RM37 *million share*, saham dalam CMS yang dipegang oleh isteri Ketua Menteri Sarawak dalam CMS Berhad. Di samping isterinya yang memegang RM37 *million share*, saham dalam CMS Berhad, juga anak-anaknya memegang berpuluh-puluh million saham dalam syarikat ini. Tetapi hingga sekarang tidak ada tindakan apa-apa yang diambil oleh ACA.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri panggil saya pergi buat *report* tetapi pada pandangan saya Dewan ini sudah dimaklumkan tentang kes itu, tentang hakikat itu pemegangan saham yang berjumlah RM37 million unit *share* dalam CMS. Menurut harga pasarannya pada ketika itu ialah lebih kurang RM50 million. Bagaimana sebagai seorang isteri Ketua Menteri, dia dapat memungut begitu banyak duit untuk memegang saham ini dan ini adalah perkara pertama.

Perkara kedua adalah mengenai kontrak-kontrak yang dianugerahkan kepada CMS dan subsidiarinya. Antara satu daripada kontrak-kontrak yang dianugerahkan kepada subsidiarinya, PPS *work maintenance* yang *fully on subsidiary* CMS Berhad adalah penyelenggaraan jalan raya di Sarawak sepanjang 4,600 kilometer buat masa sepanjang 15 tahun. Dan menurut *website* CMS, satu tahun lebih kurang beberapa puluh million yang akan dibayar oleh kerajaan kepada syarikat ini dan syarikat ini ada subsidiari CMS Berhad yang majoriti *shareholder* dia adalah isteri dan keluarga Ketua Menteri Besar Sarawak. Ini adalah satu kontrak yang akan menimbulkan *suspicion* terhadap mereka yang akan *justify investigation* by ACA tetapi ACA tidak ambil tindakan.

Kontrak yang keduanya ialah mengenai pembinaan Dewan Undangan Negeri yang baru di Sarawak. Projek ini berjumlah RM300 million. RM300 million telah diberi kepada CMS juga, dengan Naim Cendera. Naim Cendera dimiliki oleh *cousin*, sepupu Ketua Menteri Negeri Sarawak. Dan selepas ambil itu kontrak yang berharga RM300 million, dia subkontrak kepada Binapuri, satu syarikat yang *dilisted* dalam bursa KLSE

dengan harga RM230 million. Tukar tangan sahaja, RM70 million dia telah untung. Oleh konsortium CMS Berhad dan Naim Cendera. Dan semua ini telah dilaporkan dalam Bursa Malaysia dalam KLSE.

Apakah tindakan yang diambil oleh ACA terhadap perlakuan ini? Saya berpendapat bahawa saya tidak perlu pergi buat *report* kerana di sini kita juga ada pegawai-pegawai daripada ACA. Mereka juga ada dimaklumkan tentang hakikat ini dan mereka jika mahu, boleh buat siasatan. Saya ingin tahu, adakah siasatan dibuat lanjutan daripada apa yang disebutkan di Dewan ini *since* April yang.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, boleh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching yakin hasil daripada Yang Berhormat bercakap di sini menyebabkan badan pencegah rasuah mengambil tindakan seperti mana pernah berlaku Ahli-ahli Parlimen disiasat oleh BPR hasil daripada jawapan soalan daripada pihak kerajaan, hasil daripada pertanyaan daripada pihak pembangkang. Hasil daripada Ahli Parlimen ini juga, kalau dia hendak buat dia boleh buat, hendak siasat dia boleh siasat. Bererti adakah ini harapan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, ini adalah *double standard* dan adalah satu *tubeless tiger*lah, ACA. Oleh sebab itu ketua-ketua pembangkang sudah ada mengemukakan Usul hari ini kerana ACA tidak ambil tindakan terhadap itu orang-orang politik yang besar punya, itu ikan yu. Ikan bilis itu tangkap banyak-banyak pun tidak guna kerana kontrak yang saya sebut tadi sebagai satu contoh, tukar tangan sahaja RM70 juta sudah untung oleh CMS Berhad dan Daya Cindra.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh gulung?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, oleh itu saya berpendapat bahawa ACA telah gagal dalam penyiasatan tidak ambil tindakan untuk menyiasat Ketua Menteri Sarawak maka saya sokong usul Ketua Pembangkang.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai dan selepas Yang Berhormat bagi Jerai, Menteri jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Alah, *please* diamlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menentang usul ini kerana ini adalah satu penghinaan kepada ketua pengarah dan juga pegawai-pegawai yang telah menjalankan tugas dan saya kira cukup baik. Walaupun dalam keadaan yang berkurangan, *constrain of manpower*, pegawai yang tidak mencukupi tetapi mereka telah menjalankan tugas untuk membanteras penyakit ini dan mereka bertanggungjawab kerana mereka ingin melihat negara kita ini menjadi negara yang bersih daripada rasuah. Kita harus bersyukur kerana kita berada dalam sebuah negara yang walaupun ada rasuah tetapi tahap makan suap ini tidak begitu tinggi kalau kita hendak lihat dengan negara-negara lain.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kadang-kadang negara-negara lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk yang tadi semua tidak boleh masuk tiba Yang Berhormat bagi Jerai saya boleh masuk pasal saya sudah sebut perkara kena bersyukur dengan apa yang kita ada. Yang Berhormat bagi Jerai setuju atau tidak di dalam *Curbing Corruption* seminar in Manila pada 27-28 September lalu, mereka telah bersepakat meletakkan Malaysia sebagai negara kedua terbaik di dalam tidak mengamalkan rasuah selepas Singapura, di bawah kita ada Bruneilah kemudian diikuti dengan Thailand.

Ini menunjukkan peningkatan di mana usaha-usaha untuk menangani rasuah ini sedang berlaku di negara kita dengan pesat, itu yang pertama. Rasuah ini memang tidak boleh dihapuskan, ia adalah antara gejala yang tertua di dunia tetapi menangani rasuah ini perlu diukur daripada usaha kerajaan bagaimana mereka meletakkan supaya kesedaran terhadap bencana rasuah ini perlu ada pada setiap individu yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan, itu yang pertama, Yang Berhormat bagi Jerai.

Yang kedua baru-baru ini di dalam surat khabar kita ada melihat CPI, *the Corrupt Practice Index* menyatakan yang kita telah meningkat, ukuran kita telah meningkat daripada 4.6 kepada 5.1. Di dalam ukuran ini, 10 adalah merupakan *corrupt free* maknanya tidak langsung mengamalkan rasuah dan peningkatan ini juga menunjukkan *leadership* ataupun kepimpinan yang ada di negara kita pada hari ini benar-benar serius dan tegas di dalam usaha untuk menangani gejala rasuah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jerai, Singapura adalah antara negara *top three in the world* yang bebas daripada rasuah tetapi kita perlu mengambil kira faktor-faktor di sekelilingnya dan Singapura juga dikira sebagai sebuah negara kecil yang berkonsepkan bandar seperti Hong Kong dan lain-lain. Malaysia ini mempunyai berbagai-bagai faktor lagi yang akan diambil kira daripada kampungnya, pengurusan kampungnya hinggalah ke pengurusan peringkat nasional, peringkat negara. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, kalau boleh komen sedikitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu memang tepat kerana ini kajian yang dibuat bukan oleh kita sendiri tetapi orang yang melihat dan orang yang mengkaji yang membuatkan *rating* dan sebagainya. Berbalik kepada pernyataan saya Tuan Yang di-Pertua, kita tengok kadang-kadang negara-negara jiran itu kita hendak masuk pergi melawat negara itu pun sudah kira kena rasuah, kena suap sudah.

Kalau kita tidak suap dia di imigresen itu sendiri sudah bermasalah. Ada negara yang kita masuk dia terus cap keluar masuk tetapi kena suap jadi balik tidak payah pergi imigresen, terus. Tetapi negara kita tidak ada macam itu, kalau kita masuk ke negara kita orang tidak perlu bimbang tentang hendak bagi duit, hendak kena rasuah itu ini untuk mereka dapat bergerak walaupun sebagai seorang *tourist* di dalam negara kita ini. Dan, kita lihat memang tidak ada siapa, sama ada Islam atau tidak Islam apatah lagi umat Islam yang menyokong rasuah kerana ini dikutuk oleh Allah S.W.T.

Rasuah boleh menjatuhkan moral seseorang, boleh menjatuhkan kerajaan, boleh meruntuhkan rumah tangga dan sebagainya ini rasuah penyakit ibarat macam penyakit kanser kalau kita biar. Saya puas hati dengan tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai pencegah rasuah ini. Mereka bertindak dengan fakta bukan boleh pergi cekup orang tidak tentu pasal, kena ada fakta. Kalau fakta cukup baru kita boleh

charge dia di mahkamah kalau tidak kita charge di mahkamah benda itu tidak cukup fakta, tidak cukup bukti teraniaya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita tidak mahu orang teraniaya kerana tuduhan-tuduhan dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Seputeh
[Bercakap dalam Bahasa Cina]

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap dalam Bahasa Cina]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok, ok tapi sekejap sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata kita pergi ke negara lain, imigresen pun kena suap. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai mengakui bahawa Yang Berhormat bagi Jerai pernah suap pegawai imigresen di negara lain?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau ini benar, sila akui di Dewan yang mulia ini.

Seorang Ahli: Dia tidak bagi!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat bagi Jerai belum habis lagi, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan Mesyuarat 36(6), Yang Berhormat membuat sangkaan buruk kepada saya yang baik ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tanya sahaja.

Seorang Ahli: Tanya sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh, ada lagi, ada lagi, ada bagi saya satu minit, sekejap lagi, sekejap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baju sama *colour* pun mahu gaduhkah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada, tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pagi tadi saya terima satu SMS yang kawan saya menyuruh saya memandu kereta berhati-hati kerana Hari Raya akan datang ramai pegawai polis akan tunggu. Jadi ini adalah *message* kepada saya bukannya bagi saya tetapi ini membayangkan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Membayangkan persepsi orang ramai terhadap pegawai kerajaan kita, ini satu. Tentang imigresen - pegawai imigresen sebenarnya bukan sahaja berlaku di negara lain tetapi kita juga mendengar banyak cerita mereka yang import barangan dari luar negeri mereka selalu juga terpaksa untuk suap sana sini dan juga saya sendiri....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini floor saya Yang Berhormat, cukup panjang ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekejap sahaja, satu lagi contoh. Saya minum kopi di kedai kopi di Kawasan Parlimen Bukit Bintang, saya yang melihat dengan mata saya sendiri Pegawai Tarik Tolak Penguat Kuasa DBKL pergi dari satu kedai ke satu kedai untuk minta wang. Semua ini sebenarnya adalah perkara yang begitu ketara dan juga diketahui umum.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah soalan Yang Berhormat, soalan untuk Yang Berhormat bagi Jerai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan saya, bukankah ini menunjukkan bahawa BPR kita ini tidak berkesan, kalau kita pergi ke Hong Kong kita lihat ACA, pejabat ACA di tepi jalan di pusat bandar, di dekat *traffic light* sana semua orang tahu di mana hendak lapor kepada Pejabat ACA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, okey. Okey, Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sampai di Kuala Lumpur, ramai orang tanya di manakah Pejabat ACA? Bukankah ini juga menunjukkan bahawa usaha kerajaan ini tidak cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Yang Berhormat terima kasih. Yang Berhormat bagi Seputeh hendak pegawai BPR ini duduk rata kedai kopikah? Ini bukan kerja dia, dia bukan boleh tunggu dalam kedai kopi. Kalau ada benda berlaku macam Yang Berhormat kata tadi buat laporan kepada BPR, Pejabat BPR.

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen takkan tidak tahu Pejabat BPR di mana? Kemudian tadi Yang Berhormat kata

cerita, dengar cerita, tidak boleh dengar cerita ini fakta, kita tidak boleh menganiaya seseorang. Bubuh orang dalam penjara dengan tiada tuduhan yang tepat itu adalah salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, Jerai? Boleh gulung?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah? *[Dewan menjadi riuh seketika]* Penatlah, hendak gulungkah? Jadi saya minta macam Rantau Panjang tadi, jangan tuduh menteri. Jangan asyik tuduh kerana menteri tukar dan sebagainya, kalau menteri tukar atau *reshuffle Cabinet*, apa salahnya? Itu adalah untuk memberi seseorang menteri itu pengalaman untuk mentadbir, kalau kita tengok *rating* negara kita ini dan hendak bandingkan dengan negara asing, ini saya gulung Tuan Pengerusi, dari segi pihak rasuah negara lain sampai runtuh rakyat bangun dan tunjuk perasaan tolak kerajaan, tetapi negara kita walaupun dituduh rasuah, dituduh itu, dituduh ini kejam dan *double standard, toothless tiger* dan sebagainya, tetapi apabila datang pilihan raya kita dapat majoriti yang cukup baik, dan hilang kuasanya tinggal satu blok sahaja untuk pegang, apa hendak cakap? Tinggal satu blok, tinggal berapa, tinggal berapa orang sahaja...

Seorang Ahli: Betul, betul, betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi bermaknanya rakyat, rakyat tahu apa yang kerajaan buat, rakyat tahu apa yang penguat kuasa buat, rakyat lihat apa yang menteri buat, rakyat tahu apa ketua-ketua pengarah buat. Jadi yang ini tidak payah, tidak payah pihak pembangkang hendak keluar usul, hendak potong gaji pegawai-pegawai, ini adalah satu penghinaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta Seputeh, tadi Seputeh tuduh seolah-olah pasukan polis rasuah, tahu atau tidak semasa hari raya polis hendak jaga keselamatan, hendak memastikan jangan ada kemalangan, hendak memastikan rakyat balik kampung Deepavali, boleh makan tose, boleh makan muruku, apa ini Ipoh Barat? You tidak mahu Deepavalikah? *[Ketawa]* *[Bercakap bahasa Tamil]* Jadi, dia hendak jaga sampai terpaksa buat tank tinggi duduk di atas dan hendak tengok kawalan, guna helikopter hendak tengok kenderaan, apakah itu rasuah? Mereka hendak menjalankan tugas, Yang Berhormat belum terjadi pada keluarga Yang

Berhormat kemalangan Yang Berhormat boleh cakap, kalau terjadi kepada keluarga Yang Berhormat barulah Yang Berhormat sedar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Jerai, saya rujuk kepada SMS yang saya terimalah! [*Sambil menunjukkan telefon bimbit*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:bahawa inilah pasukan keselamatan, inilah pasukan polis menjaga keselamatan kami.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi saya menolak usul ini dengan sekeras-kerasnya dan berharap pihak pembangkang lain kali hendak buat usul hendak potong gaji fikir habis-habisan dan Rantau Panjang jangan hendak menumpang dalam bulan Ramadhan ini asyik memaki orang berdosa besar, saya menentang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, Ipoh Timor bangkit berkenaan dengan kedudukan Malaysia di tahap 39, iaitu sama seperti dahulu pada tahun 2004 dalam *Corruption Perception Index*. Jadi saya jelas sekali lagi di sini seperti mana saya jelaskan sebelum ini, iaitu walaupun Malaysia berada pada kedudukan 39 pada tahun 2005, sama seperti tahun 2004, tetapi skor yang diperolehi oleh Malaysia adalah lebih baik.

Pada tahun 2004, Malaysia memperolehi skor 5 flat, sedangkan pada tahun 2005, skor yang diperolehi ialah 5.1 iaitu bertambah baik 0.1. Selain daripada itu, kedudukan 39 ini dibandingkan dengan 146 negara sahaja pada tahun 2004 sedangkan kedudukan 39 pada tahun ini dibandingkan dengan 159 negara lain. Bermakna kedudukan Malaysia adalah lebih baik, pertambahan bagi 13 buah negara. Saya juga ingin maklumkan di sini, iaitu bahawa kalau kita lihat daripada segi di Asia.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata bahawa kita ada skor, tahun lalu 5 flat dan tahun ini 5.1 dan ini sudah bertambah baik, betul. Kalau daripada segi itu, adakah benar bahawa sebenarnya kita adalah di antara 4.852 beberapa tahun ini - antara zon ini. Kalau kita puas hati dengan dan bertambah baik 5.1 markah satu tahun, kalau mahu sampai 6.5 bukan kita perlu 15 tahun, ialah 2020. Walhal bukannya benar bahawa dalam PIN, National Integrity Plan tujuannya ialah mahu mencapai skor 6.5 dalam 2008, ini menunjukkan bahawa kegagalan matlamat kita sendiri. Matlamat yang kita sendiri set, kita sudah gagal, kalau

kita mahu sampai point markah 9 yang antara 10 negara yang *list corrupt* tadi, Ahli Yang Berhormat kata bahawa *corruption free*, tidak ada satu negara yang *corruption free* tetapi *list corrupt* dan *corruption CPI* bukan, *corrupt practices index* ialah *corrupt perception index* kita betulkan apa yang kita bahas. Kalau kita mahu sampai antara 10 negara yang *discorrupt* ialah dengan markah lebih 9, adakah ini bererti kita perlu begitu *snails pace crawling*? Kita perlu 40 tahun, 50 tahun pada masa itu mungkin saya rasa Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri sudah tidak adalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: CPI ini ialah *corruption perception index* ya, jadi kalau jatuh senang, cepat jatuh tetapi hendak naik itu agak susah sedikit, tetapi walau bagaimanapun kita mendapat pertambahan baik 0.1, kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan supaya kita akan dapat mencapai seperti mana yang diharapkan, iaitu pada tahun 2008 kalau tidak silap saya, pada tahap yang lebih baik. Sudah tentu waktu kita sekarang ini bersungguh-sungguh untuk melawan rasuah.

Jadi dalam keadaan sekarang memang orang kata, apa keadaan begitu tebal jadi sudah tentu di peringkat awal hendak lawan ini memanglah susah, tetapi saya percaya apabila kita terus melawan rasuah ini di penghujungnya nanti insya-Allah ia akan lebih cepat untuk kita mencapai skor yang lebih tinggi. Oleh sebab itu kita jangan dukacita kerana kalau kita dukacita sudah tentu kita tidak boleh buat apa-apa, kita lebih baik *give up* terus, tetapi kerajaan tidak *give up*, sekurang-kurangnya kalau kita lihat di Asia cuma tidak silap saya 4 buah negara sahaja yang di hadapan kita iaitu Jepun, Singapura, Hong Kong dan juga Taiwan. Itu pun Singapura, Hong Kong itu bukan negara yang *real*, yang itu adalah *city state*, *city state*, tetapi negara yang betul-betul *real* yang besar, Taiwan dan Jepun, itu satu keadaan yang baik, kalau kita lihat di Asia, *not so bad*, tidaklah seperti yang gelap yang digambarkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor, namun kita akan terus bekerja untuk memastikan supaya kita akan dapat mencapai sasaran yang kita mahukan.

Tuan Pengerusi, BPR dianggap...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri ada semak itu CPI, *Corruption Perception Index* 2005 yang menunjukkan bahawa negara-negara yang sampai sekarang ialah di belakang Malaysia sudah kejar Thailand sangat dekat, South Korea satu tangga belakang Malaysia sahaja dan kalau kita tidak lebih berjaya dalam kempen basmi rasuah mungkin dalam

Transparency International Corruption Perception Index 2006 atau 2008, South Korea akan lebih depan. Bukankah ini satu perkembangan yang sangat serius dan perlu yang membayangkan kegagalan ACA. Bukankah benar bahawa beberapa tahun dahulu ACA pernah kata, sangat bangga bahawa CPI Malaysia masa itu di *early 30's* sangat puas hati, sekarang kenapa sampai 2 tahun berturut-turut 39 tangga ACA diam, tidak ada *reaction*. Adakah ACA puas hati, atau tidak puas hati tetapi kenapa sampai sekarang tidak berani untuk mengeluarkan satu pendirian mengenai CPI yang terbaru?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kalau kita beberapa tahun dahulu dapat nombor katalah 30, kita berpuas hati tidak akanlah kita nombor 39 kita hendak kata kita puas hati? Gila punya ACA kalau macam itu, sudah tentu kita tidak puas hati sebab itu kita langsung tidak menyatakan bahawa kita gembira ataupun tidak kerana kita mengambil *commission* tentang bahawa kita sekarang di tahap nombor 39, sebab itu kita duduk diam dan kita tidak mahu bising kerana kita tahu kita tidak puas hati dengan kedudukan itu, kita mahu buat lebih baik lagi.

Kemudian jangan kita bandingkan dengan Thailand, dengan Korea, kalau kita dahulu daripada nombor 140 cukup mudah kita hendak turun ke bawah, kita boleh lompat sampai 30 atau 35 *position*, tetapi kalau kita sudah sampai kepada level iaitu di antara 40 negara yang terbaik, 40 buah negara terbaik, masing-masing ini berlawanan sesama kita. Sebab itu untuk kita hendak *move* kepada *position* yang lebih baik, agak lebih sukar jika dibandingkan kalau dahulu macam Thailand dan Korea, nombor 80, 90 dia turun ke 40 senang sahaja, *very easy*. Tetapi apabila sudah sampai ke *level, the top 40*, pada ketika itu kita hendak rebut, itu kita.... *we have to inch our way*.

Mungkin apa yang kita buat itu daripada segi *score* baik tetapi dari segi bandingan dengan negara lain tidak baik, jadi sebab itu *the struggle will be harder* apabila kita sampai kepada tahap yang terbaik 40. Jadi tidak boleh kita bandingkan dengan Thailand, dengan Korea yang sebelum ini nombor 80, 90, memang dia punya lompatannya itu cukup mengagumkan kerana dia daripada *position* yang lebih jauh daripada kita. Tetapi kita ini dah sampai tahap yang *the top 40, we have to struggle, we have to inch our way through*, tidak mudah untuk kita bersaing dengan negara lain.

Walau bagaimanapun, kita akan terus untuk memastikan kita akan mendapat *score*, bukan sahaja *score*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak habislah cakap ini.

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir, terakhir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudahlah, duduklah, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Terakhir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tak payah cakaplah sebab saya tahu apa yang BPR hendak buat. Awak bukan dalam kerajaan, awak tak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Takut?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada BPR mengatakan itu bahawa kita tidak puas hati, tapi saya puasa ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Takut kah? Takut bahas?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berkenaan dengan dikatakan *the weakers link*, dalam sistem integriti, itu adalah tidak benar. Duduklah, duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya tidak akan setuju dengan apa yang Ipoh Timor cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahulah itu isu rasuah sensitiflah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Difficult to argue* lah, kita tahulah, okeylah, okeylah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah, yang penting iaitu bahawa kita hendak pastikan kedudukan kita bertambah baik, ini pengakuan kita. Dan memang betul dalam PIN kita mahu memastikan supaya apabila lihat kepada CPI, kita mahu kedudukan yang lebih baik. Ini yang khidmat kita lakukan.

Untuk mengatakan bahawa BPR ini sebagai *the weakers link* dalam sistem integriti adalah tidak benar. Terdapat kes-kes yang melibatkan orang-orang yang berpangkat tinggi yang telah didakwa di mahkamah. Saya telah berkali-kali sebut banyak kes tak perlu saya sebut lagi macam Kasitah Gadam, Eric Chia, Shariff Jajang, semua kita buat ya. Ini bermakna kita telah menjalankan tugas dan perancangan dengan berkesan. Kita perlu tegaskan bahawa BPR menjalankan tugasnya dengan bebas, tidak ada pengaruh daripada mana-mana pihak. Sebab itu kita tengok orang-

orang dalam kerajaan, dalam parti UMNO ke, kita ambil tindakan. Kasitah Gadam ke, Shariff Jajang ke, Azman Mahalan, apabila cukup buktinya - Datuk Omar Haji Osman bekas exco Pahang dulu pun kita ambil tindakan, kalau sekiranya ada bukti yang menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Kemudian berkenaan dengan imbasan BPR, BPR bebas menyiasat *without fear or favor*, tanpa campur tangan mana-mana pihak. Jika tidak bebas menyiasat, tindakan terhadap beberapa individu yang telah disebutkan tadi sudah pasti tidak akan dapat diambil. Yang Berhormat daripada Ipoh Timor juga ada sebut berkenaan dengan kes Osu Sukam. Saya ingin menyatakan di sini bahawa BPR sebenarnya menghubungi Yang Berhormat bukan untuk hendak menakutkan orang yang kononnya with a blower ke apa ke. Dia menghubungi Yang Berhormat ialah untuk sekiranya kalau Yang Berhormat ada mendapat apa-apa maklumat yang diketahui oleh Yang Berhormat yang tidak diketahui oleh mereka. Sebab kita tahu Ketua Pembangkang punya *network* pun cukup bagus juga, dia cepat dalam maklumat, jadi jangan *straight away* hendak menyalahkan BPR seolah-olah...

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Osu Sukam.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Ya sedang menjalankan siasatan, ya, apa ingat boleh buat dua, tiga hari ke? Gila ke, you siasat dua, tiga hari boleh dapat? Apa? Ingat ini DAP punya *kangaroo court* ke? Ha, baca surat khabar, masuk dalam mahkamah, ini you punya *kangaroo court* ke you ingat? Kita mesti, hari ini kita lihat bagaimana kadangkala iaitu bahawa kes kita banyak ditendang keluar kerana tidak cukup maklumat dan *evidence*. Jadi ini menjadi satu perkara yang juga dibangkitkan oleh orang ramai tentang tidak cekap kita untuk membawa sesuatu kes sehingga kan kes ditendang, lebih bahaya lagi dalam kes seperti ini ialah kalau kita ditendang kes kita, orang yang didakwa itu sudah pun malu besar.

Sebab itu kita hendak pastikan supaya kita akan mendapat bukti yang lengkap, kemudian baru kita boleh membawa kes ini ke mahkamah supaya jangan lagi berlaku di mana iaitu kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah didapati tidak mencukupi dari segi buktinya kemudian dianggap sebagai tidak ada, ditendang kes itu. Kita tak mahu perkara ini berlaku, apatah lagi kes yang ada kaitan dengan rasuah dan dia boleh mendatangkan satu malu besar terhadap orang yang telah didakwa dan kemudiannya

tidak ada bukti untuk mendapati dia bersalah. Sebab itu jangan marah kalau BPR menghubungi pihak pembangkang, untuk mendapatkan maklumat apa salahnya. Jadi dalam kes Osu Sukam ini, saya ingin menyatakan di sini iaitu BPR sedang menjalankan siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kes Port Klang *authority* dan *double track* Ipoh – Rawang, BPR sedang meneliti isu ini dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat unsur-unsur kesalahan di bawah bidang kuasa BPR. Kita tak boleh asal orang cakap sahaja, kita terus ambil kesimpulan bahawa dia bersalah, kita kena menyiasat betul-betul.

Berkenaan dengan BPR tidak memberitahu kes yang disiasat seperti dahulu, kes yang ada *public interest*, dimaklumkan dari masa ke semasa, adalah tidak adil kita menghebahkan kes-kes rasuah yang sedang disiasat atau yang sedang dalam tindakan BPR, ini adalah kerana tohmahan terhadapnya belum lagi terbukti kebenarannya. Kita tidak mahu orang-orang yang belum terbukti kesalahannya diadili oleh pihak media atau orang awam. BPR berpendirian apabila cukup bukti orang-orang yang terlibat dituduh di mahkamah dalam perkara ini boleh dimaklumkan ya, apabila sampai ke mahkamah okeylah kita beritahu kepada semua, waktu siasatan tak boleh.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, saya sebenarnya hendak hilang pahala saya bulan puasa ini sebab banyak daripada apa yang dia cakap itu fitnah. Saya juga ada menerima satu buku berkenaan dengan skandal 3 Abdul. Jadi saya tak mahu baca langsung sebab buku yang ditulis ini cuma fitnah. Jadi saya harap supaya benda-benda fitnah ini kita jangan bangkit, biar kita ada bukti yang betul, barulah kita boleh menyatakan sebagai hak. Disebut tadi benda yang benar, benda belum benar lagi, dia saja yang kata benar. Sebab itu saya ingat kita dalam Islam pun kalau dalam apa-apa kesalahan berlaku pun kita hendak empat saksi, bermakna biarlah kita betul-betul sah benda itu betul berlaku, ada empat saksi baru kita bawa ke medan pengadilan.

Tetapi kalau kita setakat hanya dengar cakap belum lagi boleh kita kata itu sebagai hak kononnya hendak berkata benar. Saya tidak mahu juga menghukum Yang Berhormat dalam 3 Abdul di Kelantan ini, buku Ahmad Sayuti Omar yang mengatakan bahawa di antara 3 Abdul ini, Abdul Khatab seorang dia. Jadi kita tak usah, sebab itu saya terus tolak buku ini kerana itu merupakan hanya sebagai tohmahan. Jadi kalau kita bersikap demikian, saya percaya Yang Berhormat tidak akan memfitnah orang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, apa ada dalam cerita buku itu Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak baca pun, saya tidak mahu sebab saya mengenali Yang Berhormat Rantau Panjang, saya kenal dia, saya fikir buang masa saya kalau saya baca buku ini, sebab saya percaya dia tidak berbuat demikian ya. Sebab itu saya juga berharap supaya layanan yang sama juga Yang Berhormat Rantau Panjang berikan kepada pihak-pihak yang Yang Berhormat tuduh sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tolak usul ini bukan bermakna kita tolak lawan rasuah, tidak. Kita Cuma menolak usul ini kerana kita rasakan iaitu bahawa tuduhan dibuat terhadap Ketua Pengarah ataupun terhadap BPR itu adalah tidak tepat dan tidak kena kerana mereka sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan supaya rasuah ini dapat kita tangani dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat daripada Bandar Kuching, Kinabatangan dahulu, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan iaitu bahawa saya ingat kalau main potong RM10 ini, ini main-main. Kalau kita betul-betul serius dalam hal ini marilah kita bersungguh-sungguh pastikan iaitu satu hukuman dikenakan terhadap BPR dan bukan hanya setakat RM10, ini main-main sahaja. Jadi kalau bermula dengan RM10, kita tahu awal-awal ini adalah main-main. Kalau betul serius, kita cakap suruh dia berhenti ke, buang kerja ke apa, kerana menunjukkan keseriusan tentang dakwaan dibuat terhadap BPR ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Bandar Kuching, sekarang ini saya sebut betul Bandar Kuching, mana dia? Dah balik dah? Ada, okey, Bandar Kuching, dalam bulan April Yang Berhormat nyatakan bahawa Cahaya Mata Sarawak (CMS) mendapat kontrak pembinaan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Jawapan telah dibuat dan didapati CMS tidak mendapat kontrak tersebut. Hari ini dimaklumkan Naim Cendana yang mendapat kontrak tersebut, sebab itu dalam jawapan terdahulu diminta supaya Bandar Kuching.....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya.supaya Bandar Kuching membuat laporan dan menjadi saksi datang bagi maklumat terperinci, namun maklumat terbaru yang dibangkitkan oleh Bandar Kuching sebentar tadi, BPR memberi perhatian.

Tuan Chong Chieng Jen: Apa saya kata adalah itu Dewan Undangan Negeri, projek pembinaan Dewan Undangan Negeri telah diberi kepada salah satu subsidiari CMS Berhad yang bergabung dengan Naim Cendana. Naim Cendana dengan subsidiari CMS Berhad, mereka bergabung menubuhkan satu konsortium. Mereka ambil projek pembinaan Dewan Undangan Negeri ini dianugerah kepada konsortium ini, lalu mereka berikan pembinaan projek itu kepada Binapuri dengan keuntungan RM70 milion. Itu yang saya sebut tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya sebut sebentar tadi, iaitu bahawa maklumat yang dibangkit oleh Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat kalau pegawai ACA berminat hubungi saya untuk mengambil maklumat itu, saya mengalu-alukan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payah, tak payah alu-alukan memang tanggungjawab kita saya telah sebut sebentar tadi, bahawa maklumat terkini yang terbaru itu yang dibangkit oleh Bandar Kuching kita akan beri perhatian, sudah tentu kita akan menghubungi Yang Berhormat. Jadi saya ingat setakat itu sahaja dan.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri ada tinggalkan Ketua Menteri Melaka, Ali Rustam?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Ketua Menteri Melaka saya sendiri pun belum dapat makluman, mungkin perkara ini dalam siasatan ke apakah, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat apabila maklumat dah ada nanti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan 9, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Butiran 01000, khidmat sokongan berhubung dengan gaji Ketua Pengarah Badan Pencegah rasuah hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul tidak disetujui.

[Perbahasan di bawah Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] dan Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2006] – disambung semula]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B. 1 hingga B. 9 dan B. 40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Lipis. 10 minit setiap Ahli berucap.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak membincangkan ada beberapa perkara pertama sekali di bawah Maksud Bekalan 1 tentang Parlimen.

Tuan Pengerusi, di Malaysia ini kita ada empat, rasa saya tidak silap lambang negaralah yang sangat penting, yang pertama sekali ialah bendera Malaysia itu sendiri, jadi bendera Malaysia ini memang kita sangat menghormatinya hanya ada kadangkala oleh kerana ada dua versi, satu bena dan satu bendera menyebabkan ada kala orang membuat bena itu sebagai bendera.

Yang keduanya, jata negara. Kita ada jata negara dan selalunya kita sangat menjaga jata negara ini lengkap dan sebagainya, kecuali ada juga yang kadang-kadang bulan dan bintang di atas jata itu tidak ada, harimaunya ada, semua ada. Yang ketiganya lagu, banyak dipertikaikan tentang lagu negara kita, akhir-akhir ini dari segi melodi dan yang keempatnya bagi saya yang ini yang sangat jarang diambil perhatian oleh orang ramai ialah bunga negara iaitu bunga raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mana satu butiran?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Butiran Parlimen tadi Maksud B.1, butiran Anggaran Belanja Mengurus dari segi - dia tidak ada di sini yang betul-betulnya, dari segi saya dah semak tadi, pakai cermin mata. Butiran 1, Maksud Bekalan 1.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Se Cheng]: Urusan Parlimenakah?

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman : Urusan Parlimen, yes. Bekalan 1 saya dah cakap tadi, jadi yang keempat itu bagi saya ialah bunga. Jadi bagi saya agak malang dalam Parlimen bunga ini kita tidak beri perhatian. Gambar bunga kita lukis pada permaidani selepas itu dalam Dewan yang mulia ini kita pijak-pijak. Ada bunga di belah bawah kita selama ini saya dah fikir duduk setahun lebih saya memikir, kenapalah kita lukiskan gambar bunga raya, bunga lambang negara kita di atas permaidani dalam Dewan yang mulia ini lepas itu kita pijak-pijak.

Jadi ini bagi saya kepekaan terhadap lambang negara kita. Kepekaan terhadap lambang negara kita Tuan Pengerusi tidak kita ambil perhatian. Jadi apa yang saya

hendak cadangkan di sini ialah pada masa lain, sebab ini kalau kita hendak ganti mengambil ataupun menelan belanja yang besar. Jadi pada masa yang akan datang kita pastikanlah supaya bila kita membuat sesuatu memang saya percaya niat mereka yang mereka bentuk permaidani ini baik, tetapi kita sebenarnya telah tidak menghormati lambang negara kita sendiri iaitu bunga raya. Walaupun pada tahun ini kita dapati ada satu kempen, oleh sebab kita dah banyak menengok bunga-bunga yang lain, jadi kita lupa kepada bunga raya kita pada tahun ini semasa kita menyambut bulan kemerdekaan itu ada kempen untuk menanam bunga raya secara besar-besaran.

Tetapi kita sendiri penggubal undang-undang dalam Dewan kita sendiri sekarang kita telah memijak bunga ini setiap hari kita bersidang. Jadi di sini saya hendak mencadangkan supaya lain kali bila kita mengganti *carpet* ini bukan sekaranglah, lain kali kita bila *carpet* ini dah lusuh, bolehlah kita tukar dengan gambar-gambar lain seperti gambar roket yang tak sempat naik ke bulan ke dan sebagainya, tak apa bukan lambang bunga rayalah. Saya sebenarnya mengenai *carpet* ini tidak ada saya rasa terkilan sangatlah dari segi itu, sehingga *carpet* ini tidak ada. Gambar bulat, bulat bulan bolehlah warna merah ke hijau, boleh. Tetapi bukan lambang bunga raya.

Jadi, tak payahlah nanti hendak tukar serta-merta, tetapi kita ingatlah lain kali bahawa kita sebenarnya ada empat lambang yang kita perlu jaga dan perlu hormati. Itu butiran B.1.

Yang keduanya, masuk butiran berkenaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ini dalam konteks urusan personnel – 10000. Jadi di sini kalau kita lihat banyak pegawai yang telah dilantik secara kontrak oleh JPA untuk duduk di pelbagai jabatan. Mereka mungkin diberi kontrak dari setahun ke setahun atau dua, tiga tahun. Tetapi apa yang saya dengar ada di antara pegawai-pegawai kontrak ini apabila tamat kontraknya telah tidak dilantik secara terus atau ke jawatan yang sepatutnya mereka mendudukinya walaupun perkhidmatan mereka, pegawai-pegawai muda ini adalah baik dan sebagainya. Jadi kadang-kadang jawatan itu diiklankan, pegawai kontrak itu terpaksa meninggalkan perkhidmatan dan pegawai lain pula masuk. Jadi apa yang saya nak cadangkan sini supaya semua pegawai kontrak yang ada dalam Perkhidmatan Awam kalau ada kekosongan, bolehlah lantik terus ke dalam perjawatan tetap. Tak perlu kita nak buat iklan lain dan mengambil masa yang lama untuk kita mengiklankannya.

Bagi maksud Bekalan 7, iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, saya ingin menyarankan kepada jabatan ini supaya memikirkan balik tentang Penilaian Tahap Kecekapan dalam Sistem Saraan Malaysia.

Bagi saya Penilaian Tahap Kecekapan yang dibuat dalam bentuk sekarang iaitu melalui peperiksaan terutamanya bagi yang Gred 41 dan juga gred-gred yang lain, bagi saya sebenarnya tak perlulah, terutamanya bagi golongan profesional. Kerana sepatutnya apa yang dinilai, diukur adalah kerja mereka. Penilaian yang patut dibuat adalah terhadap kerja mereka seharian. Bukan dinilai pada akhir tahun sekali sahaja melalui peperiksaan dan sebagainya.

Jadi, ini boleh menyebabkan para pegawai perkhidmatan awam boleh lemah semangat. Terutama bagi mereka kalau contohnya sebagai Doktor, walaupun telah mendapat jawatan pakar, tetapi mereka masih lagi di dalam Gred S41. Saya percaya begitu juga dengan jawatan-jawatan lain seperti Jurutera dan sebagainya. Sepatutnya apa yang dinilai ialah kepakaran mereka, ya? Bukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Jadi, sebagai menggulung, itulah saya katakan tadi, ada tiga perkara di situ. Yang pertama sekali kita mesti menghormati lambang negara kita dan apa saja yang kita buat kita mesti memikirkan perkara ini. Keduanya, pegawai jawatan kontrak mesti dilantik terus dan ketiganya, peperiksaan atau Penilaian Tahap Kecekapan itu mesti dibuat penilaian semula, sekian, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjung.

5.22 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Maksud Bekalan 8, Jabatan Peguam Negara khususnya Butiran 060000 - Perkhidmatan Pendakwaan, iaitu tujuan adanya Jabatan Peguam Negara adalah untuk memberi perkhidmatan pendakwaan dan prosiding jenayah di mahkamah bagi menentukan penjenayah dihukum mengikut undang-undang demi melindungi orang awam dan negara.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini timbul pelbagai berita berhubung dengan cabaran kepada Jabatan Peguam Negara dan juga teguran-teguran yang dibuat oleh para hakim Mahkamah Tinggi dan Majistret, baru-baru ini di Ipoh, di Kuala Lumpur, di George Town

dan sebagainya di mana hakim marah kepada pihak polis dan pendakwa raya kerana gagal menjalankan tugas mereka sehingga mengakibatkan kes-kes terpaksa ditangguh ataupun dibatalkan dan sebagainya, di mana ada juga pendakwa raya yang kalah dalam beberapa kes yang disifatkan besar dan mendapat liputan akhbar yang amat luas termasuk kes yang membabitkan pembantu Menteri Sabah, Datuk Norjan Khan Bahadar, mendiang, pembunuhan Noritta Samsuddin, kes rogol dan bunuh pelajar Farah Diba Rastam di Ipoh, dan baru-baru ini yang mendapat liputan yang amat luas adalah berhubung dengan kes pembunuhan seorang pelajar dari negara China bernama Shi Hsiang Fuang, yang mendapat publisiti yang amat luas dan akhirnya tiga orang tertuduh Restu Appalo, Khor Kim Teik dan Mohamad Najib Jugafi telah dibebaskan kerana mempunyai beberapa perkara yang tidak dapat dibuktikan ataupun kesangsian dan juga soalan-soalan yang tidak dapat diberi jawapan dalam kes pendakwa raya.

Ini telah menyebabkan banyak reaksi di negara ini memandangkan kes-kes ini adalah semua *high profile* belaka. Dan baru-baru ini bapa kepada murid ini, Shi Ching Lai, datang ke Malaysia khasnya dari negara China, sebab mengikut laporan-laporan akhbar, saksi yang tidak dipanggil oleh pihak pendakwa raya dalam kes pembunuhan, pelajar ini dikesani di kampung beliau di negara China dan bagi pihak bapa mangsa ini, beliau tidak faham mengapa pihak pendakwa raya telah gagal untuk memanggil saksi yang amat penting ini, sedangkan pihak pemberita dapat mengesan beliau di tempat asal mereka. Dan bapa mangsa juga amat berharap kepada Ketua Peguam Negara untuk membuka semula kes bersabit dengan anaknya.

Dan ini menunjukkan bukan sahaja hakim yang mempunyai opinion terhadap pendakwa raya yang kadang kala mempunyai keraguan dan kegagalan membawa saksi dalam kes, ataupun ada komen dari hakim Mahkamah Rayuan seperti kes tidak sepatutnya berakhir iaitu dibebaskan orang yang dituduh jika pendakwaan menjalankan tugas dengan baik. Komen-komen daripada para hakim berhubung dengan kualiti dan yang dipersembahkan oleh pihak Peguam Negara khususnya bahagian Pendakwa raya ini amat mendapat perhatian. Saya berharap pihak kerajaan akan mengambil berat tentang perkara yang berhubung dengan komen-komen ataupun teguran-teguran para hakim terhadap kerja-kerja yang tidak sempurna oleh pihak pendakwa raya yang mengakibatkan kes-kes dibuang ataupun dibebaskan tertuduh.

Saya menyambut baik jaminan yang diberikan oleh Attorney General bahawa beberapa langkah akan diambil oleh pihak Pejabat Peguam Negara untuk memastikan

pasukan pendakwa raya akan juga dapat membimbing para saksi sebelum mereka dibenarkan untuk memberi keterangan di dalam mahkamah. Ini adalah satu perkara yang patut diambil berat sebab ini melibatkan kepentingan awam. Berhubung dengan perkara ini saya berharap Peguam Negara dapatlah memberi penjelasan ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan perkara ini akan memberitahu sama ada pihak pendakwa raya akan membuat rayuan ataupun mengarahkan supaya kerja-kerja penyiasatan atau pun sebagainya dapat dilakukan ataupun kes pembunuhan Shi Chang Huang, pelajar dari China ini akan dapat dibuka semula.

Tuan Pengerusi, saya dengan masa yang terhad, saya juga berharap kementerian juga memberi jawapan kepada Perkara 050000 berhubung dengan Perkhidmatan Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang. Saya mahu kementerian memaklumkan kepada Dewan ini apakah tindakan yang sudahpun diambil terhadap beberapa memorandum berhubung dengan *legal reform* khususnya berkenaan dengan perundangan mengenai *sexual harrasment* dan juga *amendment* kepada undang-undang berhubung dengan rogol. Saya juga ingin merasakan perasaan tidak puas hati saya terhadap kementerian ini berhubung dengan perkara yang banyak kali saya bangkitkan iaitu percanggahan di antara undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil, yang pada mulanya dijanjikan bahawa satu semakan atau ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Chow Kon Yeow: ...pembaharuan undang-undang berhubung dengan percanggahan ini sudah pun dilakukan oleh kementerian dan Bahagian Undang-undang. Tetapi baru-baru ini, bila saya mengemukakan soalan lisan, apa yang saya dapat tahu adalah jawapan katakan tidak ada sebarang semakan dilakukan berhubung dengan percanggahan. Apa yang diadakan adalah semakan ke atas undang-undang Syariah di beberapa negeri dan sebagainya. Tetapi apa yang saya bangkitkan adalah percanggahan di antara *Islamic Law* dan *Common Law*. Misalnya dalam kes yang saya bangkitkan berhubung dengan *custody*, *guardianship* dan sebagainya. Mewujudkan percanggahan di antara dua kelompok undang-undang ini, saya berharap Bahagian Perkhidmatan Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang dapatlah memulakan kerja-kerja untuk menentukan bagaimana menyelesaikan percanggahan yang saya sebutkan dan juga *legal reform* berhubung dengan undang-undang *sexual harrasment* dan undang-undang rogol. Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah. Dan perbahasan ini bolehlah kita sambung pada hari esok.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.